

Kandungan

Bab Pertama: Pendahuluan.

- 1.1 Pengenalan.
- 1.2 Latarbelakang Masalah.
- 1.3 Pernyataan Masalah Kajian.
- 1.4 Objektif Kajian.
- 1.5 Kepentingan Kajian.
- 1.6 Pengerian Tajuk.
- 1.7 Skop Kajian.
- 1.8 Metodologi Penyelidikan.
- 1.9 Aturan Penulisan.
- 1.10 Kajian Terdahulu.

Bab Kedua: Sejarah Kemunculan *al-Ibadiyyah*.

- 2.0 Peristiwa Sebelum Peperangan Siffin.
- 2.1 Perpecahan kumpulan al-Muḥakkimah
- 2.2 Al-Ibāḍiyyah.
- 2.3 Jābir bin Zaid al-Āzidī.
- 2.4 Kesimpulan

Bab Ketiga: Akidah *al-Ibadiyyah*.

3.0 Akidah *al-Ibadiyyah*

3.1 Definisi Akidah.

3.2 Mafhum al-Jumlah.

3.3 Al-Iman.

3.4 Al-Islam.

3.5 Al-Taqwa.

3.6 Al-Kufr.

3.7 Al-Tawhid.

3.8. Kewujudan Allah S.W.T.

3.9. Dhat Allah S.W.T.

3.10. Asma' Allah.

3.11. Sifat-Sifat Allah.

3.12. Melihat Allah s.w.t

3.13 .Kesimpulan

Bab keempat: Kenabian

4.0 Kenabian dan Kerasulan.

4.1 Keperluan Kepada Nabi dan Rasul

4.2 Hukum perutusan Nabi dan Rasul.

4.3 Tugas para Nabi dan Rasul.

4.4 Sifat Nabi dan Rasul.

4.5 Kelebihan Nabi dan Rasul.

4.6 Kesimpulan

Bab kelima : Al-Ghaybiyyāt

5.0 Al-Ghaybiyyāt.

5.1 Hikmah beriman dengan Al-Ghaybiyyāt.

5.2 Al-Mawt.

5.3 Alam Kubur.

5.4 Al-Yaum Al-Qiyāmah.

5.5 Al-Ḥisāb.

5.6 Al-Mīzān.

5.7 Al-Ṣirāṭ.

5.8 Al-Syafa'ah.

5.9 Al-Jannah.

5.10 Al-Nār

5.11 Kesimpulan

Bab keenam : Penutup.

6.0 Kesimpulan.

6.1 Bibliografi.

BAB PERTAMA

1.1 Pengenalan

Al-Ibāḍiyyah merupakan salah sebuah mazhab Islam yang wujud selepas kewafatan *Nabi* s.a.w. Kemunculannya dikatakan berlaku pada pertengahan kurun ke-1H/ 7M . Nama *al-Ibāḍiyyah* diambil berdasarkan nama salah seorang daripada pendokongnya yang pertama, iaitu ‘Abd-Allah bin Ibād.

Kebanyakan penulisan sejarah menyifatkan *al-Ibāḍiyyah* merupakan pecahan daripada kumpulan *al-Khawārij* yang bersikap toleran dan sederhana. Pendokong mazhab ini masih wujud lagi pada hari ini dan sentiasa berpegang teguh dengan prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh pengasas mazhab ini. Pada hari ini, kebanyakan penganut mazhab ini tinggal di Oman, tenggara Semenanjung Tanah Arab. Terdapat juga sebahagiannya yang tinggal di Zanzibar, Afrika Timur, Libya, Tunisia dan Algeria. Tidak banyak maklumat yang diketahui tentang mazhab ini secara amnya melainkan beberapa perkara antaranya, sejarah kemunculannya, prinsip-prinsip utama dan perkembangannya.

Penulisan ilmiah ini bukanlah bertujuan untuk mengkaji dan mengupas keseluruhan perkara yang melibatkan mazhab *al-Ibāḍiyyah* ini. Ia hanya membahaskan beberapa topik yang melibatkan persoalan Ilmu Kalam sahaja. Ini adalah kerana definisi, konsep dan syarat penulisan ilmiah itu sendiri amat berat dan

mementingkan fakta-fakta yang bersifat primer. Maka, jika sekiranya penulis ingin menghurai dan mengkaji keseluruhan persoalan mengenai mazhab ini adalah sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan.

Penulisan ilmiah adalah hasil sebuah penyelidikan yang telah dilakukan oleh penyelidik dengan penuh kesungguhan dan kesabaran. Ia dilakukan dengan tujuan mendedahkan maklumat berkaitan dengan idea dan pemikiran terhadap sesuatu perkara atau isu yang terkadang menimbulkan polemik dalam kalangan masyarakat. Persoalan tersebut harus dibicarakan dan dikupas secara adil dan objektif agar ia tidak dilihat sebagai sebuah kajian yang berat sebelah atau menjurus kepada anggapan serta tanggapan sesetengah pihak. Oleh kerana itu, ia memerlukan pengenalan awal tentang konsep kajian yang cuba diketengahkan. Perkara ini juga tidak dapat tidak dilaksanakan dalam penyelidikan yang telah dilakukan oleh penulis. "*Pemikiran al-Ibāḍiyyah dalam Ilmu Kalam*" adalah kajian yang dilaksanakan oleh penulis, bagi menghuraikan dan menjelaskan kedudukan mazhab ini dalam kalangan masyarakat Islam seluruh dunia amnya, atau mungkin sebagai satu pengetahuan baru bagi masyarakat Islam di Malaysia khususnya.

1.2 Latarbelakang masalah

Dewasa ini umat Islam sering diselubungi pelbagai persoalan dan juga konflik yang jelas memperlihatkan kelemahan mereka di mata dunia. Isu pertelingkahan antara mazhab Sunni dan Syi'ah di Iraq misalnya, seringkali menjadi juadah utama media bagi dipertontonkan kepada masyarakat dunia, betapa umat Islam dengan kepelbagaian mazhab yang dianuti sebenarnya merupakan umat yang gagal menangani masalah, lemah dalam berfikir, ekstrim terhadap mazhab dan bukan terhadap kebenaran dan sebagainya. Paling jelas, apa yang dilihat oleh penulis, berlakunya perbalahan antara penganut sesuatu mazhab tentang persoalan- persoalan akidah, sehingga berlakunya serangan-serangan berbentuk maya, seperti pemikiran, istilah, konsep dan sebagainya.

Persoalan ini jika dikaji dengan lebih mendalam, penulis merasakan bahawa kekeliruan yang berlaku antara penganut mana-mana mazhab bukanlah disebabkan oleh konsep dan pemikiran yang dibangunkan oleh sesebuah mazhab, tetapi ia lebih merupakan kejahilan dan kurangnya pengetahuan individu muslim terhadap persoalan utama tentang Islam itu sendiri. Begitu juga pengetahuan umat Islam terhadap latar belakang sejarah sesebuah mazhab, sumber utama dan metodologi yang diguna pakai dalam menghasilkan prinsip-prinsip tertentu.

Umat Islam pada hari ini lebih senang menerima apa yang dibaca, mempercayai segala bentuk penemuan dengan mudah, terutamanya yang dihidangkan oleh barat. Bahkan umat Islam juga tidak peka dengan konsep

persaudaraan dalam Islam yang bertunjangkan kalimah Tauhid, sehingga berlaku tuduh menuduh, caci mencaci, bermusuhan-musuhan antara mereka, bahkan ada yang sanggup berbunuh-bunuhan. Permasalahan ini sebenarnya boleh membawa hilangnya kesatuan ummah, penyatuan ummah adalah tunggak harapan agar Islam itu kembali menyinari penganutnya.

Berdasarkan persoalan ini, penulis mengambil inisiatif secara langsung mengkaji mazhab *al-Ibādiyyah* yang dianuti oleh sebahagian besar umat Islam di Negara Oman. Pengkajian terhadap permasalahan dan konflik yang berlaku ke atas umat Islam hari ini adalah tanggungjawab cendikiawan muslim, agar kesepaduan ummah dapat dibangunkan semula, seterusnya mengembeleng tenaga umat Islam dalam membantu saudara mereka yang tidak bernasib baik dan teraniaya.

1.3 Pernyataan masalah kajian.

Dalam menjalankan pengkajian ini, penulis merumuskan perkara sebenar yang menjadi asas utama kajian. Berdasarkan kepada tajuk, penulis lebih memberi perhatian terhadap prinsip-prinsip yang dianuti mazhab *al-Ibadiyyah*. Persoalan Ketuhanan, Kenabian dan Hari Akhirat misalnya, merupakan prinsip utama sesebuah mazhab dalam Islam. *Al-Ibadiyyah* juga tidak lari daripada membahaskan persoalan-persoalan tersebut. Individu muslim hari ini amat kurang inisiatif untuk mendalami dan memahami permasalahan mazhab dan pemikiran Islam.

Tajuk kajian yang cuba diketengahkan ini, merupakan persoalan penting yang perlu diketahui dan difahami oleh individu muslim keseluruhannya, terutamanya di era globalisasi. Ini kerana segala maklumat boleh ditemui dan diakses dalam internet. Selain daripada itu penulis juga akan mendalami dan mengengahkan persoalan-persoalan yang timbul daripada kajian yang dijalankan. Antara persoalan yang boleh diketengahkan adalah:

- i. Siapakah yang dimaksudkan dengan *al-Ibāḍiyyah* ?
- ii. Bagaimanakah sejarah kewujudan mazhab ini.?
- iii. Apakah prinsip-prinsip utama mazhab *al-Ibāḍiyyah* dalam Ilmu Kalam?

1.4 Objektif Kajian.

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai objektif dan hala tuju yang tersendiri. Bagi menghasilkan sebuah kajian yang baik dan mantap, objektifnya perlulah jelas dan mampu dicapai. Penyelidikan yang baik adalah sebuah penyelidikan yang diselarikan dengan tujuan dan objektif yang tersusun rapi. Untuk tujuan tersebut, di sini penulis menyatakan beberapa objektif tersebut.

Pertama: Ia bertujuan untuk meneliti dan mengkaji aliran pemikiran *al-Ibāḍiyyah* dari segi sejarah dan perkembangannya.

Kedua: Ia bermatlamat untuk mengkaji persoalan sumber, metodologi dan pemikiran *al-Ibāḍiyyah* dalam Ilmu Kalam.

Ketiga: Ia bertujuan menyelidiki dan meneliti prinsip-prinsip utama akidah *al-Ibāḍiyyah*

Kenyataan dan keterangan ini penting untuk dilihat, perbezaan dan persamaan dalam konteks akidah antara negara-negara umat Islam, kerana walaupun semuanya mengamalkan perlakuan yang sama dalam bidang ibadah seperti solat, puasa, zakat dan haji , namun mereka sebenarnya mempunyai perbezaan dalam cara memahami persoalan-persoalan akidah disebabkan perbezaan dalam sumber dan metodologi masing-masing.

Ini sudah tentu memberikan pengaruh, impak dan kesan yang berbeza kerana sumber dan metodologi yang digunakan oleh negara-negara umat Islam ini agak ketara berbeza walaupun pada realitinya menjelaskan persoalan atau isu yang sama, iaitu konsep ketuhanan (*al-Tawhīd*), konsep kenabian (*al-Nubuwwah*) dan Hari Akhirat (*al-Ma'ād*). Aspek metodologi pengajaran dan pembelajaran akidah Islam juga akan dikaji untuk melihat dan memahami fokus utama pengajaran dan pembelajaran akidah Islam yang mungkin dapat dibuat kajian perbandingan dengan situasi pengajaran dan pembelajaran di negara-negara lain amnya dan Malaysia khususnya.

1.5 Kepentingan Kajian:

Dewasa ini, bidang Akidah dan bahkan juga bidang Pemikiran Islam menjadi sangat penting kerana tuntutan, kehendak dan keperluan diperingkat Internasional dan juga nasional terutama dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan yang memerlukan keampuhan dan kekuatan dalaman individu mahupun kelompok yang ramai untuk menghadapi cabaran dunia masa kini. Kekuatan dalaman khususnya akidah akan memperkukuhkan jatidiri umat Islam dan Islam sebagai 'way of life' yang sempurna. Sebaliknya, kelemahan dalaman akan menggugat dan meruntuhkan umat Islam dan Islam itu secara keseluruhan.

Kajian ini pada dasarnya sangat penting kepada universiti kerana ia dapat membantu mempertingkatkan dan memperbaiki kekurangan dan kelemahan dalam pengajaran Akidah Islam, di samping memperkukuhkan akidah yang sedia mantap. Bidang akidah pada umumnya kurang digemari oleh orang awam khususnya mahasiswa dan mahasiswi di universiti sendiri kerana dikatakan sukar dan sulit untuk difahami. Kesukaran dan kesulitan itulah yang menjadi salah satu faktor yang menghendaki sebuah kajian yang lebih terperinci dijalankan untuk mengetahui punca masalahnya. Kemungkinan besar, ia berhubungan dan berkesinambungan dengan fenomena-fenomena yang berlaku di kebanyakan negara-negara majoriti umat Islam di seluruh dunia, dan merupakan persoalan yang memerlukan penelitian yang agak mendalam.

Kajian ini juga boleh melengkapkan kajian-kajian lain yang bersangkutan dengan mazhab akidah dan menambah koleksi maklumat berkenaan Ilmu Kalam untuk masyarakat Islam di Malaysia mengenai sumber dan metodologi pengajaran dan pembelajaran Akidah Islam di Malaysia.

Era globalisasi dan dunia tanpa sempadan juga memperlihatkan sesuatu maklumat dan pemikiran yang pelbagai boleh didapati dan diakses dengan begitu mudah, masyarakat Islam yang sudah sekian lama menganuti pelbagai jenis mazhab dalam agama mereka akan menilai dan membuat perbandingan melalui teknologi yang serba canggih ini. Kajian ini amat penting bagi menyediakan maklumat asas bagi badan-badan dan institusi yang ditugaskan untuk memelihara dan mengawasi sebarang unsur-unsur luaran yang boleh merumitkan lagi kefahaman sedia ada umat Islam terhadap agama mereka khususnya di Malaysia.

Kajian ini juga sangat relevan dengan subjek-subjek yang diajar di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam khususnya kepada para pelajar sama ada di peringkat Ijazah Dasar mahupun Ijazah Tinggi dalam bidang Pemikiran Islam, Akidah, Usuluddin dan seumpamanya. Kajian ini diharap dapat memantapkan maklumat yang sedia ada di samping mengukuhkan dapatan kajian sebelumnya dan juga kajian-kajian yang akan mengikutinya selepas ini. Maklumat-maklumat yang diperolehi nanti akan dapat membantu mempermudah proses pemahaman, penganalisan persoalan, polemik dan kontroversi yang mungkin wujud berkaitan Akidah Islam dan senarionya di Malaysia dan mungkin di Asia Tenggara pada peringkat yang lebih global

1.6 Pengertian tajuk

Sebelum penulisan ilmiah ini diteliti dengan lebih terperinci dan mendalam, penulis terlebih dahulu akan menjelaskan definisi mengenai tajuk kajian, “*Pemikiran al-Ibāḍiyyah dalam Ilmu Kalam*”. Definisi ini akan dijelaskan berdasarkan etimologi dan terminologi. *Pemikiran*, menurut kamus dewan ditafsirkan sebagai perihal berfikir atau memikir tentang sesuatu perkara.¹

Al-Ibāḍiyyah, merujuk kepada seorang dalam kalangan tābi‘īn yang bernama ‘Abd-Allah bin Ibāḍ. Beliau merupakan seorang pejuang yang memperjuangkan prinsip-prinsip Islam menurut kefahaman gurunya. Daripada nama beliau lahirlah mazhab *al-Ibāḍiyyah*. Mazhab ini dinamakan dengan *al-Ibāḍiyyah* bersempena dengan nama pendokong yang memperjuangkan prinsip dan ajarannya. Beliau adalah ‘Abd Allah bin Ibāḍ bin Murra al-Tamīmī. Mazhab ini dinamakan bersempena dengan nama bapa beliau iaitu Ibāḍ, kerana tradisi masyarakat Arab itu sendiri sering meletakkan kemasyhuran itu pada nama bapa mereka.²

‘Ilm al-Kalām juga dikenali dengan nama *‘Ilm al-Tawhīd, Usūl al-Dīn*, Teologi dan lain lain. Menurut Ibn Khaldūn, *‘Ilm al-Kalām* ialah, ilmu yang mengandungi hujah-hujah tentang prinsip-prinsip keimanan dengan menggunakan kekuatan akal untuk menolak kesesatan, penyelewengan dan kesamaran dalam akidah-akidah iman.³ Menurut al-Sālimi, *‘Ilm al-Kalām* ialah Ilmu yang

¹ Hasan Hamzah (ed), *kamus Insiklopedia*, j.1, Selangor: Anzagain Sdn Bhd . h.253

² Dr. ‘Amr Khalīfā In’āmī (.t.t.p) *Studies in Ibadhisme* c. 1, h.15

³ Ibn Khaldūn, *al-Muqaddimah*. Beirut, Maktabah Dar al-‘Ilmiyyah. h.821.

memungkinkan dengannya menetapkan akidah-akidah iman yang dihasilkan menggunakan dalil-dalil yang meyakinkan.⁴

Menurut al-Asyāri *‘Ilm al-Kalām* adalah Ilmu yang merujuk kepada *dhat*, *ṣifat* dan *af’āl* Allah S.W.T. dari sudut wajib, mustahil dan harus dengan tumpuan utama kepada sifat-sifat Allah.⁵ Muḥammad Ṭayyib al-Bukhārī dan Dawūd al-Faṭānī berpendapat, *‘Ilm al-Kalām* bermaksud, beberapa kepercayaan daripada segi akidah daripada dalil-dalil yang meyakinkan. ⁶Muḥammad ‘Abduh berpendapat, *‘Ilm al-Kalām* ialah ilmu mengenai kewujudan Allah s.w.t, sifat wajib, harus dan juga mustahil serta *kerasulan*.⁷ Kesimpulannya tajuk ini bermaksud persoalan-persoalan ketuhanan, kenabian, dan hari akhirat mengikut gaya pemikiran, kefahaman, keyakinan, kepercayaan dan akidah penganut mazhab *al-Ibāḍiyyah* berdasarkan pendapat-pendapat ulama’ mazhab tersebut.

1.7 Skop Kajian

Melalui penulisan ini, penulis telah menumpukan perbincangan kepada beberapa aspek dalam *‘Ilm al-Kalām*. Sesungguhnya perbincangan mengenai *‘Ilm al-Kalām* mencakupi berbagai-bagai aspek disiplin ilmu. Pernyataan ini adalah disebabkan keseluruhan ilmu itu pada asasnya menuntut manusia itu bertakwa pada

⁴ ‘Alāmah Abū Muḥammad ‘Abd-Allah bin Ḥamīd al-Sālimī. *Masyāriq al-anwār li al-Uqūl* Ulasan oleh Aḥmad bin Ḥamd al-Kḥālīlī, Mufti Besar Oman c. 2. Maktabah al-Istiqāmah, Rūwī. h.205.

⁵ Wan Zailan Kamarudin Dr. (2001) *Ali bin Abi Talib dan pemikirannya dalam Ilmu Kalam* (Tesis PHD). Akademi Pengajian Islam. U. Malaya. h. 11.

⁶ *Ibid* h. 11.

⁷ Kamarul Bakri bin Abd Aziz, (1999) *Konsep Ilmu Tauhid Dalam Kitab Jawi* (Tesis Sarjana) Akademi Pengajian Islam U. Malaya. h. 64.

Allah S.W.T, taat kepadaNya, memohon rahmatNya, masuk ke dalam syurgaNya serta dijauhi daripada nerakaNya dan sebagainya. Walaupun begitu luasnya perbincangan *'Ilm al-Kalām*, penulis hanya menumpukan perhatian kepada aspek-aspek tertentu yang dilihat mempunyai hubungan yang jelas dan terus terhadap *'Ilm al-Kalām*. Aspek yang diberi tumpuan dalam penulisan ini adalah merupakan intisari utama *'Ilm al-Kalām*, iaitu Ketuhanan, Kenabian dan Hari Akhirat.

Perbincangan mengenai aspek ini merupakan perbincangan yang amat penting kerana bertitik tolak daripada persoalan inilah, timbulnya perbincangan tentang perkara-perkara yang lain. Di samping itu penulisan ini akan mengengahkan persoalan-persoalan tersebut mengikut perspektif mazhab *al-Ibāḍiyyah* secara keseluruhan. Walaupun terdapat pertembungan yang amat ketara antara Mazhab *al-Ibāḍiyyah* dan *Asyā'irah* serta mazhab-mazhab lain yang digolongkan sebagai *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah*, namun penulis berharap agar perbezaan yang ditemui nanti, bukanlah merupakan alasan utama penolakan terhadap mazhab ini. Mentaliti masyarakat Islam Malaysia lebih cenderung melihat kelainan sebagai satu kesalahan. Dengan kata lain, mazhab yang berlainan dengan mazhab-mazhab yang dikategorikan sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* adalah salah dan menyimpang daripada kebenaran.

Seterusnya penulis juga berpeluang untuk mengetahui persoalan-persoalan kecil yang lain tentang *'Ilm al-Kalām* menurut perspektif yang berbeza. Ini kerana memang demikian sifatnya penyelidikan ilmiah itu turut membincangkan tidak hanya

tertumpu kepada persoalan utama sahaja, bahkan keseluruhan persoalan akan mendapat perhatian yang sewajarnya.

1.8 Metodologi Penyelidikan.

Metodologi merupakan satu kaedah atau sistem yang digunakan dalam melakukan aktiviti-aktiviti penyelidikan ilmiah. Metodologi mengandungi beberapa kaedah dan prinsip yang menjadi pilihan pengkaji berdasarkan kesesuaian sesuatu bidang kajian. Pada asasnya metodologi penyelidikan ini mempunyai beberapa asas kaedah yang penting. Pada peringkat awalnya, penulis menggunakan dua kaedah penyelidikan, iaitu penyelidikan lapangan dan penyelidikan perpustakaan. Namun begitu disebabkan kesukaran untuk menemui penganut mazhab *al-Ibadiyyah* di negara ini, penulis akhirnya terpaksa menggunakan satu kaedah sahaja dalam proses pengumpulan data kajian ilmiah ini. Metode yang didapati sesuai dengan kajian ilmiah penulis ialah;

1.8.1 Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*)

Penyelidikan perpustakaan yang juga dikenali sebagai *library research* ini adalah kajian yang dilakukan dengan meneliti fakta, kandungan atau maklumat yang terdapat dalam sesebuah perpustakaan. Selain daripada itu penulis juga dapat berhubung dengan beberapa saluran utama dalam proses mengumpulkan maklumat

tentang kenyataan yang dikaji. Ia berkait rapat dengan dokumen penting termasuklah buku-buku, pita rakaman, penulisan ilmiah, kertas persidangan dan sebagainya.

Oleh kerana kesukaran menjejaki penganut mazhab *al-Ibādīyyah* di Malaysia, serta kesukaran mendapatkan maklumat berkenaan mazhab tersebut di perpustakaan-perpustakaan di Malaysia, penulis telah berkunjung ke Kedutaan Oman di Kuala Lumpur. Pihak kedutaan menyarankan agar penulis berkunjung ke Negara Oman bagi mendapatkan maklumat maklumat yang diinginkan.

Lantaran daripada itu penulis telah mengunjungi beberapa perpustakaan di Malaysia, sebelum berangkat ke Oman. Perpustakaan perpustakaan di Malaysia ialah;

- i. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
- ii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- iii. Perpustakaan Utama Universiti Kebangsaan Malaysia.
- iv. Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan di Negara Oman pula ialah;

- i. Maktabah al-Istiqāmah, Rūwi.
- ii. Maktabah Kementerian Agama dan Wakaf, Muscat.
- iii. Maktabah Universiti of Sulṭan Qabūs.
- iv. Maktabah Masjid Jāmi' Sulṭan Qabūs (Sultan Qaboos Grand Mosque)
- v. Pusat Penulisan semula manuskrip asal. Kementerian Agama dan Wakaf Oman.

vi. Pengedar dan penterjemah buku ‘Awwād. Muscat.

vii. Maktabah Ḍamri, Sīb, Oman.

viii. Maktabah Jīl al-Wa‘īd. Ruwi.

Xi Maktabah Kaukab al-Ṣaghīr. Nizwa.

Dalam proses mengumpulkan maklumat dan data berkaitan dengan kajian yang hendak dikaji. Penulis menggunakan Metode Historis dan Metode Dokumentasi

Metode Historis

Metode Historis merupakan metode yang amat dititik beratkan oleh setiap penulisan ilmiah. Untuk menyediakan maklumat kajian ilmiah, seorang penulis tidak mungkin lupa daripada menggunakan metode ini. Dalam penulisan ini, penulis akan dapat meninjau perkara yang berkaitan dengan sejarah dan asal usul pengasas mazhab ini dengan lebih jelas dan terperinci. Di samping itu penulis menghuraikan latar belakang sejarah penubuhan mazhab *al-Ibāḍiyyah*

Metode dokumentasi.

Metode dokumentasi merupakan metode yang terpenting dalam proses pengumpulan data penyelidikan. Metode ini berbentuk teks yang berupa buku, makalah, tulisan ilmiah, manuskrip dan seumpamanya. Penulis menggunakan metode ini dalam kajian ilmiah, kerana melalui kaedah ini, penulis akan dapat mengeluarkan bahan-bahan yang diperlukan. Persoalan utama berkenaan dengan mazhab *al-Ibāḍiyyah* ini akan dapat dikumpulkan dengan lebih mudah apabila didokumenkan.

Penulis juga menggunakan beberapa kaedah dalam menganalisis data-data yang telah diperolehi dan didokumenkan daripada penyelidikan perpustakaan, antaranya;

- i. Metode Induktif.
- ii. Metode Deduktif.
- iii. Metode Komparatif.

Metode Induktif- generatif.

Metode ini merupakan satu cara menganalisis data yang telah diperolehi secara khusus dan terhad dengan menghuraikannya agar jelas dan kelihatan umum⁸. Secara generatif pula adalah merujuk kepada hubungan antara fakta atau keterangan yang terkumpul akan dicari untuk mengenali bentuk atau merumuskan sesuatu gagasan fikiran. Penulis akan cuba menghuraikan pemikiran *al-Ibādiyyah* terhadap Ilmu Kalam daripada konsepnya yang asal, dan memperlihatkannya menjadi mazhab utama dalam kalangan masyarakat Islam.

Metode Deduktif

Metode deduktif pula merupakan pendekatan yang digunakan penulis dalam membentuk gagasan pemikirannya sendiri dan menjelaskan dengan khusus persoalan yang dikaji. Penulis akan membina satu idea tentang mazhab *al-Ibadiyyah* yang merupakan bahan kajian dan menghuraikannya dengan lebih jelas agar satu kesimpulan dapat dikeluarkan dan difahami tentang pemikiran mazhab ini.

⁸ Idris Awang (prof Madya) (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h.28.

Metode Komparatif.

Metode perbandingan juga digunapakai dalam kajian ilmiah ini. Apabila merujuk kepada metode ini, penulis cuba mencari fakta perbandingan terhadap persoalan yang diperbincangkan. Seperti yang telah dijelaskan, mazhab *al-Ibāḍiyyah* merupakan satu mazhab yang jarang didengari dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Bahkan ketika pengajian perbandingan dilaksanakan dalam bidang fiqh, *al-Ibāḍiyyah* bukanlah merupakan mazhab yang sering dilibatkan dalam pengajian tersebut. Dalam penulisan Ilmiah ini penulis akan cuba melihat mazhab ini daripada segi perbezaan atau persamaan dengan mazhab-mazhab lain. Penulis akan meneliti perkara tersebut terhadap persoalan-persoalan prinsip utama mazhab ini.

1.9 Aturan Penulisan

Sebelum penulisan ilmiah ini diperincikan, penulis telah mengklasifikasikan kajian ini kepada enam bab utama. Bahagian pertama adalah pendahuluan kajian. Secara amnya bahagian ini menceritakan mukaddimah dan pengenalan terhadap penyelidikan ilmiah yang dijalankan ini. Melalui mukaddimah dan pengenalan, perbincangan ditumpukan terhadap latarbelakang masalah kajian, tujuan, objektif dan kepentingan kajian. Elemen berkaitan skop kajian, pentakrifan tajuk, metodologi dan juga tinjauan kajian lepas disertakan dengan lebih terperinci.

Maklumat tentang kajian ini diteruskan lagi dengan memperbincangkan tentang sejarah kemunculan Mazhab *al-Ibāḍiyyah* secara halus dan terperinci. Di sini

penelitian dilakukan terhadap beberapa peristiwa penting yang berlaku selepas kewafatan *Rasul* s.a.w. . Perkara utama yang ditumpukan di bahagian ini adalah beberapa peristiwa yang berlaku setelah kewafatan ‘Uthmān bin ‘Affān r.a., Perlantikan ‘Alī bin Abī Ṭālib r.a., peperangan *al-Jamāl*, peperangan *al-Ṣiffīn*, Peristiwa *al-Taḥkīm*, peperangan Naḥrawān dan kemunculan *al-Ibāḍiyyah*. Kronologi perjalanan sejarah ini akan dijelaskan oleh penulis sehingga dapat difahami sejarah kemunculan mazhab ini dalam Islam. Dalam bahagian ini juga penulis akan membincangkan beberapa prinsip utama mazhab *al-Ibāḍiyyah*, khususnya di lapangan *‘Ilm al-Kalām*. Secara amnya bahagian kedua ini membincangkan mazhab *al-Ibāḍiyyah* daripada sudut sejarah kemunculan dan prinsip-prinsip-utama mereka dalam *‘Ilm al-Kalām*.

Tumpuan utama penulis adalah di bahagian ketiga, keempat dan kelima . Ketiga-tiga bahagian ini merupakan data-data penting yang akan memperlihatkan kedudukan mazhab ini daripada sudut kesamaan dan ketidaksamaannya dengan mazhab-mazhab yang lain. Umumnya bahagian-bahagian ini tertumpu kepada tiga konsep utama *Ilm al-Kalām* iaitu, Ketuhanan, Kenabian, dan Hari Akhirat.

Perbincangan mengenai ketuhanan akan ditumpukan kepada persoalan Sifat Wajib, Mustahil dan Harus bagi Allah S.W.T menurut kerangka pemikiran *al-Ibāḍiyyah*. Begitu juga persoalan Kenabian dan Hari Akhirat, penulis akan membincangkan persoalan-persoalan ini menurut kerangka pemikiran *al-Ibāḍiyyah*

1.10. Kajian semula hasil-hasil penulisan.

Dalam melaksanakan penyelidikan ini, penulis telah meninjau beberapa bahan bagi digunakan untuk merangka teori. Tinjauan ini telah dilakukan terhadap tulisan-tulisan ilmiah dan tesis yang telah dikaji oleh penyelidik tahun-tahun sebelum ini. Perkara ini boleh membantu penulis dalam pengumpulan bahan dan merangka gambaran awal terhadap kajian yang dilakukan

Secara amnya tiada sebarang kajian khusus yang membincang dan mengkaji pemikiran *al-Ibāḍiyyah*. Terdapat juga beberapa tulisan yang menyentuh aliran ini tetapi ia hanya sebagai satu maklumat yang ringkas dan sebagai tajuk-tajuk kecil sahaja.

Kajian ini adalah merupakan pengembangan daripada kajian yang telah pun dibuat oleh beberapa orang pengkaji, antaranya Mahayudin bin Hj Yahya. *The origin of Khawarij*. Namun begitu kajian ini tidak menjurus kepada membincangkan persoalan aliran *al-Ibāḍiyyah* secara khusus, tetapi meletakkan aliran ini sebagai pecahan daripada *Khawārij*.

Begitu juga dengan kajian yang dihasilkan oleh Harun Nasution dalam bukunya yang bertajuk *Teologi Islam, aliran-aliran sejarah analisa perbandingan*. Beliau telah menjelaskan bahawa *al-Ibāḍiyyah* adalah golongan yang paling moderat daripada seluruh golongan *Khawārij*, namanya diambil daripada ‘Abd-Allah bin

Ibād. Pada tahun 686 H, mereka telah memisahkan diri dengan *al-Azāriqah*.⁹ Kebanyakan tulisan yang membicarakan persoalan *al-Ibādiyyah*, lebih kepada persoalan sejarah. Tidak banyak terdapat tulisan atau kajian yang menumpukan persoalan prinsip-prinsip utama mazhab ini.

Kajian ini juga mempunyai hubungan secara langsung dan tidak langsung dengan beberapa kajian yang telah sedia ada sebelum ini. Contohnya, pengajaran Ilmu Tawhid di institusi-institusi pengajian agama di seluruh Malaysia . Ia diharapkan dapat melengkapkan maklumat dan menghubungkan semua maklumat berkaitan dalam suatu kesatuan maklumat yang berpadu mengenai masalah-masalah berhubungan dengan akidah dan pemikiran Islam di Malaysia dan bahkan di dunia Islam.

Selain daripada itu, kesinambungan ini penting untuk melihat fenomena yang berlaku pada masa kini yang membabitkan perbezaan pendapat dan pandangan aliran-aliran pemikiran yang begitu banyak dalam Islam, seperti yang ketara dapat dilihat selepas perang di Iraq dan implikasinya kepada masa hadapan Islam dan umat Islam itu sendiri.

Pada masa yang sama, ia bertujuan untuk mengetahui samada terdapat sebarang perbezaan, persamaan dan perubahan dalam sumber dan metodologi pengajaran dan pembelajarannya, kesan daripadapada perkembangan dan perubahan

⁹ Harun Nasution, .(2002) *Teologi Islam, aliran-aliran sejarah analisa perbandingan* UI Press Jakarta h. 23.

pemikiran umat Islam di dunia Islam masa kini akibat era globalisasi dan faktor-faktor lain yang relevan dengannya.

Kajian tentang mazhab *al-Ibāḍiyyah* ini dilihat penting kerana keunikan keadaan dan fenomena di negara itu sendiri. Walaupun terdapat beberapa buah tulisan tentang aliran ini. Namun aspek yang akan ditinjau nanti dalam kajian ini diharap dapat melengkapkan dan memperkemaskinikan maklumat tersebut untuk keperluan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam samada di peringkat ijazah dasar dan bahkan ijazah tinggi khususnya pelajar dalam bidang Pemikiran Islam.

BAB KEDUA

2.0 Sejarah Kemunculan Mazhab *al-Ibāḍiyyah*.

Kemunculan Mazhab *al-Ibāḍiyyah* berkait rapat dengan kemunculan *al-Muḥakkimah*. Kerana pengikut mazhab ini pada asalnya merupakan penyokong kepada gerakan *al-Muḥakkimah*, tetapi akhirnya mereka memutuskan untuk tidak lagi bersekongkol dengan *al-Muḥakkimah*, kesan daripada beberapa prinsip yang tidak dipersetujui oleh mereka. Terdapat beberapa faktor peristiwa yang perlu dibincangkan di sini bagi menjelaskan kemunculan Mazhab *al-Ibadiyyah*, antaranya:

- i. Peristiwa sebelum berlakunya peperangan Şiffin.
- ii. Peperangan Jamāl.
- iii. Peperangan Şiffin.
- iv. Majlis Taḥkim dan kemunculan *al-Muhakkimah*.
- v. Al-Ḥaruriyyah.
- vi. Peperangan Naḥrawān
- vii. Perpecahan *al-Muḥakkimah* .

i. Peristiwa Sebelum Berlakunya Peperangan Şiffin.

Sesungguhnya masyarakat Islam telah merasakan kebahagiaan hidup dengan penuh keadilan dan kemuliaan serta semangat persaudaraan yang tinggi nilainya semasa hayat Baginda S.A.W. Setelah kewafatan Baginda S.A.W. berlakulah ujian

pertama terhadap masyarakat Islam pada masa itu dalam menentukan kepemimpinan Negara Islam, dan kriteria utama dalam menerajui kepemimpinan. Namun begitu, ujian ini ditempuhi dengan pertolongan Allah S.W.T, maka kaum muslimin bersetuju dengan perlantikan Abu Bakr al-Ṣiddīq sebagai khalifah bagi menggantikan *Nabi* s.a.w.¹⁰ Pada zaman pemerintahannya, Abu Bakr telah menyelesaikan masalah kemurtadan sebilangan orang Islam, beliau bertindak memelihara Islam dengan memerangi mereka.¹¹ Selepas kewafatan Abu Bakr, tampuk pemerintahan diterajui oleh ‘Umar bin al- Khaṭṭāb, beliau juga telah melaksanakan amanahnya dengan penuh keadilan dan kebijaksanaan, sehingga tidak terdapat sebarang perpecahan dalam kalangan umat Islam pada waktu itu.¹²

Selepas kewafatan ‘Umar r.a., umat Islam pada waktu itu telah melantik ‘Uthmān bin ‘Affān sebagai Khalifah yang ketiga. Begitu juga ‘Uthmān, beliau telah memimpin umat Islam dengan sebaiknya. Namun begitu terdapat juga beberapa tindakan pentadbiran ‘Uthmān yang tidak dipersetujui oleh sesetengah pihak.¹³ Rasa tidak puas hati ini akhirnya membawa kepada pembunuhan ‘Uthmān, pada hari Jumaat 8 *Dhul-Hijjah* 35 H.¹⁴ bersamaan 7 hb Jun 656 M.

Selepas kewafatan ‘Uthmān, sebahagian daripada sahabat telah melantik ‘Alī bin Abī Ṭālib sebagai pengganti khalifah. Namun ‘Alī mendapat tentangan, terutama daripada al-Zubayr bin al-‘Awwām dan Ṭalḥah bin Ubaydillāh di Mekah yang

¹⁰ Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr, (1988) *Tarīkh al-Umam wa al-Mamlūk* c. 2 j.2 Beirut Dār al-Kutub al-‘Ālamīyah, h. 233-234. Lihat juga Ibn Kathīr, Ismāil bin ‘Umar; *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Beirut; maktabah al-Ma’rif 1990 j.5 h. 244-248.

¹¹ *Ibid* h. 247-306.

¹² *Ibid* h. 355-560.

¹³ *Ibid* h. 589-689.

¹⁴ Bakīr bin Sa‘īd ‘Akwash.(t.t) *Aḍwa, al- Islāmīah ‘alā al-Ma‘ālim al- Ibādīyah*, Masqat; Dār al-‘Ummaniyyah li al-Nasyr.h.7

mendapat sokongan daripada ‘Ā’isyah r.a. Tentangan daripada ‘Ā’isyah, Ṭalḥah dan al-Zubayr ini dapat dipatahkan oleh ‘Alī dalam peperangan yang dinamakan perang Jamāl dengan Ṭalḥah dan al-Zubayr telah wafat dan ‘Ā’isyah dihantar pulang ke Madinah.¹⁵

Tentangan kedua pula datangnya daripada Mu‘awiyah bin Abī Ṣufyān yang telah membentuk tenteranya dalam kalangan penduduk Syām. Pertempuran berlaku antara tentera pimpinan Mu‘awiyah dan ‘Alī di tempat yang dinamakan Ṣiffīn.¹⁶ Dalam pertempuran ini, tentera pimpinan ‘Alī telah hampir mencapai kemenangan, namun helah yang digunakan oleh ‘Amr ibn al-‘As dalam pertempuran ini dengan mengangkat al-Qur’ān di hujung pedangnya, hingga menyebabkan kedua-dua pasukan tentera berhenti menyerang antara satu sama lain, sebahagian daripada mereka bersetuju untuk menerima cadangan perdamaian yang ditawarkan.

‘Alī yang terkenal dengan sifat cerdiknyanya amat memahami helah yang cuba dimainkan oleh pihak lawan. Beliau menyeru tenteranya agar meneruskan perjuangan sehingga mencapai kemenangan yang sudah hampir berpihak kepadanya. Namun beberapa orang dalam kalangan tenteranya telah menyanggah beliau. Mereka, al-Asy‘ath bin Qays, Mus‘ār bin Fadākī al-Tamīmī dan Zain bin Hashhān al-Ṭā’i. Kata mereka “kaum tersebut (kumpulan Mu‘awiyah) mengajak kita agar kembali kepada al-Qur’ān, sementara kamu mengajak kami agar terus menghunus senjata”? “sebaiknya kamu menerima ajakan mereka, atau kamu menerima nasib

¹⁵ Harun Nasution (2002). *Teologi Islam, aliran aliran sejarah analisa perbandingan*, Jakarta; UI-Press.h. 6

¹⁶ *Ibid* h. 3

yang sama sebagaimana yang telah kami lakukan terhadap ‘Uthmān”¹⁷. Desakan yang dikenakan ke atas ‘Alī menyebabkan beliau terpaksa menerima tawaran tersebut. Inilah peristiwa yang dinamakan sebagai *Majlis al-Taḥkīm*

ii. *Majlis al-Taḥkīm* dan kemunculan *al-Muḥakkimah*.

Majlis al-Taḥkīm ialah majlis perdamaian yang ditawarkan oleh Mu’awiyah bin Abī Ṣufyān melalui tenteranya yang bernama ‘Amr bin al-‘As, ketika tentera pimpinan Mu’awiyah hampir menemui kekalahan dalam peperangan Ṣiffin. Sejarah mengatakan dalam peristiwa tersebut, ‘Alī pada peringkat awalnya telah melantik ‘Abd-Allāh ibn ‘Abbās sebagai wakil beliau, namun pilihan ‘Alī tidak dipersetujui oleh sebahagian tenteranya, terutamanya mereka yang memaksa beliau menerima tawaran perdamaian daripada Mu’awiyah. Mereka berkata kepada ‘Alī tentang Ibnu ‘Abbās “ dia pun jenis orang macam kamu, suka menghunus pedang”. Lalu mereka mempertanggungjawabkan perkara tersebut kepada Abū Mūsā al-Asy‘arī.¹⁸

Dalam majlis tersebut terdapat pemuafakatan antara wakil ‘Alī dan wakil Mu’awiyah untuk melepaskan jawatan kedua-dua mereka. Tradisi menyebut bahawa Abu Musa al-Asy‘arī, sebagai yang lebih tua telah berdiri terlebih dahulu dan mengumumkan kepada orang ramai bahawa kedua-dua pemimpin yang bertentangan telah bersetuju meletakkan jawatan. Namun ‘Amr Ibn al-‘As mengumumkan sebaliknya, beliau hanya bersetuju dengan perletakan jawatan ‘Alī sahaja dan menolak perletakan jawatan Mu’awiyah

¹⁷ Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Syahrastāni, (1990)*al-Milal wa al-Nihal*, j.1 c. 1. Beirut, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. h. 106.

¹⁸ *Ibid* h. 106

Peristiwa ini telah merugikan ‘Alī, sebaliknya memberi kelebihan kepada Mu‘awiyah. Sekiranya diteliti dengan lebih mendalam, dalam kes ini, kedudukan khalifah yang sah hanyalah ‘Alī, sedangkan Mu‘awiyah kedudukannya tidak lebih daripada Gabenor daerah yang tidak mahu tunduk kepada ‘Alī sebagai khalifah. Dengan adanya *al-tahkīm* kedudukan Mu‘awiyah secara tidak langsung telah naik menjadi khalifah.¹⁹ Sikap Alī yang menerima *al-tahkīm*, sungguhpun dalam keadaan terpaksa tidak dipersetujui oleh sebahagian tenteranya. Lalu mereka bertindak meninggalkan ‘Alī. Mereka juga menganggap ‘Alī telah melakukan kesalahan dan dosa kerana menerima *Majlis al-Taḥkīm*, lantas mereka menentang ‘Alī atas kesalahan tersebut, begitu juga anggapan mereka terhadap Mu‘awiyah, bahkan lebih lagi. Kumpulan inilah dalam sejarah dipanggil kumpulan *al-Khawārij*.²⁰

iii. Al-Ḥaruriyyah / al-Khawārij

Seperti yang telah diperbincangkan bahawa *al-Khawārij* terdiri daripada bekas penyokong ‘Alī bin Abī Ṭālib. Mereka juga telah beranggapan bahawa sesiapa sahaja yang bersetuju dengan *al-tahkīm* itu telah melakukan kesalahan dan dihukum sebagai kafir.²¹ Nama *al-Khawārij* berasal dari perkataan Arab *kharaja* yang membawa maksud keluar. Nama ini diberikan kerana mereka keluar dari barisan ‘Alī bin Abī Ṭālib. Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa penamaan ini berdasarkan daripada ayat yang ke 100, surah *al-Nisa*’

¹⁹ Harun Nasution (2002) *teologi Islam aliran-aliran sejarah analisa perbandingan* Jakarta; UI-Press c. 5 h.7

²⁰ Bakīr bin Sa’īd ‘Akwash.(t.t) *Aḍwa, al- Islāmiah ‘alā al-Ma’ālim al- Ibāḍiyyah* Dār al-‘Ummaniyyah li al-Nasyr Oman.h. 8

²¹ Harun Nasution (2002) *op.cit* h. 13

وَمَنْ يَهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَافًا كَثِيرًا وَسَعَةً^{٢٢} وَمَنْ يَخْرُجْ مِنْ بَيْتِهِ
مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ يُدْرِكْهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا

رَّحِيمًا

Barangsiapa berhijrah di jalan Allah, niscaya mereka mendapati di muka bumi ini tempat hijrah yang luas dan rezki yang banyak. barangsiapa keluar daripada rumahnya dengan maksud berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, Kemudian kematian menimpanya (sebelum sampai ke tempat yang dituju), Maka sungguh telah tetap pahalanya di sisi Allah. dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah *al-Nisa* ' ayat 100)

Nama lain yang diberikan kepada mereka ialah *al-Ḥaruriyyah*, daripada perkataan Ḥarura, iaitu satu kawasan perkampungan yang terletak dekat Kufah di Iraq. Di tempat inilah mereka telah berkumpul seramai dua belas ribu orang, setelah memisahkan diri daripada 'Alī bin Abī Ṭālib. Di sini mereka telah memilih 'Abd-Allah Ibn Abī Wahb al-Rāsibī menjadi ketua, pengganti kepada 'Alī bin Abī Ṭālib.²²

iv. Peperangan al-Naḥrawān 37 H/658 M

Setelah 'Abd-Allah ibn Wahb al-Rāsibī dilantik sebagai pemimpin *al-Muḥakkimah*, mereka telah bersepakat untuk bekerjasama dengan penduduk Basrah yang menyokong mereka dengan mengadakan pertemuan di al-Naḥrawān. Dalam perjalanan daripada Kufah menuju ke Naḥrawān, mereka telah bertemu dengan sebahagian lagi tentera yang bertindak meninggalkan 'Alī bin Abī Ṭālib, lalu

²² *Ibid* h.14

pasukan tentera ini memberi ketaatan kepada beliau. Mereka pun berkata “Kami menyokong sesiapa yang kamu sokong dan memusuhi sesiapa yang kamu musuhi.”²³

‘Alī bin Abī Ṭālib yang kecewa dengan *majlis al-taḥkīm* telah pulang ke Kufah dan menghimpunkan tenteranya untuk menentang tentera Mu‘awiyah yang berpusat di Syām. Maka beliau berdiri di hadapan tenteranya dengan berkhotbah.:

الحمد لله رب العالمين. أشهد ان لا اله الا الله وان محمدا رسول الله. اما بعد: فإن المعصية تورث الحسرة وتعقب الندم وقد كنت امرتكم في هذين الرجلين، وفي هذه الحكومة امري ونحلتكم رأيي ولو كان لقصير امر ولكن ابئتم إلا ما اردتم فكنت انا وانتم كما قال اخو هوازن:

امرتهم امري بمنعرج اللوى * فلم يستبينوا النصح إلا ضحي الغد
فلما عصوني كنت منهم وقد ارى * غوايتهم وإنني غير مهتد
وما انا الا من غزية ان غوت * غويت وان ترشد غزية ارشد

Setelah itu ‘Alī bin Abī Ṭālib mengutus surat kepada kumpulan *al-Muḥakkimah*, mengajak mereka bersama-sama memerangi penyokong Mu‘awiyah di Syām. Namun ajakan ‘Alī bin Abī Ṭālib dibalas dengan sepucuk surat yang berbunyi “ Sesungguhnya segala puji bagi Allah yang tiada tuhan melainkan Dia. Maka sesungguhnya kami telah menerima suratmu yang menyatakan bahawa *Majlis al-Taḥkim* tersebut nyata telah membelakangi al-Qurān. Hukuman yang telah dilaksanakan juga tidak menepati dengan apa yang disyari‘atkan oleh Allah S.W.T..

²³ Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr, *Tarīkh al-Umam wa al-Mamlūk* j.3 h 116. Lihat juga Ibn Athīr, *al-Kāmil fi al-Tarīkh*.j 3 h215. Lihat juga Dr. Mubārak Ḥassan Ḥussin, (1982) *‘Ilm al-Tawḥīd fī ḍaw, al-Aql wa al-Naql* Syubra ;Maktabah Amānah., h 89.

Maka sesungguhnya kami telah mengetahui bahawa urusan kedua mereka menyalahi kebenaran. Maka kamu telah melakukan kesalahan yang amat besar daripada keduanya kerana bersetuju terhadap majlis tersebut. Bukanlah kami orang yang sepatutnya merima taubatmu. Sekiranya kamu seorang yang benar, maka hendaklah kamu menyertai orang-orang Islam yang mentaati Allah dan *rasulnya*, serta mentaati pemimpin umat Islam, iaitu ‘Abd-Allah bin Wahb al-Rāsibī. Sesungguhnya kami telah memberikan taat setia kami kepadanya selepas kami melucutkan taat setia kami kepadamu. Itulah sahaja pilihan yang kami ada.”²⁴

Setelah membaca surat tersebut, ‘Alī bin Abī Ṭālib mengutuskan al-Ḥārith bin Murrah sebagai utusan untuk memastikan kebenaran berita, malangnya al-Ḥārith bin Murrah telah menjadi mangsa kekejaman *al-Muḥakkimah*. Perkara ini telah menyebabkan tentera ‘Alī bin Abī Ṭālib lebih berang terhadap *al-Muḥakkimah* berbanding tentera Muawiyah di Syām. Lantas mereka menuntut memerangi *al-Muḥakkimah* terlebih dahulu sebelum berhadapan tentera Mu‘awiyah di Syām.

Al-Asy‘ath bin Qais merupakan salah seorang daripada tentera ‘Alī bin Abī Ṭālib yang beriya-ya mahukan pembalasan terhadap *al-Muḥakkimah*. Beliau telah berkata kepada para tentera “ adakah kita akan meneruskan perjalanan ke Syām dengan membiarkan ahl *al-Naḥrawān* di belakang kita”.²⁵ Walaupun ‘Alī bin Abī Ṭālib begitu berhasrat meneruskan perjalanan ke Syām, namun tenteranya sentiasa berkeinginan dan mendesak agar *al-Muḥakkimah* menerima pembalasan lalu beliau

²⁴ Ziyānah bint Khalfān al-Ḥārithiyyah (2006), *al- Imām Jābir bin Zaid*. Masqaṭ: maktabah Jīl al-Wa’iīd h. 32.

²⁵ Al-Ṭabari, Muḥammad bin Jarīr(t.t), *Tarīkh al-Umam wa al-Mamlūk* j.3. Mesir;Dār āl-Ma’arif h. 119

menunaikan keinginan mereka dengan bergerak menuju ke Naḥrawān terlebih dahulu.²⁶ Berlakulah peperangan al-Nahrawān pada tahun 37H/657M membabitkan ‘Alī (r.‘a) dan tenteranya dengan puak *al-Muḥakkimah*²⁷ yang dikatakan dalam hadith-hadith *Nabi(s.‘a.w)* sebagai golongan *al-Māriqīn* yang turut diperintahkan kepada umat Islam untuk diperangi bersama-sama dengan ‘Alī (r.‘a).²⁸

Puak *al-Muḥakkimah* ini telah mendiami sebuah perkampungan iaitu *al-Harūrā’* berdekatan Kufah dan dengan sebab itu, mereka dinamakan juga *al-Harūriyyah*.²⁹ Mereka mulai berkembang menjadi suatu kumpulan yang bersifat fanatik dan membentuk kepercayaan-kepercayaan mereka yang tersendiri dan ekstrim. Mereka menganggap semua orang mukmin adalah sama dan tiada sesiapa yang boleh mengenakan paksaan ke atas orang lain. Mereka membentuk kepercayaan “ tiada keputusan kecuali hukum Allah “ (*Lā ḥukm illa li-llah*) dan menurut al-Mas‘ūdī, al-Asy‘ath bin Qays adalah orang pertama yang menyebutkan perkataan tersebut.³⁰ Mereka mempersalahkan ‘Alī (r.‘a) dan menganggapnya bersalah kerana menerima keputusan manusia yang dikatakan sebenarnya menjadi milik Allah S.A.W. Justeru, mereka membacakan ayat al-Qur‘an:

وَلَقَدْ أَوْحَىٰ إِلَيْكَ وَإِلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكَ لَئِن أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ وَلَتَكُونَنَّ

مِنَ الْخٰسِرِيْنَ ﴿١٥﴾

²⁶ Ziyānah bin Khalfān al-Ḥārithiyyah (2006), *al-Imam Jabir bin Zaid* h.33

²⁷ Al-Mas‘ūdī, *ibid*, II, h.392; al-Ṭabarī, *op.cit*, V, h.92.

²⁸ Al-Kanjī al-Syāfi‘ī, *Kifāyah al-Ṭālib*, h.176; al-Khwārizmī, *al-Manāqib*, h.194; Ibn ‘Asākir, *Tārīkh*, III, h.202; al-Balādhurī, *Ansāb al-Asyraf*, II, h.318; Sulaym, *al-Saqīfah*, h.126; Muḥibb al-Dīn al-Ṭabarī, *Dhakhā’ir al-‘Uqbā*, h.110; al-Mas‘ūdī, *ibid*, II, h.394; al-Ya‘qūbī, *Tārīkh*, II, h.193.

²⁹ Al-Ya‘qūbī, *ibid*, II, h.191; Sulaym, *ibid*, h.109; Ibn al-Āthīr, *Usd al-Ghābah*, IV, h.33; al-Muttaqī al-Hind, *Kanz al-‘Ummāl*, VI, h.154. Lihat sama: Mahayuddin Yahya, *The Origins of Khawarij*, h.117.

³⁰ Al-Mas‘ūdī, *op.cit*, II, h.393.

“ Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu dan kepada (nabi-nabi) yang sebelummu, Jika kamu mempersekutukan (Tuhan), nescaya akan hapuslah amalmu dan tentulah kamu termasuk orang-orang yang rugi, ”

(Surah *al-Zumar* ayat 65)

Kemudian mereka meminta ‘Alī (r.‘a) bertaubat kerana kufur dan menjelaskan bahawa ‘Alī (r.‘a) tidak wajar memberikan peluang kepada musuh untuk hidup. ‘Alī (r.‘a) membalasnya dengan membacakan ayat berikut:

فَأَصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ ^ط وَلَا يَسْتَخِفُّكَ الَّذِينَ لَا يُوقِنُونَ ﴿٦٠﴾

“ Maka bersabarlah kamu, sesungguhnya janji Allah adalah benar dan sekali-kali janganlah orang-orang yang tidak menyakini (kebenaran ayat-ayat Allah) itu menggelisahkan kamu ”

(Surah *al-Rūm* ayat 60)

‘Alī (r.‘a) memberikan amaran dan mencela mereka kerana menyalahafsirkan *Lā ḥukm illa li-llāh*,³¹ menerima keputusan *al-Taḥkīm* dan memintanya bertaubat. Beliau menjelaskan bahawa kesalahan itu adalah angkara perbuatan mereka kerana keengganan mereka berperang, sebaliknya memberontak dan memaksanya menerima *al-Taḥkīm* dan pembuat keputusan dalam majlis itu. Beliau menyimpulkan bahawa mereka tidak berhak memaksanya untuk mengingkari keputusan gencatan senjata yang mereka sendiri paksakan ke atasnya. Puak Khawārij mengakui kesalahan mereka dan bertaubat dan pada masa yang sama meminta ‘Alī (r.‘a) berbuat demikian. Beliau menolaknya dan bahkan mengakui kedudukannya sebagai mukmin yang sejati dengan mengatakan: “ Adakah selepas keimananku

³¹ Al-Khwārizmī, *al-Manāqib*, h.261.

kepada Rasulullah ﷺ, penghijrahanku bersamanya dan perjuangan jihadku pada jalan Allah, aku memberikan penyaksian dan pengakuan kufur terhadap diriku sendiri.”³²

Di al-Nahrawān yang terletak tidak jauh dari kota Baghdād, mereka mulai bergerak secara rahsia dan berkumpul di sana. ‘Alī (r.‘a) pada masa ini, belum memberikan perhatian terhadap mereka kerana tumpuannya adalah kepada golongan *al-Qāsiṭīn* yang diketuai Mu‘āwiyah dan penyusunan tentera untuk digerakkan ke Syria. Apabila diberitahu tentang puak tersebut, ‘Alī (r.‘a) menuliskan perutusan meminta mereka menyertainya dalam ekspedisi ke Syria menentang Mu‘āwiyah. Sebaliknya mereka membalasnya dengan celaan dan menganggapnya sebagai kafir. Mereka dikatakan hanya akan mempertimbangkan tawaran itu selepas beliau mengakui kufur dan bersedia bertaubat.³³

Cubaan puak *al-Muḥakkimah* menyerang al-Madā’in dan kawasan-kawasan lain serta pembunuhan ‘Abd-Allāh bin Khabbāb,³⁴ seorang sahabat *Nabi*(ﷺ) yang mereka lakukan kerana keengganannya untuk menerima kepercayaan mereka serta anggapan Khawārij bahawa semua orang adalah kafir kerana tidak menyertai mereka telah memaksa ‘Alī (r.‘a) mengubah perhatiannya. Sikap mereka yang semakin melampau mendesaknyanya bertindak cepat. Untuk itu, beliau (r.‘a) menghalakan sasarannya ke al-Nahrawan dengan menghantarkan utusannya, al-Ḥārith bin Murrah al-‘Abdī meminta mereka menyerah diri tetapi telah dibunuh. ‘Alī

³² Ibn al-Āthīr, *al-Kāmil*, j.3, h.344.

³³ Al-Mas‘ūdī, *Murūj al-Dhahab*, j.2., h.404.

³⁴ Al-Mas‘ūdī, *ibid*, j.2,h. 404; al-Ya‘qūbī, *Tārīkh*, j.2., h.191; Ibn al-Āthīr, *al-Kāmil*, j.3, h.342.

(r.‘a) yang berusaha mengelakkan peperangan telah cuba dengan sebaiknya untuk menyelesaikannya.

Beliau dikatakan menyerahkan bendera lambang keamanan (*rāyah al-amm*) untuk dipancangkan di luar kawasannya dan memberikan jaminan keselamatan kepada orang-orang yang berada di bawah naungannya, dan pada masa yang sama turut meminta mereka supaya kembali ke al-Kūfah atau al-Madā’in. Bagi mereka yang berbuat demikian, akan terselamat daripada serangan. Dengan tindakan tersebut, sebahagian daripada mereka bersurai dan yang tinggal hanyalah ‘Abd-Allāh bin Wahb dengan pengikutnya seramai 1800 orang yang tetap ingin memerangi ‘Alī (r.‘a).³⁵

Selepas kepastian dibuat bahawa mereka sebenarnya puak Khawārij yang menentang Islam, barulah ‘Alī (r.‘a) menghadapkan serangan kepada mereka. Dalam keadaan yang gawat, ‘Alī masih cuba memujuk mereka kembali dan bertaubat sebanyak tiga (3) kali, tetapi keengganan dan serangan yang mereka lakukan tidak lagi memungkinkan perdamaian dapat dicapai. Dalam penentangan dan pemberontakan puak Khawārij ini dikatakan hanya 9 atau 10 orang sahaja yang terselamat dan berjaya melarikan diri ke Baḥrayn dan Aḥsā’ manakala yang lain, tewas dalam pertempuran tersebut, sedangkan di pihak ‘Alī (r.‘a) pula, hanya 7 orang yang terbunuh.³⁶

³⁵ Al-Ṭabarī, *Tārīkh*, j.5., h.86; Ibn al-Āthīr, *al-Kāmil*, j.3, h.346. Lihat: Mahayuddin Yahya, *The Origins of the Khawarij*, h.125.

³⁶ Al-Mas‘ūdī, *Murūj al-Dhahab*, j.2, h.406; Ibn al-Āthīr, *al-Kāmil*, *ibid*, j.3, h.348; Sulaym, *al-Saqīfah*, h.130; al-Ya‘qūbī, *Tārīkh*, j.2, h.191; al-Ṭabarī, *ibid*, j.5, h.89.

2.1 Perpecahan kumpulan *al-Muhakkimah*

Walaupun *al-Muhakkimah* telah mengalami kekalahan, ini tidaklah bermakna mereka terus lenyap daripada pentas politik Islam. Sesungguhnya mereka telah menyusun kembali gerakan mereka serta meneruskan semula perjuangan dan penentangan mereka terhadap Dinasti Bani Umayyiah yang telah menggelarkan mereka sebagai Khawārij.³⁷ Begitu juga tentangan ini mereka teruskan terhadap Dinasti Bani Abbasiyyah. Bagi mereka pemimpin pada waktu itu melakukan penyelewengan dan perlu dijatuhkan. Ini adalah disebabkan prinsip yang dipegang oleh mereka, bahawa khalifah atau imam mestilah dipilih secara bebas oleh seluruh umat Islam.

Hak menjadi khalifah bukan untuk bangsa Quraisy sahaja, bukan juga untuk bangsa Arab semata-mata, tetapi ia merupakan hak sesiapa yang sanggup berlaku adil dan menjalankan syari'at Islam, sekalipun dia seorang hamba sahaya daripada Afrika. Tetapi kalau dia menyeleweng daripada segala ajaran Islam, dia mesti dijatuhkan dan diganti dengan orang lain yang layak.³⁸

Jika dikaji pemikiran mereka terhadap permasalahan kenegaraan, mereka dilihat lebih demokratik, kerana bagi mereka kedudukan Khalifah adalah hak semua umat Islam, tidak tertentu kepada mana-mana bangsa atau keturunan. Sesiapa yang memilki ciri-ciri yang melayakkannya menjawat jawatan tersebut, maka dialah yang

³⁷ Harun Nasution(2002), *teologi Islam aliran-aliran sejarah analisa perbandingan*, Jakarta; UI-Press h.13

³⁸ *Ibid* h.14. lihat juga Ālī Yahya Mu'ammār (2004), *al-Ibadiyyah Mazhab al-Islamī al-Mu'tadil* h.27, Ziyānah bint Khalfān al-Ḥārithiyyah (2006).*al Imam jabir bin Zaid* h. 48

berhak dipilih menjadi khalifah. Jawatan tersebut akan terus disandang selama dia bersikap adil dan menjalankan syari'at Islam.

Sehubungan dengan itu, mereka berpendapat pemerintahan Abu Bakr dan 'Umar al-Khaṭṭāb adalah merupakan pemerintahan yang adil dan diterima. Kedua-dua khalifah ini dilantik berdasarkan kelayakan dan mereka tidak menyeleweng daripada ajaran Islam. Namun begitu, 'Uthmān bin 'Affān telah menyeleweng selepas tujuh tahun pemerintahannya. Begitu juga dengan 'Alī bin Abī Ṭālib, telah menyeleweng, apabila beliau bersetuju dengan *Majlis al-Taḥkīm*.³⁹ Bermula daripada pendapat inilah mereka menganggap bahawa 'Alī bin Abī Ṭālib dan 'Uthman bin 'Affān telah menjadi kafir, begitu juga halnya dengan Mu'awiyah, 'Amr bin al-'As, Abu Mūsa al-Asy'arī serta sesiapa sahaja yang telah melanggar ajaran-ajaran Islam.⁴⁰

Pada peringkat inilah, *al-Muḥakkimah* telah mula membincangkan persoalan *al-Imān* dan *al-Kufr*. Siapakah yang disebut kafir dan keluar daripadapada Islam ? Siapakah pula yang dianggap Mu'min, tetap dalam Islam? Persoalan ini tidak lagi dilihat sebagai persoalan politik dan kekuasaan, bahkan ia merupakan persoalan utama dalam akidah Islam.

Pendapat tentang *al-Imān* dan *al-Kufr* serta perkara yang bersangkutan dengan keduanya, tidaklah selamanya sama. Terdapat percanggahan pendapat dalam kalangan mereka sendiri ketika membicarakan persoalan teologi ini, sehinggalah

³⁹ Harun Nasution(2002), *teologi Islam aliran-aliran sejarah analisa perbandingan*, Jakarta UI-Press h.14

⁴⁰ *Ibib* h 14.

timbulnya berbagai-bagai golongan dalam kumpulan *al-Muhakkimah*. Menurut al-Syahrastāni, mereka berpecah menjadi lapan belas kumpulan.⁴¹

Al-Muḥakkimah secara umumnya terdiri daripada kalangan orang-orang Arab Badwi. Kehidupan di padang pasir yang serba tandus membuatkan mereka bersifat sederhana dalam cara hidup dan pemikiran, tetapi bersikap keras hati dan berani serta berjiwa merdeka, tidak bergantung pada orang lain. Perubahan anutan agama, tidak banyak membawa perubahan kepada sifat-sifat kebadawian mereka. Mereka tetap bersifat garang, sukakan kekerasan dan tidak takut mati. Sebagai orang badawi mereka jauh daripada ilmu pengetahuan. Ajaran al-Qur'ān dan al-Hadith diertikan menurut lafaznya dan perlu dilaksanakan sepenuhnya. Oleh itu iman dan kefahaman mereka merupakan kefahaman dan iman orang sederhana, sempit akal dan fanatik. Persoalan ini menyebabkan mereka sukar bertolak ansur terhadap kefahaman dan pemikiran yang tidak selari dengan prinsip mereka, walaupun perbezaan berlaku terhadap masalah masalah kecil. Faktor ini dengan jelas menunjukkan bagaimana mudahnya Khawarij berpecah menjadi golongan-golongan kecil. Dengan sikap ini jugalah penentangan diteruskan terhadap penguasa-penguasa Islam yang ada pada zaman mereka.⁴²

⁴¹ Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Syahrastāni, (1961) *al-Milal wa al-Nihal*, j.1 c. 1. Beirut, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. h.107.

⁴² Harun Nasution (2002), *teologi Islam aliran-aliran sejarah analisa perbandingan*, Jakarta; UI-Press h.15

2.1.1 Golongan *al-Muḥakkimah*.

Selepas berakhirnya peperangan al-Naḥrawān, pengikut-pengikut *al-Muḥakkimah* yang masih selamat telah lari menyelamatkan diri mereka ke beberapa wilayah yang berhampiran dengan Naḥrawān, antara wilayah tersebut ialah Kufah dan Basrah. Melihat kepada jumlah mereka yang sedikit dan lemah untuk menentang kekuatan pemerintah Bani Umayyah pada masa itu, mereka mengambil keputusan untuk menggerakkan pertubuhan mereka dalam keadaan diam dan berjaga-jaga. Pada waktu itu juga kerajaan Bani Umayyah telah mengerahkan tenteranya agar membunuh sesiapa sahaja yang didapati melakukan sebarang penentangan terhadap pemerintah, atau tidak menunjukkan taat setia terhadap pemerintah. Maka demi menyelamatkan diri dan kumpulan mereka daripada dimusnahkan oleh pemerintah pada waktu itu, kumpulan Khawārij telah berpura-pura menyatakan kesetiaan mereka terhadap pemerintahan Bani Umayyah.⁴³

Tokoh utama yang merancang kaedah penyamaran ini pada peringkat permulaannya ialah Abī Bilāl Mardas bin Huḍayr al-Tamīmī. Selama menyatakan taat setianya kepada pemerintah Bani Umayyah, Abī Bilāl menyaksikan berbagai-bagai perkara yang terjadi dalam kalangan masyarakat Islam pada waktu itu. Beliau mula merasakan bahawa penganiayaan, pengusiran dan pembunuhan yang berlaku terhadap kaum kerabatnya kerana menganut aliran yang berbeza tetapi seagama adalah salah berdasarkan hadith *Nabi* s.a.w. yang bermaksud, “*Apabila bertikaman*

⁴³ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah) h.47

dua orang Islam dengan pedang mereka, maka pembunuh dan terbunuh keduanya berada dalam neraka”⁴⁴

Abī Bilāl mula menarik diri bersama beberapa orang sahabatnya daripada berpegang kepada prinsip-prinsip *al-Muḥakkimah*, secara rahsia beliau mula mengajak ahli keluarga dan kerabatnya dari kalangan Banī Tamīm agar meninggalkan fahaman sempit *al-Muḥakkimah*. Banī Tamīm pada waktu itu merupakan kabilah yang amat berpengaruh dalam kalangan penduduk Basrah. Abī Bilāl telah menjadikan Basrah sebagai markas dakwahnya⁴⁵. Apabila bertemu sahaja ahli *al-Muḥakkimah*, tanpa segan silu beliau menyatakan pendiriannya dan mengajak mereka agar bertolak ansur dalam mempertahankan pendirian *al-Muḥakkimah*. Beliau menyeru mereka agar tidak memerangi dan membunuh sesiapa yang tidak sependapat dengan *al-Muḥakkimah*. Beliau juga mengajak pengikutnya agar tidak dengan mudah menghunus senjata dan membunuh manusia lain melainkan apabila mereka terdedah kepada persengketaan yang menyebabkan pembunuhan merupakan satu perkara yang terpaksa dilakukan.⁴⁶

Kesungguhan Abī Bilāl dalam misi menyampaikan dakwahnya membuahkan hasil yang amat memberangsangkan. Beliau telah mengadakan majlis-majlis perbincangan dan perbahasan bagi menerangkan pendapat beliau agar diterima oleh ahli-ahli *al-Muḥakkimah* yang lain. Ramai kalangan penyokong *al-Muḥakkimah*

⁴⁴ *Ibid* h. 47.

⁴⁵ Ibn Jarīr al-Ṭabari,(t.t) *Tarīkh al-Umam* j.5 Kaherah: Dār āl-Ma’arif, h. 566

⁴⁶ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī* . (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah). *op. cit.*, h. 47. Lihat juga Dr ‘Iwaḍ Muḥammad Khalīfāt,(2000)*Usul al-Tarikh li Firqah Ibādīyyah*, c. 4. Masqat: Kementerian Kebudayaan Dan Wakaf.. h.6

menerima pemikiran Abī Bilāl. Hari demi hari pengikut Abī Bilāl semakin bertambah ramai, begitu juga dengan mereka yang menyokong perjuangan beliau. Sehingga mereka makin membesar dan mampu membina masjid yang khusus untuk mereka di Basrah.⁴⁷

Orang-orang yang menyertai Abī Bilāl bukanlah kalangan ahli *al-Muḥakkimah* semata-mata, terdapat juga kalangan mereka yang menyertai Abī Bilāl merupakan para ilmuan dalam pelbagai bidang agama. Antara tokoh ulama' yang faqih dan dikenali menyertai Abī Bilāl ialah Jābir bin Zaid al-Āzidi, yang akhirnya merupakan pengasas dan pemimpin sebenar gerakan ini. Abī Bilāl sendiri menjadikan beliau guru dan pemimpin gerakan serta menerima perintah beliau. Namun para pengikut gerakan ini digesa agar tidak mendedahkan nama Jābir dan pembabitan beliau dengan gerakan ini secara langsung untuk mengelak ancaman pemerintah.⁴⁸

Namun begitu usaha yang dilakukan oleh Abī Bilāl tidak bertahan sebagaimana yang diharapkan. Sebaik sahaja pemerintahan Bani Umayyah bertukar tangan, polisi politik juga menerima perubahan. Ketika 'Abd-Allah bin Ziyād mengambil alih pemerintahan daripada bapanya pada tahun 55 H/675M. Beliau terus memerintahkan agar penentang-penentang beliau diperangi, diusir dan dibunuh tanpa belas kasihan. *al-Muḥakkimah* dilihat sebagai musuh utama yang perlu dihapuskan.⁴⁹

⁴⁷ *Ibid* h.48.

⁴⁸ *Ibid* h. 48.

⁴⁹ *Ibid* h.48

Abī Bilāl yang melihat senario ini merasakan tiada ruang lagi bagi dirinya untuk berhadapan dengan ‘Abd-Allah bin Ziyād. Sebaik mengetahui nama beliau berada dalam senarai orang yang paling dikehendaki oleh pemerintah pada waktu itu, tiada tempat baginya untuk menyembunyikan diri, lalu beliau bersama tiga puluh orang sahabatnya, ada pendapat yang mengatakan seramai empat puluh orang, bertindak keluar meninggalkan Basrah untuk menyelamatkan diri. Kata beliau kepada para sahabatnya: “Sesungguhnya demi Allah, kita tidak berdaya untuk tinggal bersama orang-orang yang zalim, yang mengenakan hukuman mereka kepada kita, lari kita untuk keadilan perpisahan kita untuk kebaikan. Demi Allah bersabar di atas ujian ini amat besar pahalanya”. Peristiwa ini telah berlaku pada tahun 61 H/680M

Walaupun beliau berusaha untuk menyelamatkan diri bersama para sahabatnya, beliau masih dapat ditemui oleh tentera-tentera ‘Abd-Allah bin Ziyād. Mereka telah ditawan di sebuah perkampungan yang bernama Āsāk ketika hendak menunaikan fardhu Jumaat. Setelah berlaku sedikit pertempuran antara mereka, Abī Bilāl memerintahkan sahabatnya agar berhenti berbunuhan. Beliau merayu kepada tentera Bani Umayyah seraya berkata, “ Sesungguhnya kamu berada pada hari yang besar dan mulia (jumaat) lepaskanlah kami untuk bersolat, dan kamu juga perlu bersolat” para tentera itupun membenarkan mereka bersolat. Pada ketika mereka melakukan solat itulah para tentera Ibn Ziyād bertindak membunuh mereka dalam keadaan ruku’ sujud, duduk dan berdiri.⁵⁰

Setelah terbunuhnya Abī Bilāl, ‘Abd-Allah bin Ziyād semakin mengandakan usahanya untuk menghapuskan para penentangannya dengan menggunakan berbagai-

⁵⁰ *Ibid* h.49

bagai bentuk ancaman seksaan. Semua bentuk tekanan ini amat membebankan para pengikut *al-Muḥakkimah*. Perkara ini mendorong mereka untuk bertindak keluar daripada penyamaran, seterusnya menentang kerajaan Bani Umayyah pimpinan ‘Abd-Allah bin Ziyād dengan kekerasan yang lebih hebat daripada yang diterima oleh mereka. Namun begitu tidak semua ahli al-Khawārij bersetuju untuk bertindak sedemikian rupa. Hinggalah akhirnya berlaku perpecahan kalangan mereka pada tahun 64 H./683M⁵¹ Para pengkaji sejarah telah membahagikan perpecahan Khawārij ini kepada dua kumpulan utama:⁵²

i. **Kumpulan *al-Muḥakkimah* Fanatik.**

Kumpulan ini mempunyai prinsip yang tegas terhadap orang-orang yang tidak sependapat dengan mereka. Bagi mereka, adalah wajib meninggalkan kawasan yang mana penduduknya tidak bersetuju dengan mereka. Begitu juga tidak boleh seorang Khawārij itu tinggal bersama orang-orang yang tidak sependapat dengan mereka. Mereka juga tidak akan bersekongkol terhadap orang-orang yang menyalahi pendirian mereka. Mereka juga cenderung untuk memerangi manusia yang tidak sama pendirian dengan mereka. Kumpulan ini ialah,⁵³

⁵¹ *Ibid*

⁵² Ziyānah bint Khalfān al-Ḥārithiyyah (2006). *al- Imām Jābir bin Zaid*. Masqaṭ: maktabah Jīl al-Wa’iīd., h. 82.

⁵³ *Ibid* h. 51.

Harun Nasution Dr (2002), *teologi Islam aliran-aliran sejarah analisa perbandingan*, UI-Press Jakarta h. 16

a. Al-Muḥakkimah

Golongan *al-Muḥakkimah* asal daripada pengikut ‘Alī bin Abī Ṭālib. Bagi mereka ‘Alī dan Mu‘āwiyah dan kedua-dua wakil mereka serta semua orang yang bersetuju dengan *al-Taḥkīm* adalah bersalah dan menjadi kafir.

b. Al-Azāriqah.

Golongan yang membentuk semula kumpulan baru lebih kuat daripada kumpulan *al-Muḥakkimah* setelah peperangan *al-Naḥrawān*. Nama ini sempena pemimpin mereka yang bernama Nāfi‘ bin *al-Azraq*. Pengikutnya berjumlah 20 ribu orang. Nāfi‘ mati dalam satu pertempuran di Iraq.

c. Al-Najdāt.

Kumpulan yang diketuai oleh Najdah bin ‘Āmir *al-Ḥanafī* daripada Yamāmah. Pada asalnya kumpulan ini ingin menyertai kumpulan *al-Azāriqah*. Bagaimanapun kerana terdapat percanggahan antara prinsip, mereka membentuk kumpulan sendiri.

d. Al-‘Ajāridah

Mereka pengikut ‘Abd al-Karīm ibn ‘Ajrād. Menurut *al-Syahrastānī*, beliau merupakan salah seorang teman ‘Aṭīyah *al-Hanafī*. Golongan ini tidak mengakui surah Yusuf merupakan sebahagian daripada surah-surah *al-Qur’ān*. kerana bagi mereka tidak mungkin *al-Qur’ān* akan membicarakan persoalan cinta sesama manusia.⁵⁴

⁵⁴ *Ibid* h. 20

e. Al-Ṣufriyyah.

Golongan ini dipimpin oleh Ziyād Ibn al-Aṣfār, Fahaman mereka hampir menyamai fahaman golongan al-Azāriqah. Oleh itu mereka juga dilihat ekstrim dan fanatik.

ii. Kumpulan *al-Muḥakkimah* Sederhana.

Sebahagian daripada kumpulan ini merupakan ahli *al-Muḥakkimah* dan mereka yang terselamat dalam peperangan al-Naḥrawān termasuk mereka yang menyokong perjuangan Abī Bilāl al-Tamīmī. Kumpulan ini tidak mengkafirkan selain daripada mereka, sebagai mana kata mereka “ Kami tidak menghukum sesiapa yang menyalahi kami adalah musyrik, kerana mereka masih berpegang dengan Tawhid, mengakui Kitab dan para *rasul*. Mewarisi harta mereka, menikahi mereka, serta tinggal bersama mereka adalah harus. Sesungguhnya Islam telah menyatukan mereka”⁵⁵

Kumpulan ini juga digelar sebagai *al-Qā'idah*. Gelaran ini diberikan oleh kumpulan *al-Muḥakkimah* fanatik kepada mereka, kerana keengganan mereka untuk berhijrah daripada wilayah yang bukan dihuni oleh *al-Muḥakkimah*, keengganan mereka melakukan pemberontakan dan jihad menentang orang-orang yang tidak sealiran dengan mereka. Mereka digelar *al-Qā'idah*, yang bermaksud orang yang duduk dan tidak melakukan apa-apa tindakan. Daripada kumpulan inilah timbulnya mazhab *al-Ibāḍiyyah*.

⁵⁵ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah). Lihat juga Harun Nasution Dr (2002), *teologi Islam aliran-aliran sejarah analisa perbandingan*, Jakarta: UI-Press, h. 51

Berdasarkan kepada perpecahan yang telah berlaku terhadap golongan *al-Muḥakkimah* ini, dapatlah disimpulkan secara ringkasnya, perpecahan kumpulan *al-Muḥakkimah* ini hanya kepada dua kumpulan daripada sudut prinsip yang diamalkan berbeza antara satu sama lain. Pada akhirnya dua kumpulan ini dilihat bermusuhan antara satu dengan yang lain. Perkara ini jelas daripada sepucuk surat yang dihantar oleh ‘Abd-Allah bin Ibād kepada pemerintah Bani Umayyah iaitu ‘Abd al-Mālik yang berbunyi “ Sesungguhnya kami membebaskan diri kami kepada Allah s.w.t daripada Ibn al-Azrāq (Nāfi‘ bin Azrāq) serta pengikutnya dan perbuatannya. Sesungguhnya jelas bagi kami ketika beliau keluar atas nama Islam, namun dia telah melakukan kesesatan, berpaling serta kufur selepas menjadi muslim, maka dengan ini kami membebaskan diri kepada Allah s.w.t daripada mereka”⁵⁶ Berdasarkan asas inilah, dapat disimpulkan alasan *al-Ibādiyyah* enggan diri mereka dikaitkan dengan *al-Muḥakkimah*. Kerana bagi mereka *al-Muḥakkimah* bukan lagi sebuah mazhab Islam, bahkan telah murtad dan terkeluar daripada Islam.

2.2 Al- Ibādiyyah.

Selepas berlakunya perpecahan terhadap kumpulan al-Muḥakkimah, muncul seorang individu yang bernama ‘Abd-Allah bin Ibād yang mengepalai gerakan al-Muḥakkimah Sederhana(juga dikenali sebagai *al-Qā'idah*) di Basrah. Keinginan beliau untuk tinggal di Basrah telah memungkinkan pemikiran gerakan ini disebarkan tanpa sebarang pertelingkahan. Ini adalah disebabkan kumpulan Khawārij

⁵⁶ Dr. Farḥāt al-Ja'bī (1987) *al-bu'd al-Ḥadārī li-Aqīdah al-Ibadiyyah* .c. 2, Ruwi: Maktabah al-Istiḳāmah. h. 54.

fanatik telah bertindak keluar meninggalkan Basrah kesan daripada prinsip yang dianuti oleh mereka, antaranya tidak boleh tinggal dalam satu wilayah bersama orang-orang yang tidak bersetuju dengan mereka, bahkan ada yang menghukumkan selain daripada Khawārij adalah kafir dan boleh diperangi.

Mazhab ini dinamakan dengan *al-Ibāḍiyyah*, adalah bersempena dengan nama pendokong yang memperjuangkan prinsip dan ajaran-ajarannya. Beliau adalah ‘Abd-Allah bin Ibād bin Murrāh al-Tamīmī.⁵⁷ Mazhab ini dinamakan bersempena dengan nama bapa beliau iaitu Ibād, kerana tradisi masyarakat Arab itu sendiri sering meletakkan kemasyhuran itu pada nama bapa mereka.

Latarbelakang ‘Abd-Allah bin Ibād tidak banyak terdedah dalam tulisan sejarah. Sama ada sumber tersebut daripada Ibādī atau lain daripada mereka. Beliau ialah ‘Abd-Allah bin Ibād daripada Bani Sharīm bin al-Ḥārith bin Muqa‘is daripada Bani Tamim, salah sebuah kabilah utama Muḍār.⁵⁸ Tidak banyak perkara yang dapat dikaji tentang kehidupan awal beliau, Muhammad bin Yusuf ‘Atfayish, salah seorang ulama’ *al-Ibāḍiyyah* berpendapat Ibn Ibād berpindah daripada Najd, tempat asal kabilahnya menuju ke Basrah.⁵⁹ Terdapat juga pendapat yang mengatakan beliau ialah seorang daripada kalangan sahabat yang terakhir, tetapi kebanyakan penganut mazhab *al-Ibāḍiyyah* berpendapat beliau adalah salah seorang dalam kalangan para tabi’īn yang hidup pada pertengahan kedua, kurun hijrah yang pertama. Tidak dapat dipastikan melalui tulisan sejarah beliau terlibat dengan pergolakan yang berlaku

⁵⁷ Dr ‘Amru Khalifa ‘Ināmi (1993) *Studies in Ibadhisme*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami c. 1, h.15

⁵⁸ *Ibid* .15

⁵⁹ *Ibid* 16

dalam masyarakat Islam⁶⁰ Namun apa yang jelas beliau tidak bersetuju dengan pemerintahan Mu'awiyah. Menurut Dr Harun Nasution, *al-Ibādiyyah* merupakan golongan yang paling sederhana daripada kalangan *al-Muhakkimah*. Kesederhanaan mereka boleh dilihat dalam beberapa prinsip berikut.⁶¹ ;

- i. Orang Islam yang tidak berfahaman seperti mereka tidaklah kafir, boleh dikahwini, dan mewarisi. Membunuh mereka adalah haram.
- ii. Wilayah Orang Islam yang tidak sehaluan dengan mereka masih lagi wilayah tauhid, iaitu wilayah orang-orang yang mengesakan tuhan, tidak boleh diperangi.
- iii. Orang Islam yang melakukan dosa besar bukan Mu'min dan bukan juga kafir. Maksudnya melakukan dosa besar tidak menyebabkan seseorang itu keluar daripada Islam.
- iv. Semasa peperangan, harta yang boleh dirampas hanyalah kuda dan senjata. Emas dan perak mesti dikembalikan kepada yang empunya.

Berdasarkan beberapa prinsip sederhana inilah 'Abd-Allah bin Ibād tidak mahu menyertai kumpulan *al-Azāriqah* untuk menentang pemerintahan Bani Umayyah. Bahkan beliau mempunyai hubungan yang baik dengan Khalifah 'Abd al-Mālik bin Marwān. Begitu juga dengan Jābir bin Zaid yang membina hubungan yang baik dengan al-Ḥajjāj bin Yūsuf, yang pada waktu itu merupakan panglima perang Bani Umayyah yang amat keras dan bersungguh-sungguh memerangi golongan Khawarij yang bersikap ekstrim⁶²

⁶⁰ *Ibid* h. 16

⁶¹ Harun Nasution(2002), *teologi Islam aliran-aliran sejarah perbandingan*, UI-Press Jakarta h. 22

⁶² *Ibid* h 23

2.2.1 Nama *al-Ibadiyyah*.

Nama *al-Ibāḍiyyah* telah diberikan kepada mereka oleh penguasa-penguasa kerajaan Bani Umayyah kepada pengikut-pengikut ‘Abd-Allah bin Ibāḍ. Nama ini dinisbahkan kepada bapa beliau, iaitu Ibāḍ bin Tamīm bin Tha’labah al-Tamīmī. Namun begitu pengikut-pengikut mazhab ini tidak menganggap ‘Abd-Allah bin Ibāḍ sebagai ketua dan pemimpin mereka, dan tidak pernah meletakkan beliau pada martabat yang sama dengan Jābir bin Zaid al-Āzidī daripada sudut keilmuan dan kefakihan. Bagi mereka ‘Abd-Allah bin Ibāḍ bukanlah ketua mereka yang perlu ditaati.

Perkara ini terbukti dalam kitab-kitab yang dikarang oleh ulama’ mereka yang terdahulu seperti Ḥaṭṭāṭ bin Kātib, Salīm al-Ḥilālī, Abi ‘Ubaidah Muslim Abi Karīm al-Tamīmī, Rabi‘ bin Ḥabīb dan mereka yang lain. Kitab-kitab karangan mereka tidak pernah menyatakan perkataan *al-Ibadiyyah*. Bahkan mereka meletakkan nama *Jamā’ah Muslimīn*, kerana mereka berpendapat sebaiknya seseorang itu disifatkan kepada Islam. Mereka sendiri tidak mahu meletakkan nama mereka berbeza dengan nama umat Islam. Namun begitu, bagaimana sekalipun penamaan ini telah berlaku dan berkembang juga dalam kalangan pengarang-pengarang yang lain. Perkara ini telah mula terjadi pada kurun ke 3H/9M. Bahkan penamaannya digunapakai dalam kalangan pengikut mazhab *al-Ibāḍiyyah* sendiri.⁶³

⁶³ ‘Umar bin al-Ḥāj Muhammad Ṣāleh Ba(1992) *Dirasāt fi al-Fikr al-Ibāḍī*, Ruwi: Maktabah al-Istiḳāmah. h. 92

Faktor-faktor yang membawa kepada penamaan mazhab ini bersempena dengan nama ‘Abd-Allah bin Ibād adalah disebabkan beliau merupakan orang yang mempunyai pengaruh dalam kalangan masyarakat pada waktu itu berdasarkan beliau keturunan Bani Tamīm. Pengaruh ini digunakan oleh ‘Abd-Allah bin Ibād bagi memperpanjangkan urusan pengikut mazhab dengan penguasa pada waktu itu.⁶⁴ Dengan kata lain ‘Abd-Allah bin Ibād merupakan jurucakap atau sendi yang mampu menjadi penghubung antara pemerintah dengan pengikut Jābir bin Zaid. Beliaulah yang akan diwakilkan oleh pengikut Jābir bin Zaid untuk berhujjah dengan musuh. Beliau juga dilihat sebagai jurucakap bagi pihak Jābir bin Zaid. Kekerapan beliau muncul di khalayak menjadikan ‘Abd-Allah bin Ibād lebih dikenali berbanding pemimpin tertinggi yang sebenar. Kekerapan nama beliau disebut membawa sangkaan bahawa beliaulah pemimpin utama mazhab *al-Ibadiyyah*. Begitu juga dengan perutusan-perutusan beliau kepada Khalifah ‘Abd al-Mālik bin Marwān yang berupa surat-surat penjelasan terhadap sesuatu perkara, lebih meyakinkan masyarakat pada waktu itu beliaulah pemimpin tertinggi mazhab *al-Ibadiyyah* dan pengasasnya.⁶⁵ Tambahan pula pada waktu itu keadaan memerlukan gerakan ini dikembangkan secara rahsia.

Nama *al-Ibādiyyah* bukanlah nama pilihan para pengikut mazhab ini, bahkan nama ini digelarkan kepada mereka oleh orang-orang yang tidak bersetuju dengan mereka.⁶⁶ Para pengikut mazhab ini pada asalnya sering menolak penggunaan nama

⁶⁴ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Hattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah). h. 55

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ ‘Alī Yahya Mu’ammār (1989), *al-Ibadiyyah fī Maukib al-Tarīkh*, c.2. Ruwi, maktabah al-Istiqāmah, h. 6.

al-Ibādiyyah terhadap mereka. Namun begitu tindakan musuh yang masih terus menggunakan nama ini dan perjalanan masa yang panjang, mereka akhirnya menerima penamaan ini tanpa rela. Tambahan pula mereka mendapati, tiada kecelaan terhadap nama yang diberikan bahkan ‘Abd-Allah bin Ibād sendiri adalah sebahagian daripada mereka. Perkara ini disahkan oleh salah seorang daripada ulama’ mereka iaitu Salīm bin Ḥamd bin Syāmis al-Ṣiyābī, kata beliau “nama ini diberikan kepada kami oleh mereka yang tidak bersama kami”⁶⁷.

Nama *al-Ibādiyyah* mula muncul dalam artikel-artikel dan buku-buku penulisan buat pertama kalinya pada suku akhir kurun ke-3H/9M.⁶⁸ Para pengikut *al-Ibādiyyah* pada asalnya telah memilih beberapa nama untuk mereka antaranya, *Ahl al-Istiqāmah*, *Ahl al-Da‘wah*, *Jamā‘ah al-Muslimīn* dan *Ahl al-Istiqāmah wa al-Ḥaq*.⁶⁹ Nama-nama ini cuba diperkenalkan kepada masyarakat bagi mengelakkan sebarang bentuk prasangka, terutama daripada para pemerintah yang cuba mengaitkan mereka dengan kumpulan pemisah dan pemberontak.⁷⁰ Perkara ini juga dilihat sebagai salah satu strategi politik. Pemerintah pada waktu itu akan mencari jalan untuk menangkap sesiapa sahaja yang ada sebarang kaitan dengan unsur-unsur pemberontakan, mereka akan ditangkap dan dibunuh, sebagaimana yang telah berlaku kepada Abī Bilal al-Murdas dan tiga puluh orang sahabatnya yang telah dibunuh di Āsāk. Perpecahan yang berlaku terhadap kumpulan *al-Muḥakkimah* telah

⁶⁷ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h. 57.

⁶⁸ ‘Amrus bin Fattāḥ, (2000) *al-Dainūnah al-Ṣafīyyah*, c.1.Masqat; Kementerian Kebudayaan dan Warisan Oman. h. 56

⁶⁹ Dr. Farḥāt al-Ja‘birī (1987) *al-bu’d al-Ḥaḍārī li-Aqīdah al-Ibadiyyah*.c. 2, Ruwi: Maktabah al-Istiqāmah h. 56

⁷⁰ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h. 57

mendorong *al-Ibādiyyah* memilih nama sebagai *Ahl al-Da'wah wa al-Istiqāmah* atau *Jamā'ah al-Muslimīn* berdasarkan dua perkara iaitu,⁷¹

- i. Penamaan sesebuah kumpulan berdasarkan kepada nama seseorang individu adalah tidak perlu. Ini kerana perkara asas kepada sesebuah kumpulan mestilah berdasarkan agama, yang merupakan penyatuan ummah. Maka kesatuan mestilah diasas berdasarkan Islam. Para pengikut mazhab ini melihat penamaan *al-Ibadiyyah* ini satu kesalahan, jadi nama yang diberikan kepada mereka sebagaimana nama yang diberikan kepada kumpulan Islam yang lain, tidaklah membawa maksud mereka itu menuruti pemimpin semata-mata dan mentaati segala perintahnya, kerana bagi mereka pemimpin mutlak yang layak diberi ketaatan dan dijadikan tauladan hanyalah *Nabi Muhammad s.a.w.*
- ii. Nama *Ahl al-Istiqāmah* pula menunjukkan keistimewaan mereka kekal memelihara prinsip-prinsip syari'at yang tidak boleh dijual beli dan kental berpegang dengan akidah Islam. Sekiranya perkara ini hanya disifatkan kepada *al-Ibadiyyah*, ini bermaksud ada kumpulan lain kalangan mereka yang tidak bergerak atas jalan yang diredhai oleh Allah S.W.T., atau setidak tidaknya berlainan dengan *al-Ibadiyyah* dalam masalah usul apatah lagi dalam perkara cabang. *Al-Ibadiyyah* masih dilihat sebahagian daripada *Khawārij* yang tidak menyalahi akidah dan syari'at.

⁷¹ *Ibid* 58. Lihat, 'Alī Yaḥya Mu'ammār(1989), *al-Ibadiyyah fī Maukib al-Tarīkh*, c.2.h. 6

Walau bagaimana sekalipun perkara ini diperbincangkan, persoalan utama yang perlu dibahaskan adalah sejauh mana manusia itu berpegang dengan akidah dan beramal dengan ikhlas menepati kehendak Allah S.W.T., kerana iman bukan persoalan nisbah atau harapan seseorang.

2.2.2 Pengasas Mazhab *al-Ibāḍiyyah*.

Menelusuri sejarah kemunculan mazhab *al-Ibāḍiyyah* berdasarkan kronologi sejarahnya, merupakan satu perkara yang rumit untuk menentukan pengasas sebenar mazhab ini. Perkara ini disebabkan strategi yang digunakan oleh mereka untuk melindungi gerakan ini daripada dihidu oleh pemerintah pada waktu itu. Terdapat beberapa individu yang memainkan peranan yang amat penting dalam sejarah kemunculan mazhab ini. Begitu juga dengan faktor-faktor yang membantu dalam kelahiran mazhab *al-Ibāḍiyyah*. Terdapat dua faktor utama yang boleh dijadikan asas kemunculan mazhab ini, seterusnya akan kelihatan individu-individu yang mempelopori kedua-dua faktor tersebut atau salah satu daripada kedua-duanya. Faktor yang cuba penulis ketengahkan di sini ialah;

- i. Faktor politik.

Dari sudut politiknya boleh dikatakan kelahiran mazhab ini adalah berpunca daripada perasaan tidak puas hati pengikut-pengikutnya terhadap pemerintahan Bani Umayyah pada masa itu. Mereka juga enggan menerima sistem monarki

sebagai satu kaedah pemerintahan. Bagi mereka kuasa pemerintahan bukanlah milik keturunan, tetapi milik setiap orang yang memiliki syarat-syarat kepimpinan. Oleh sebab kerajaan Bani Umayyah pada masa itu mengamalkan sistem monarki dalam pemerintahan mereka, maka *al-Ibadiyyah* melahirkan penentangan mereka terhadap sistem tersebut dalam ajaran-ajaran mereka. Maka individu yang muncul dalam perjuangan ini ialah ‘Abd-Allah bin Ibād.

ii. Faktor Akidah.

Persoalan akidah merupakan faktor kedua yang muncul selepas persoalan politik. *Al-Ibādiyyah* pada asalnya merupakan sebuah gerakan politik berhaluan kiri yang menentang pemerintahan Bani Umayyah pada masa itu, namun tanpa disadari persoalan politik telah berubah menjadi persoalan akidah. Perkara ini disebabkan berlaku perselisihan pendapat dalam kalangan mereka tentang beberapa isu penting yang menjadi tunjang perjuangan. Isu kafir-mengkafir yang berleluasa tanpa batasan dalam kalangan mereka memungkinkan lahirnya beberapa pendapat dalam kalangan para ilmuan mereka hingga menimbulkan polemik dalam kalangan mereka sendiri. Tambahan pula terdapat dalam kalangan mereka para ilmuan yang hidup sezaman dengan sahabat, bahkan pernah berguru dengan mereka. Maka individu yang menonjol dalam lapangan ini ialah Jābir bin Zaid al-Āzidi.

2.2.3 ‘Abd-Allah bin Ibād.

Beliau ialah ‘Abd-Allah bin Ibād daripada Bani Murrah bin ‘Ubaid bin Qais al Tamīmī. Beliau muncul pada zaman Mu’awiyah bin Abī Sufiyān dan hidup sehingga zaman pemerintahan Abd al-Mālik bin Marwān. Tidak banyak maklumat yang dapat dikumpulkan tentang kelahirannya, begitu juga tahun kewafatannya. Menurut pendapat Syeikh Ahmad al-Khalīlī (Mufti Besar Negara Oman), ‘Abd-Allah bin Ibād telah lahir sebelum kelahiran Jābir bin Zaid, pendapat ini adalah berasaskan pengetahuannya yang jelas tentang zaman pemerintahan Mu‘āwiyah.⁷² Ada juga pendapat yang menyatakan beliau dilahirkan pada penggal pertama pemerintahan Mu‘āwiyah bin Abī Sufiyān.(40H/660M – 69H/688M). Sewaktu ‘Abd-Allah bin al-Zubayr mempertahankan kota Mekah daripada kerakusan al-Hajjāj, beliau telah berjuang bersama-sama. Ketika itu beliau berumur tidak melebihi 24 tahun.⁷³ Pendapat lain pula menyatakan beliau daripada keturunan Bani Syarīm bin al- Ḥārith bin Maqā’is daripada Bani Tamīm.⁷⁴ Beliau berpindah daripada Najd, menuju ke Basrah. Ada pendapat mengatakan beliau adalah daripada golongan sahabat. Namun sumber daripada mazhab *al-Ibāḍiyyah* sendiri mengaku bahawa beliau daripada golongan Tabi‘īn. Tidak diketahui dengan jelas samada beliau terlibat dengan peperangan saudara yang telah melanda ketenteraman hidup. Namun apa yang jelas, beliau tidak begitu bersetuju dengan perlakuan pemimpin Bani Umayyah.⁷⁵

⁷² Ziyānah bint Khalfān al-Ḥārithiyyah (2006)..*al- Imām Jābir bin Zaid* maktabah al-Jīl al-Wa’īd Masqat, h.84

⁷³ *Ibid* h.84.

⁷⁴ Dr ‘Amr Khalifa al-‘In’āmi,(1993) *Studies in Ibadhism*, h. 15

⁷⁵ *Ibid* h. 44

Terdapat juga pendapat daripada sumber *al-Ibādiyyah* yang menyatakan bahawa ‘Abd-Allah bin Ibād memainkan peranan yang kedua penting dalam proses pembentukan gerakan *al-Ibādiyyah* yang dipimpin oleh Jābir bin Zaid. Beliau dilihat sebagai orang yang mengembang dan menyebarkan pendapat-pendapat Jābir. Begitu juga beliau dikatakan memiliki kekuatan ilmu dalam bidang fiqh selepas Jabir. Beliau juga merupakan seorang individu yang berani dengan terang-terangan menolak pendapat-pendapat mazhab semasa seperti, *al-Qadariyyah*, *al-Mu‘tazilah*, *al-Murji‘ah*, *al-Syi‘ah* dan kumpulan *al-Muhakkimah* yang ekstrim. Tuntasnya, ‘Abd-Allah bin Ibād merupakan orang yang mengetengahkan pendapat mazhabnya secara terang-terangan pada ketika pergerakan mereka bergerak secara rahsia, kerana beliau memiliki pengaruh yang kuat dalam kabilahnya.⁷⁶

‘Abd-Allah bin Ibād telah muncul dalam pentas sejarah selepas kewujudan *al-Muhakkimah*. Beliau menyertai gerakan *al-Muhakkimah* dengan melakukan penentangan terhadap Bani Umayyah di zaman pemerintahan Yazid bin M ‘awiyah pada tahun 64H/683M. Banyak peristiwa yang menyayat hati berlaku di Madinah sewaktu pemerintahan Yazid. Begitu juga di Mekah, sehingga Baitullah hampir musnah akibat daripada serangan tentera Yazid yang ingin menahan dan memusnah gerakan penentang yang diketuai oleh ‘Abd-Allah bin al-Zubayr.⁷⁷ Pada tahun 64H/683M, ‘Abd-Allah bin Ibād dianggap sebagai salah seorang individu yang lantang menentang kerajaan Bani Umayyah bersama para pemimpin *al-Muhakkimah* yang lain. Penentangan yang dilakukan oleh beliau terhadap pemerintah pada waktu

⁷⁶ *Ibid* h.45

⁷⁷ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah) h 102.

itu menyebabkan beliau merupakan antara penentang yang paling dikehendaki oleh kerajaan, sehinggalah akhirnya beliau ditangkap dan disumbat ke dalam penjara pada tahun tersebut. Beliau telah meringkuk dalam penjara sehinggalah kewafatan Yazid pada tahun yang sama.⁷⁸

Setelah dibebaskan daripada tahanan, beliau tidak lagi menyertai kumpulan *al-Muhakkimah* yang dipimpin oleh Nāfi' bin Azraq. Beliau bertindak menyendiri dan enggan menerima pendapat *al-Muhakkimah* yang mahukan orang ramai yang tidak bersetuju dengan mereka harus diperangi, tidak boleh dikahwini, tidak boleh mewarisi dan sebagainya daripada prinsip-prinsip *al-Muhakkimah*. Beliau juga bertindak menentang prinsip-prinsip tersebut secara perdebatan dan sebagainya, termasuk satu risalah yang ditulis oleh beliau kepada pemerintah Bani Umayyah pada ketika itu. Risalah ini dianggap sebagai titik permulaan pemisahan diri dan pendapat antara *al-Ibāḍiyyah* dan *al-Muhakkimah*.⁷⁹

2.2.4 Kewafatan ‘Abd-Allah bin Ibād.

Sumber-sumber sejarah baik daripada *al-Ibāḍiyyah* sendiri mahupun dalam kalangan pengkaji sejarah yang lain tidak ada yang menjelaskan secara jelas tentang kewafatan Abd-Allāh bin Ibād. Ramai yang beranggapan, kemungkinan beliau telah wafat pada zaman pemerintahan ‘Abd al-Mālik bin Marwān. *Al-Ibāḍiyyah* sendiri

⁷⁸ *Ibid* h.102

⁷⁹ *Ibid* h. 103

mengakui beliau hidup pada pertengahan kedua kurun yang pertama hijrah dan wafat sebelum tahun ke 100 H/718M.

2.3 Jābir bin Zaid al Āzidī.

Beliau ialah Abū Sya‘thā’.⁸⁰ Jābir bin Zaid al Āzidī,⁸¹ al-Jaufī al-Baṣrī daripada suku kabilah al-Yaḥmid al-Āziyyah di Oman⁸². Beliau dilahirkan di perkampungan yang bernama al-Faraq di wilayah Nizwa, Oman antara tahun 18–22 H/639-643M, ada kemungkinan bapa beliau merupakan sahabat *Nabis*.a.w. Beliau digelar dengan nama Abū Sya‘thā’, adalah nisbah kepada anak perempuan sulung beliau. Ini adalah disebabkan masyarakat Arab dahulu dan sekarang begitu berbangga dengan gelaran seperti ini sebagai gambaran hubungan yang amat baik antara seorang bapa dan anak.⁸³

Ahmad al-Khalīlī⁸⁴ berpendapat Jābir bin Zaid al-Āzidī telah lahir pada dua tahun terakhir pemerintahan ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.a.⁸⁵ Beliau dibesarkan di Nizwa, Oman. Namun begitu tidak banyak sumber yang menyatakan sejarah awal kehidupan

⁸⁰ Ibn Kathīr, Ismāil bin ‘Umar(1990); *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. j. 9 Beirut: Maktabah al Ma’arif, h.94

⁸¹ Al Bukhari, Muhammad bin Ismail,(1986) *Tarikh Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah,. j1, h 204.

⁸² Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī* . (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h 84

⁸³ Ziyānah bint Khalfān al-Ḥārithiyyah (2006)..*al- Imām Jābir bin Zaid*. Masqaṭ: maktabah al-Jīl al-Wa’iid, h. 97

⁸⁴ Syeikh Aḥmad al-Khalīlī adalah Mufti Besar Negara Oman.

⁸⁵ Ziyānah bint Khalfān al-Ḥārithiyyah (2006) *Op.Cit.*, h 98

beliau di Nizwa sehinggalah beliau berhijrah ke Basrah.⁸⁶ Begitu juga dengan sebab penghijrahan beliau ke Basrah. Para pengkaji sejarah telah beselisih pendapat tentang sebab penghijrahan beliau ke sana. Adakah penghijrahan tersebut kerana keinginan beliau untuk menuntut ilmu atau kerana ingin tinggal dengan keluarga beliau yang telah dahulu meninggalkan Nizwa dan menetap di Basrah.⁸⁷ Syeikh al-Qanūbī berpendapat, Jābir bin Zaid al-Āzidī telah menerima pendidikan peringkat pertamanya ketika beliau di Oman, kemudian beliau berhijrah ke Basrah menurut keluarganya di sana. Pada waktu yang sama, Basrah merupakan pusat penyebaran ilmu yang penting. Lalu beliau terus tinggal bersama keluarganya dan saudaramaranya di salah sebuah perkampungan di sana.⁸⁸ Namun begitu ada juga pendapat yang mengatakan beliau berhijrah ke Basrah adalah semata-mata kerana ingin menuntut ilmu. Pendapat ini dipegang oleh syeikh al-Ṣiyābī⁸⁹

Basrah pada waktu itu merupakan pusat pengembangan ilmu. Peluang ini di gunakan oleh Jābir bin Zaid al-Āzidī sepenuhnya bagi menambah ilmu daripada para ulama' dalam kalangan sahabat r.a. Antara para sahabat yang dikunjungi oleh Jābir bin Zaid al-Āzidi dalam perjalanan menuntut ilmu adalah 'Abd-Allah bin 'Abbās, 'Aisyah Umm al-Mu'minin, 'Abd-Allah bin 'Umar, 'Abd-Allah bin Mas'ūd, Jābir bin Abd-'Allah dan lain-lain. Terdapat satu riwayat daripada Jābir bin Zaid al-Āzidī sendiri yang menyatakan tentang perjalanannya menuntut ilmu kata beliau "Aku telah belajar daripada tujuh puluh orang yang menyertai *al-Badr*, aku telah mengumpulkan ilmu daripada mereka, termasuklah yang digelar lautan ilmu

⁸⁶ *Ibid* h.99.

⁸⁷ *Ibid* h.99

⁸⁸ *Ibid* h.100

⁸⁹ *Ibid* h.100

iaitu, ‘Abd-Allah bin Mas‘ūd’⁹⁰ Jābir bin Zaid al-Āzidī menambah lagi bilangan sahabat kepada. Abū Hurairah, Ānas bin Mālik, al-Ḥākim bin ‘Amr, al-Ghifārī, Usāmah bin Zaid, al-Barrā’ bin ‘Āzib dan Zaid bin Thābit.⁹¹

Daripada pernyataan ini jelas menunjukkan Jābir bin Zaid merupakan salah seorang dalam kalangan para tabi‘īn. Begitu juga dengan riwayat beliau mengumpulkan menunjukkan beliau betul-betul bertemu dengan para sahabat dan mengumpul sebanyak mungkin mutiara ilmu daripada mereka. Terdapat juga ungkapan daripada kalangan sahabat yang menyatakan keterlibatan Jābir bin Zaid al-Āzidī dengan mereka, sebagaimana kata Ibn ‘Abbās tentang beliau “ sekiranya penduduk Basrah belajar daripada Jābir, nescaya akan luaslah pengetahuan mereka”⁹² Iyas bin Mu‘āwiyah, qadi Basrah pada ketika itu telah berkata “penduduk Basrah telah ‘ālim, yang mana mufti mereka adalah Jābir bin Zaid orang Oman”⁹³ Seorang sahabat, Jābir bin ‘Abd-Allah berkata “ Wahai ibn Zaid, sesungguhnya kamu merupakan salah seorang ahli fiqh di Basrah dan sesungguhnya kamu akan memberikan fatwa, maka befatwalah kamu dengan al-Qur’ān atau dengan al-Hadith”⁹⁴

Berdasarkan daripada penyaksian para sahabat tentang keilmuan Jābir bin Zaid inilah, para ulama’ *‘Ilm al-Hadith* terutamanya mereka yang pakar dalam

⁹⁰ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī* . (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h 85.

⁹¹ Ziyānah bint Khalfān al-Ḥārithiyyah (2006)..*al- Imām Jābir bin Zaid* . Masqaṭ; maktabah al-Jīl al-Wa’īd h. 106.

⁹² Op.cit. h. 85

⁹³ Ibn Kathīr, Ismāil bin ‘Umar,(2001) *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Beirut: maktabah al-Ma’rif , j.9 h.

94

⁹⁴ *Ibid* h.94

bidang *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, telah menganggap beliau merupakan salah seorang ulama' yang terbilang pada kurun yang pertama hijrah. Selain daripada itu, Jābir bin Zaid al-Āzidī merupakan antara mereka yang mula-mula membukukan *al-Hadīth* dan *al-Sunnah* dalam kalangan tabi'īn. Beliau juga dilihat telah mendahului imam-imam mazhab yang berempat (*al-Ḥanafī, al-Mālikī, al-Syāfi'ī dan al-Ḥanbalī*).⁹⁵ kerana semua imam mazhab ini terkemudian daripada beliau, bahkan mereka juga meriwayatkan hadith dan hukum dari beliau. Mereka juga telah bersepakat tentang *al-'ādil, al-dābit* dan *al-amānah* Jābir bin Zaid al-Āzidī dalam periwayatan hadith. Bahkan mereka telah mengiktiraf beliau sebagai salah seorang dalam kalangan ahli hadith yang dipercayai dan ahli fiqh yang terbilang, lebih-lebih lagi beliau telah dikategorikan sebagai *rijāl aṣaḥḥu al-asānīd*, disebabkan beliau merupakan orang yang terawal.

Penelitian berkenaan hubungan Jābir bin Zaid al-Āzidī dengan *al-Ibāḍiyyah* merupakan satu usaha yang amat memerlukan pengorbanan masa dan tenaga. Hal ini adalah disebabkan terdapat beberapa riwayat yang menafikan hubungan beliau dengan gerakan *al-Ibāḍiyyah*. Namun disebabkan *al-Ibāḍiyyah* mengamalkan konsep *al-Taqiyyah*, maka keraguan hubungan beliau dengan *al-Ibāḍiyyah* hanyalah merupakan satu helah bagi menjaga keselamatan Jābir bin Zaid sendiri.

Ibn Abī Ḥadīd meriwayatkan bahawa sesungguhnya pengikut mazhab *al-Ibāḍiyyah* telah mengaku bahawa Jābir bin Zaid adalah merupakan salah seorang pemimpin mereka. Pendapat ini tidak pula dibantah oleh mana-mana ulama' mazhab

⁹⁵ Tahun kelahiran Abu Hanifah ialah 80 H/639M, Malik bin Anas 95 H/713M, Muhammad bin Idris al-Syafi'e 150 H/767M dan Ahmad bin Hambal 164 H/780M.

al-Ibādiyyah yang lain. Ini menunjukkan bahawa sememangnya Jābir bin Zaid al-Āzidī salah seorang daripada penganut mazhab ini.⁹⁶ Al-Syahrastāni pula telah meletakkan beliau antara salah seorang ulama' *al-Muhakkimah* dan pendokong utama *al-Ibādiyyah*.⁹⁷

Begitu juga dengan risalah-risalah yang ditulis oleh Jābir bin Zaid kepada para pendakwah, menunjukkan wujudnya satu jalinan hubungan yang baik dan tersusun antara beliau dan para pendakwah. Perkara ini jelas terdapat pada tulisan di akhir risalah beliau kepada mereka. Beliau meminta agar pengikutnya memadam tulisannya dan tidak menyebut nama beliau, “Lihatlah nikmat Allah kepadamu, keampunannya untuk kami dan kamu, apa-apa yang aku tulis kepada mu daripada beberapa risalah, padamkanlah ia”. Ketahuilah Allah memperbaiki untukmu di bumi yang tidak mahu namaku disebut, maka janganlah terlihat sesuatu pun apa yang aku tuliskan kepadamu”.⁹⁸

2.3.1 Kewafatan Jābir bin Zaid al-Āzidī.

Terdapat beberapa pendapat yang saling bertentangan dalam membicarakan persoalan kewafatan Jābir bin Zaid al-Āzidī.. Seseengah pendapat menyatakan bahawa beliau telah wafat pada minggu yang sama wafatnya sahabat *Nabis.a.w.*,

⁹⁶ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h 89

⁹⁷ Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Syahrastāni(1961), *al-Milal wa al-Nihal*, j. 1 Beirut, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. h. 137

⁹⁸ *Ibid* h. 90

iaitu Ānas bin Mālik pada tahun 93H/ 711M. Sebahagiannya pula berpendapat beliau telah wafat pada tahun 103H/ 721M. Al-Syamākhī dan ‘Alī Yahya Mu‘ammar mengatakan beliau wafat pada tahun 96H/ 714M⁹⁹. Al-Bakusyī mengatakan bahawa beliau wafat pada tahun 93H/ 711M. Fakta ini disokong dengan satu peristiwa dimana Jābir bin Zaid al-Āzidī telah mengundang sahabat beliau iaitu Ḥassan al-Bāsrī, agar datang bertemu beliau yang sedang menanggung kesakitan. Sementara Ḥassan al-Baṣrī pada waktu itu menyembunyikan diri daripada ditemui al-Ḥajjāj bin Yūsuf yang telah wafat pada tahun 95H/ 713M. Berdasarkan kepada keterangan ini jelaslah bahawa Jābir bin Zaid al-Āzidī telah wafat pada tahun 93H/ 711M.¹⁰⁰ Ibn Kathīr juga mengatakan bahawa beliau telah wafat pada tahun tersebut.¹⁰¹ Ada pendapat yang mengatakan bahawa beliau telah wafat pada tahun 104H/722M. Pendapat ini telah disokong oleh Ibn Ḥajar.¹⁰²

Walau bagaimanapun para pengkaji sejarah cenderung mengatakan beliau wafat pada tahun 103H/ 721M. Ini adalah disebabkan riwayat ini datangnya daripada Imam al-Rabi’ bin Ḥubayb menyatakan dalam musnadnya yang diriwayatkan daripada anak murid yang paling akrab dengan Jābir bin Zaid al-Āzidī iaitu Abī ‘Ubaidah. Abī ‘Ubaidah merupakan orang yang paling banyak mendampingi Jābir bin Zaid al-Āzidī untuk menuntut ilmu dan meriwayatkan hadith daripada Baginda

⁹⁹ ‘Alī Yahya Mu‘ammar (1989). *al-Ibadiyyah fī-Maukib al-Tarīkh* j.1 Ruwi: Maktabah al-Istiqāmah. h. 143

¹⁰⁰ *Ibid* h. 92

¹⁰¹ Ibn al-Kathīr, Ismāil bin ‘Umar(1990); *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. j. 9 Beirut: maktabah al-Ma’rif, h.99.

¹⁰² Ziyānah bint Khalfān al-Ḥārithiyyah (2006)..*al- Imām Jābir bin Zaid* c.1 Masqaṭ: maktabah al-Jīl al-Wa’iid, h.209

s.a.w.¹⁰³ Mufti Oman, Syeikh Ahmad al-Khalīlī juga mengatakan bahawa pendapat ini diakui oleh ramai pengkaji.¹⁰⁴

Peristiwa kewafatan beliau telah dinukilkan dalam satu riwayat yang menceritakan, pada malam kewafatannya, Jābir bin Zaid al-Āzidī telah menjemput Ḥassan al-Bāsrī bertemu beliau. Ḥassan al-Bāsrī pada waktu itu sedang menyembunyikan diri daripada al-Ḥajjāj yang telah wafat pada tahun 95 H. Fakta ini juga menunjukkan bahawa Jābir bin Zaid al-Āzidī telah wafat dahulu daripada al-Ḥajjāj. Ringkasan daripada kisah ini, sesungguhnya Jābir bin Zaid amat berharap agar dapat bertemu Ḥassan al-Bāsrī sebelum kewafatannya. Tatkala ajal telah hampir, Thābit al-Bannānī datang kepadanya lalu berkata: “Wahai Jabir, adakah kamu berhajat kepada sesuatu perkara”? Kata Jābir: “ Sesungguhnya aku tiada keinginan melainkan untuk bertemu Ḥassan al-Bāsrī sebelum sampai ajalku”. Mendengar kata- kata tersebut Thābit pun segera pergi menemui Ḥassan al-Bāsrī lalu menceritakan permintaan Jābir bin Zaid kepadanya. Ḥassan al-Bāsrī pada waktu itu sedang menyembunyikan diri berkata; “bagaimanakah harus aku lakukan”? Jawab Thābit al Bannānī: “Tungganglah baghalku, tutuplah mukamu, aku mengekori belakangmu, aku berharap agar tiada siapa yang menyangka”. Ḥassan al-Bāsrī lalu menuruti cadangan Thābit hinggalah beliau sampai bertemu Jābir bin Zaid sedang terlantar. Ḥassan al-Bāsrī terus memangkunya seraya berkata: “wahai Jābir sebutlah *“lā ilāha illa Allah”* Jābir lalu membuka matanya dan berkata: “Aku berlindung kepada Allah daripada masuk kedalam neraka” Ḥassan al-Bāsrī berkata lagi: “wahai

¹⁰³ *Ibid* h.209

¹⁰⁴ *Ibid* h. 211

Jābir, sebutlah “*lā ilaha illa Allah*”. Kata Jābir: “Wahai Ḥassan, Allah S.W.T. berfirman:

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا أَنْ تَأْتِيَهُمُ الْمَلَائِكَةُ أَوْ يَأْتِيَ رَبُّكَ أَوْ يَأْتِيَ بَعْضُ آيَاتِ رَبِّكَ يَوْمَ يَأْتِي بَعْضُ آيَاتِ رَبِّكَ لَا يَنْفَعُ نَفْسًا إِيْمَانُهَا لَمْ تَكُنْ ءَامَنَتْ مِنْ قَبْلُ أَوْ كَسَبَتْ فِي إِيمَانِهَا خَيْرًا قُلِ أَنْتَظِرُونَ إِنَّا مُنْتَظِرُونَ

Yang mereka nanti-nanti tidak lain hanyalah kedatangan malaikat kepada mereka atau kedatangan (siksa) Tuhanmu atau kedatangan beberapa ayat Tuhanmu.. pada hari datangnya ayat daripada Tuhanmu, tidaklah bermanfaat lagi iman seseorang kepada dirinya sendiri yang belum beriman sebelum itu, atau dia (belum) mengusahakan kebaikan dalam masa imannya. Katakanlah: "Tunggulah olehmu Sesungguhnya kamipun menunggu (pula)"

(Surah al-An'ām ayat 158)

Kata Ḥassan al-Bāsri: “Demi Allah inilah orang yang amat faqih dan ‘alim”. Kemudian Jābir berkata: “Wahai Ḥassan, beritakanlah kepadaku satu hadith *Nabis.a.w* tentang seorang Mu'min, apabila ia didatangi oleh kematian” Kata Ḥassan: “*Nabis.a.w.* telah bersabda “sesungguhnya seseorang Mu'min itu, apabila maut datang kepadanya, hatinya akan menjadi sejuk” Kata Jābir: “ Allah Akbar! Sesungguhnya aku telah merasakan kesejukan pada hatiku”. Lalu beliau wafat.¹⁰⁵

Sebagaimana wasiatnya, beliau telah dimandikan oleh isterinya dan di sembahyangkan oleh Quṭnī bin Mudrāk al-Kilābī. Ketika pengkebumiannya,

¹⁰⁵ *Ibid* h. 212.

Qatādah yang telah buta datang menziarahinya, beliau lalu meminta ditunjukkan kubur Jābir bin Zaid padanya. Setelah sampai ke kubur Jābir, Qatādah meletakkan kedua tapak tangannya ke atas kubur Jābir seraya berkata: “pada hari ini telah wafat seorang Arab yang alim”. Terdapat riwayat menyatakan “pada hari ini, telah dikebumikan seorang penduduk Iraq yang paling alim.”¹⁰⁶

2.4 Kesimpulan

Mazhab *al-Ibāḍiyyah* yang telah muncul pada akhir kurun pertama hijrah merupakan salah sebuah mazhab yang paling awal muncul dengan prinsip-prinsip akidah Islam. Mazhab ini juga memiliki susur galur yang amat kuat dalam sejarah Islam. Perkara ini dapat dimengertikan dengan mudah ketika membandingkan sejarah pengasas mazhab ini.

Individu seperti Abd-Allah bin Ibāḍ, Jābir bin Zaid merupakan golongan *tabi'īn*. Mazhab ini telah dinisbahkan kepada ‘Abd-Allah bin Ibāḍ sebagaimana yang telah dijelaskan, merupakan seorang daripada kalangan *tabi'īn* yang mempunyai keistimewaan dalam sejarah Islam. Namun begitu para penganut mazhab ini sendiri telah menisbahkan mazhab ini kepada Jābir bin Zaid, seorang ulama’ yang alim, amat dikenali dan masyhur. Bagi mereka nama *al-Ibāḍiyyah* diberikan oleh al-khawarij, musuh mereka.

¹⁰⁶ *Ibid* h. 213

Pada asalnya ‘Abd-Allah bin Ibād merupakan salah seorang daripada individu yang terlibat dalam pergolakan yang dahsyat antara ‘Alī dan Mu‘āwiyah hingga membawa peperangan. Beliau kemudiannya bertindak meninggalkan pergolakan tersebut dengan menyertai gerakan yang dipimpin oleh ‘Abd-Allah bin Wahb al-Rāsibī, gerakan yang menentang keputusan *al-tahkīm* yang dilihat oleh mereka sebagai menyeleweng daripada al-Qur’ān dan al-Sunnah. Gerakan ini dinamakan sebagai *al-Muḥakkimah*. Namun begitu musuh mereka telah menggelarkan mereka dengan nama *al-Khawārij*. Setelah gerakan ini dipatahkan oleh ‘Ali r.a. dalam perang *al-Naḥrawān* beliau bersama-sama beberapa orang yang terselamat telah melarikan diri ke Basrah bersama Abī Bilāl al-Mardās yang juga terselamat dalam peristiwa *al-Naḥrawān*, mereka telah mengatur gerakan secara sulit mengajak manusia kembali kepada al-Qur’ān dan al-Sunnah. Gerakan ini pada awalnya tertumpu kepada kumpulan *al-Muḥakkimah* yang terselamat dalam peperangan *al-Naḥrawān*. Usaha murni yang mereka lakukan telah berjaya menarik ramai pengikut *al-Muḥakkimah* kembali kepada kefahaman sebenar tentang Islam.

Basrah pada waktu itu merupakan kota ilmu telah memperlihatkan kelahiran ulama’ dalam berbagai-bagai bidang dan cabang ilmu, diantaranya ialah Jābir bin Zaid al-Āzidī. Abī Bilāl bersama ‘Abd-Allah bin Ibād juga tidak melepaskan peluang menuntut ilmu dengan beliau. Kelaziman mereka mengunjungi Jābir bin Zaid mewujudkan hubungan yang baik, antara mereka saling bertukar pandangan dan perbincangan. Sehingga Jābir sanggup pergi bersama Abī Bilāl menemui Ā‘isyah r.a.

untuk menyatakan pendirian mereka tentang keterlibatan beliau dalam perang *al-Jamāl*, lalu menyarankan Ā'isyah r.a agar segera bertaubat kepada Allah S.W.T.¹⁰⁷

Jābir bin Zaid dilihat sebagai penasihat Abī Bilāl dan 'Abd-Allah bin Ibād. Hampir segala tindakan yang bakal dilaksanakan, pendapat Jabir menjadi keutamaan kepada mereka. Namun begitu gerakan sulit ini dapat dihidu oleh pemerintah Bani Umayyah pada waktu itu. Abī Bilāl antara individu yang paling dikehendaki oleh pemimpin kerajaan Bani Umayyah. Abī Bilāl cuba menyembunyikan diri daripada ditemui tentera yang dipimpin oleh al-Hajjāj, ketika beliau cuba melarikan diri bersama-sama beberapa orang sahabatnya, beliau telah ditangkap di perkampungan *Āsāk* dan dibunuh.

Peristiwa yang menimpa Abī Bilāl telah menimbulkan kemarahan dalam kalangan sahabatnya, lalu mereka menyeru kepada semua pengikut *al-Muḥakkimah* agar segera menzahirkan diri dan menentang kerajaan Bani Umayyah. Namun seruan ini tidak mendapat sokongan yang padu daripada pengikut *al-Muḥakkimah*, kerana sudah ada dalam kalangan mereka yang tidak lagi berpegang dengan prinsip-prinsip *al-Muḥakkimah* sebagaimana ketika perang *al-Nahrawān* dahulu. Di sinilah berlakunya perpecahan *al-Muḥakkimah*. Nafi' bin Azrāq, Najdah bin 'Āmir al-Hanafī, Ziyād bin al-Aṣfār dan 'Abd al-Karīm Ajrād yang mengetuai beberapa kumpulan *al-Muḥakkimah* telah menyahut seruan ini. Mereka telah keluar meninggalkan Basrah menuju ke wilayah lain. Ini kerana menurut mereka tidak harus tinggal dalam satu wilayah bersama orang-orang yang tidak sefahaman dengan

¹⁰⁷ Ziyānah bint Khalfān al-Ḥārithiyyah (2006)..*al- Imām Jābir bin Zaid* maktabah al-Jīl al-Wa'iid Masqaṭ, c.1, h184

mereka. Bahkan mereka harus diperangi. Namun begitu Jābir bin Zaid dan ‘Abd-Allah bin Ibād tetap tinggal di Basrah bersama pengikutnya dan sesiapa yang menyokongnya. Sehingga mereka digelar sebagai al-Qā‘idah oleh kumpulan Nafi’ dan lainnya. Pada waktu yang sama juga ‘Abd-Allah bin Ibād telah mengadakan hubungan yang baik dengan pemerintah Bani Umayyah dengan mengutus surat kepada Khalifah ‘Abd al-Mālik bin Marwān, menyatakan beliau dan pengikutnya bukanlah sebahagian daripada al-Muḥakkimah. Bahkan Jābir sendiri memiliki hubungan yang baik dengan panglima al-Hajjāj bin Yusoff. Bermula dari sinilah munculnya *al-Ibādiyyah*.

BAB KETIGA

3.0 Akidah *al-Ibāḍiyyah*

Maksud kalimah لا إله إلا الله adalah penetapan perihal ketuhanan bagi Allah Tuhan Maha Esa tiada sekutu baginya. Kalimah ini juga membawa kepada pentauhidan bagi *Dhat*, *Ṣifāt* dan *Af'āl* Allah S.W.T. kalimah ini merupakan satu pengakuan yang membawa maksud keabadian Allah, tempat bergantung segala kehidupan yang ada di langit dan di bumi. Sebagaimana firmanNya.

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ وَلَمْ يَكُن لَّهُ كُفُوًا أَحَدٌ

.Katakanlah: "Dia-lah Allah, yang Maha Esa..Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu..Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan,. Dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia."

(Surah *al-Ikhlāṣ* ayat 1-4)

Allah, Sebagaimana yang ditakrifkan oleh Imam al-Sālimī, ilmu tentang *dhat* yang mesti wujud kerana *dhat*Nya yang berhak terhadap segala pujian¹⁰⁸ Allah adalah tuhan yang berhak dipuji, ditakuti, dipohon keampunan, yang tidak terhitung

¹⁰⁸ Nūr al-Dīn al-Sālimī, (2003). *masyāriq anwār al- 'uqūl*, c.2. Ruwi: maktabah al-Istiqāmah, h.58

pujiannya, tidak diragui kemuliaannya. Walaupun dikaji secara mendalam oleh sesiapa pun, tidak mungkin manusia itu dapat memahami dan membentuk *dhat* ketuhanan dengan apa yang dinyatakan Allah tentang diriNya dalam al-Quran.

Manusia, semenjak awal kejadian sehinggalah pengakhiran riwayatnya, andai mereka melupakan Allah S.W.T. dan bertindak kufur, semua perbuatan mereka tidak menjejas kemuliaanNya dan tidak terusik kekuasaanNya walau sebesar zarah. Beriman kepada Allah S.W.T adalah merupakan asas kepada perjalanan syari'at Islam, juga merupakan intipati ajaran al-Qurān dan juga tujuan utama manusia ini dicipta oleh Allah S.W.T. Bermula daripada asas inilah berdirinya berbagai-bagai perkara furu' yang menjadi perbincangan dan pencarian manusia keseluruhannya. Begitu juga dengan prinsip-prinsip kehidupan, semuanya bermula daripada persoalan keimanan manusia kepada Allah S.W.T.

Bagi tujuan membenarkan akidah inilah, Allah S.W.T. mengutuskan para *nabidan rasul* dan diperturunkan bersama mereka pertunjuk yang berupa kitab-kitab suci. Para *nabidan rasul* telah berusaha bersungguh-sungguh bersama pengikut mereka dalam menyebarkan risalah tauhid. Persoalan akidah amat banyak diperbincangkan dalam al-Qurān sebagai satu penegasan terhadap kepentingannya, bahkan terdapat ayat-ayat yang menyanggah sesiapa yang menidakkan persoalan ini dengan dijanjikan balasan yang amat dasyat. Firman Allah S.W.T.;

ذٰلِكُمْ اَللّٰهُ رَبُّكُمْ ۚ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ ۚ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ ۚ فَاعْبُدُوْهُ ۚ وَهُوَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ

وَكَيْلٌ ﴿١٢﴾

(yang memiliki sifat-sifat yang) demikian itu ialah Allah Tuhan kamu; tidak ada Tuhan selain Dia; Pencipta segala sesuatu, Maka sembahlah Dia; dan dia adalah pemelihara segala sesuatu.

(Surah *al-An'ām* ayat 102)

Sesungguhnya persoalan ketuhanan telah tertanam dalam jiwa manusia semenjak awal kejadian mereka, sebagaimana firman Allah;

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ
ذَٰلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang Telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui

(Surah *al-Rūm* ayat 30)

Fitrah Allah dalam ayat ini bermaksud, ciptaan Allah. Manusia diciptakan oleh Allah mempunyai naluri beragama, iaitu agama tauhid. Sekiranya ada manusia yang tidak beragama tauhid, itu hanyalah disebabkan pengaruh persekitaran yang didiami dan pengaruh didikan yang diterima daripada kedua ibu-bapa mereka. Pengaruh ini akhirnya menyebabkan persoalan tauhid ini makin terkubur di hati mereka. Persoalan ini bukan merupakan fokus utama penulis, cuma persoalan ini tidak mungkin dapat kita ketepikan apabila membicarakan persoalan ketuhanan. Begitu juga sebagai sebuah mazhab akidah, *al-Ibādīyyah* memiliki definisi dan

prinsip-prinsip mereka tersendiri tentang hakikat ketuhanan. Sebelum kita membicarakan secara lebih mendalam persoalan ketuhanan menurut pemikiran *al-Ibāḍiyyah*, adalah lebih baik sekiranya kita meneliti beberapa persoalan utama yang menjadi pegangan mazhab ini.

Prinsip akidah *al-Ibāḍiyyah* pada dasarnya adalah sama dengan prinsip akidah seperti yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Hadith . Penganut mazhab *al-Ibāḍiyyah* hanya berpegang kepada dalil-dalil yang bersifat qat'ie sahaja. Mereka meletakkan al-Qurān sebagai sumber rujukan yang pertama dalam penetapan akidah dan hanya memilih hadith-hadith yang bersifat *al-mutawātir* sahaja. Walau bagaimanapun mereka tidak menolak semua hadith yang berstatus *al-aḥād*, bahkan mereka menerima hadith tersebut daripada sudut pengamalan, tidak dalam pegangan akidah. Kerana akidah memerlukan perkara yang mendatangkan keyakinan, yakin tidak boleh didapati daripada hadith yang berstatus *al-aḥād* disebabkan terdapat banyak komplikasi dalam periwayatan hadith tersebut, sama ada daripada sudut perawinya atau lafaz hadith itu sendiri. Sedangkan hadith *al-mutawātir* lebih jelas tidak mengandungi sebarang permasalahan yang kompleks.

Keseluruhan prinsip-prinsip akidah *al-Ibāḍiyyah* adalah berpaksikan kepada kalimah syahadah. Namun begitu kalimah syahadah yang diucapkan oleh penganut mazhab ini adalah sedikit berbeza daripada kalimah syahadah yang sudah lama dimaklumi oleh masyarakat Islam. Perbezaan ini adalah daripada segi zahir

pengucapan sahaja. Jika dikaji secara teliti, maksud dan tuntutananya adalah sama dari sudut mafhum. Ucapan syahadah ini ialah;¹⁰⁹

أشهد ان لا اله الا الله

وأشهد ان محمد رسول الله

وأشهد ان ما جاء به حق من عند الله

Sesungguhnya seorang insan itu apabila telah mengucapkan syahadah ini, maka dia dihukum sebagai seorang mu'min dan muslim lalu dia terikat dengan segala peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Melainkan apabila dia telah melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan perihal agama yang telah ditetapkan keatasnya.

3.1 Definisi Akidah.

Perkataan akidah daripada segi bahasa diambil daripada perkataan Arab, iaitu '*aqada* yang bermaksud simpulan, seperti dikatakan disimpul tali. Perkataan ini lama kelamaan digunakan dengan meluas dalam bidang perniagaan dan sebagainya.¹¹⁰ Daripada sudut ini perkataan '*aqada* mula digunakan bagi menunjukkan makna yang lebih luas daripada simpulan. Perkataan ikatan boleh diterima sebagai salah satu

¹⁰⁹ 'Umar bin al-Ḥāj Muḥammad Ṣāleḥ Ba (1993) *Dirasāt fī al-Fikr al-Ibāḍī* c. 2. Ruwi, Maktabah al-Istiḳāmah. h.88

¹¹⁰ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, j. 3 Qaḥerah, Darul Hadith h. 296.

maksud perkataan *'aqada*. Perkataan ini juga boleh diterima penggunaannya terhadap sesuatu yang sifatnya fizikal atau spiritual seperti hati dan perasaan.¹¹¹

Perkataan akidah dari sudut istilah *'ilm al-kalām* ialah:

- i. Kejituan hati dan iktikad yang putus yang tidak ada sebarang keraguan terhadap perkara-perkara keyakinan seperti *al-Ilahiyyah*, *al-Nubuwwah*, *al-Sam'iyah* dan sebagainya daripada perkara-perkara yang wajib beriman dengannya.¹¹²
- ii. Himpunan perkara-perkara asas tentang keimanan yang di utuskan melalui para *rasul* daripada Allah S.W.T. pada bila-bila masa dan di mana sahaja.¹¹³
- iii. Himpunan perkara-perkara yang di fahami dengan akal dan hati,diterima oleh manusia akan tetap wujud dan berlakunya.¹¹⁴

Daripada tiga definisi yang telah dikemukakan maksud akidah ialah, himpunan daripada pengetahuan perhadapan persoalan-persoalan usul yang boleh dibuktikan wujudnya melalui akal, fitrah dan wahyu. Beriktikad seorang muslim dengan hatinya sebagai satu iktikad putus dan tetap.¹¹⁵

¹¹¹ Muslim bin Sālim bin 'Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-'Aqdī 'ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah). h 160

¹¹² *Ibid* h. 160

¹¹³ Al-Kindī dan 'Āsyūr (1998), *Akidah 1* c. 1. j.1. Masqat: Kementerian hal Ehwal Ugama dan Wakaf, h.11

¹¹⁴ *Ibid* h. 160

¹¹⁵ Muslim bin Sālim bin 'Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-'Aqdī 'ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h 160

3.1.1 Kepentingan akidah

Allah S.W.T sewaktu menciptakan makhluknya di alam ini, Dia juga telah memilih manusia dalam kalangan makhlukNya untuk menguruskan alam ini. Sebagaimana firmanNya:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat:

"Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui."

(Surah al-Baqarah ayat 39)

Allah S.W.T. juga telah menciptakan akal kepada manusia. Dengan akal inilah manusia itu terbebas daripada persamaanya dengan haiwan-haiwan yang lain. Sekiranya akal itu mampu menjinakkan nafsu dan sebagainya daripada tuntutan duniawi maka pemiliknya sudah memiliki kemuliaan yang tinggi dan amat dekat dengan tuhanNya. Namun begitu sekiranya akal gagal menguasai nafsu serta menurut segala kemahuannya, jadilah manusia itu lebih rendah kedudukannya daripada haiwan ternak. Firman Allah;

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ ۗ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ
بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا
أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٧٩﴾

Dan Sesungguhnya kami jadikan untuk (isi neraka Jahannam) kebanyakan daripada jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. mereka Itulah orang-orang yang lalai.

(Surah al-A 'arāf ayat 179)

Melalui kemampuan akal manusia dapat mencapai kebaikan dan ketenangan. Namun begitu walau sehebat mana pun kemampuan akal, ianya pasti terbatas untuk menembusi persoalan-persoalan metafizik. Maka manusia memerlukan kekuatan yang lebih hebat daripada akal bagi mencapai tujuan yang lebih tinggi. Kekuatan ini dinamakan sebagai wahyu Allah. Wahyu yang diutuskan melalui para *rasul*, dengannya terhasil satu akidah yang betul dan benar yang memungkinkan manusia mengenali dunia dan mengetahui kewujudan di sebalik kehidupan yang sedia ada. Secara amnya akidah yang benar amat penting kepada manusia, kerana akidah ini akan melahirkan perbuatan dan tingkah laku manusia. Akidah yang betul dan benar

akan menghasilkan perbuatan yang baik dan benar. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah S.W.T.

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ

Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah Telah membuat perumpamaan kalimat yang baik¹¹⁶ seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya (menjulang) ke langit,

3.2 Mafhum al-Jumlah. (Kalimah Syahadah)

Akidah *al-Ibādiyyah* adalah merupakan akidah yang benar sebagaimana yang terdapat dalam al-Qurān , menepati kehendak al- Sunnah daripada Nabi Muhammad s.a.w. Akidah mereka bersandarkan kepada nas-nas yang bersifat *qaṭ'ie*. Oleh itu mereka hanya menerima sumber daripada al-Quran dan *al-Hadith al-mutawātir* sahaja. *Al-Hadith al-aḥād* hanya diterima untuk beramal sahaja, tidak diguna pakai dalam persoalan akidah. Ini adalah disebabkan akidah adalah merupakan asas utama dalam menghayati agama serta menuntut bukti-bukti yang bersifat yakin, sedangkan *hadith aḥād* sendiri merupakan hadith yang banyak mengandungi permasalahan. Samada permasalahan tersebut timbul daripada sudut periwayatan,

¹¹⁶ Termasuk dalam Kalimah yang baik ialah kalimat tauhid, segala ucapan yang menyeru kepada kebajikan dan mencegah daripada kemungkaran serta perbuatan yang baik. kalimat tauhid seperti Lā ilāha illa allah

perkataan dan sebagainya. Berbeza dengan *hadith mutawātir*.¹¹⁷ Secara asasnya akidah *al-Ibadiyyah* bermula daripada ucapan kalimah syahadah¹¹⁸.

- i. *Penyaksian bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah.*
- ii. *Penyaksian bahawa Muhammad itu Rasulullah.*
- iii. *Penyaksian bahawa segala apa yang dibawa dengannya adalah benar daripada Allah.*

i. شهادة ان لا اله الا الله

ii. شهادة ان محمدا رسول الله

iii. شهادة ان ما جا به حق من عند الله

Rangkuman tiga kalimah ini diistilahkan oleh ulama' *al-Ibadiyyah* dengan nama *al-Jumlah*. Adapun baki daripada akidah Islam yang lain dianggap sebagai tafsiran kepada *al-Jumlah*. Syeikh Aḥmad bin Ḥamd al-Khalīlī, telah mendatangkan matan-matan yang jelas tentang perkataan *al-jumlah*.

واول الفرض من تأصيله جمل ثلاثة فزت إن تستحضر الجملا

Mafhumnya, Sesungguhnya perkara pertama yang difardhukan oleh Allah S.W.T. keatas hambanya adalah jumlah yang tiga. Perkara inilah yang dikenali sebagai *al-Jumlah*. *Al-Jumlah* ini bukanlah sama dengan istilah ilmu Nahu, tetapi ianya merupakan istilah khusus, ianya merangkumi beberapa makna yang

¹¹⁷ 'Umar bin al-Ḥāj Muḥammad Ṣāleh Ba (1993) *Dirasāt fī al-Fikr al-Ibādī* c. 2 Ruwi: Maktabah al-Istiqāmah. h.88

¹¹⁸ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, 'Asyūr bin Yusuf Kaskas(1998), *al-Aqīdah 1*, Zanzibar: Istiqamah Muslim community of Tanzania. h 75.

memperjelaskan tafsirannya. Semuanya merujuk kepada perkara yang wajib diimani dan dibangunkan hujjah padanya.¹¹⁹

Istilah *al-jumlah* adalah merupakan istilah yang khusus bagi mazhab *al-Ibādiyyah*. Mazhab-mazhab Islam yang lain tidak memahaminya, oleh sebab itu apabila istilah ini diperkenalkan kepada umum, terdapat satu kejanggalan pada permulaan mendengarnya. Begitu juga apabila dikatakan Kalimah Syahadah bagi *al-Ibādiyyah* ada tiga. Namun begitu setelah diperjelaskan, barulah ada ruang untuk kita cuba memahami dan menerimanya. Perkara ini dinamakan dengan *al-Jumlah* adalah kerana kandungannya yang merangkumi beberapa perkara utama. Sekiranya dipecahkan ianya akan menjadi pentafsiran. Dengan sebab itu ianya dipanggil dengan lafaz *al-Jumlah* penerangan kepada maksud *al-Jumlah* dinamakan sebagai *tafsir al-Jumlah*.

3.2.1 Tafsir *al-Jumlah*.

Tafsir *al-Jumlah* telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:¹²⁰

i. Tafsir *al-Imāni*.

Tafsir *al-Imāni* terhadap *al-jumlah* adalah merupakan pengakuan hati yang sebenar-benarnya terhadap apa yang diucapkan tanpa sebarang

¹¹⁹ Aḥmad bin Ḥamd bin sulaimān al-Khalīlī(2004), *Syarh Ghayāt al-Murād fi Naẓm al- 'Itiqād*, c.1 Ruwi: Maktabah Jīl al-Wa'īd. h.18..Lihat juga Nūr al-Dīn Abi Muḥammad Abd-Allah bin Hamid al-Sālimī,(t.t) *Masyāriq Anwār li al- 'Uqūl* Ruwi: Maktabah al- Istiqāmah, h.183.

¹²⁰ Aḥmad bin Ḥamd al-Khalīlī(1993), *al-Jumlah wa Tafsirātuha*, Ruwi: Maktabah al-Istiqāmah, h.3. Lihat juga 'Umar bin al-Ḥāj Muḥammad Ṣāleh Ba (1993) *Dirasāt fī al-Fikr al-Ibādī* c. 2. Ruwi: Maktabah al- Istiqāmah. h.88

keraguan terhadap apa yang telah didatangkan dan diserukan oleh *Nabis*.a.w. daripada Allah S.W.T., perkara ini merangkumi;

- a. Beriman dengan apa yang disampaikan oleh *Nabi* tentang *Ḍāt* Allah, *Asma'* Allah, *Ṣifāt* Allah dan *Af'āl* Allah.
- b. Beriman dengan Kenabian *Nabi* Muhammad s.a.w.
- c. Beriman dengan kesahihan semua perkara yang disampaikan oleh *Nabi* Muhammad s.a.w, antaranya persoalan hukum, peristiwa dalam al-Qurān dan Hadith *Nabis*.a.w sebagai wahyu daripada Allah S.W.T.

Islam terbentuk dengan jumlah ini. Daripada persoalan ini jugalah timbulnya semua syari'at dan peraturan. Maka perkara utama yang harus dilakukan oleh seseorang manusia terhadap perkara ini adalah menerimanya dengan penuh yakin. Keyakinan ini akan memberi ketenangan kepada jiwa, akal tidak sekali-kali akan memikirkan lain daripada persoalan ketuhanan. Keyakinan seperti ini diistilahkan sebagai *taṣdiq bi al-jumlah*¹²¹ Iman kepada Allah S.W.T. adalah merupakan bahagian pertama *al-Jumlah* dan paling utama. Allah jualah tuhan yang mengutus *Nabi* Muhammad s.a.w. dengan *Risalah al-Islamiyyah*. Maka para *rasul* itu adalah benar pada segala apa yang diajarkannya daripada Tuhannya.

¹²¹ Ahmad bin Sulaimān al-Kindī, 'Asyūr bin Yusuf Kaskas(1998), *al-'Aqīdah 1*, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h 77.

ii. Tafsir *al-'Amali*.

Keyakinan terhadap *al-Jumlah* dengan hati serta pengakuan dengan lisan menuntut kepada perlakuan yang membuktikan pengakuan tersebut. Kerana amal soleh adalah merupakan gambaran sebenar terhadap iktikad yang sejahtera. Maka tafsir amali bagi *al-Jumlah* adalah beriltizam dengan segala apa yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. dan meninggalkan segala apa yang ditegah daripada dilakukan.¹²² Maka kalimah لا اله الا الله adalah satu penetapan pengabdian hanyalah untuk Allah s.w.t semata-mata. Tiada tuhan sebenar yang berhak disembah melainkan Allah. Pengabdian diri kepada tuhan adalah merupakan tujuan utama makhluk di jadikan. Firman Allah S.W.T.;

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

*Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia
melainkan supaya mereka mengabdikan kepada Ku*

(Surah *al-Dhāriyāt* ayat 56)

Ibadah dalam ayat ini daripada sudut bahasa bermaksud tunduk, merasakan kehinaan, penyerahan diri dan kecintaan kepada Allah S.W.T..¹²³ Terdapat beberapa pernyataan ibadah dalam al-Quran yang membawa makna lebih luas dan mendalam daripada yang telah diperjelaskan, antaranya:

¹²² *Ibid* h. 78

¹²³ *Ibid* h.78

i. Ibadah bermaksud 'ubudiyyah.¹²⁴

Firman Allah :

ثُمَّ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ وَأَخَاهُ هَارُونَ بِآيَاتِنَا وَسُلْطٰنٍ مُّبِينٍ ﴿٤٥﴾ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِ ۗ
فَاسْتَكْبَرُوا وَكَانُوا قَوْمًا عَالِينَ ﴿٤٦﴾ فَقَالُوا أَنْتُمْ لِبَشَرَيْنِ مِثْلِنَا وَقَوْمُهُمَا لَنَا عٰبِدُونَ

Kemudian kami utus Musa dan saudaranya Harun dengan membawa tanda-tanda (kebesaran) kami, dan bukti yang nyata. Kepada Fir'aun dan pembesar-pembesar kaumnya, Maka mereka Ini takbur dan mereka adalah orang-orang yang sombong..Dan mereka berkata: "Apakah (patut) kita percaya kepada dua orang manusia seperti kita (juga), padahal kaum mereka (Bani Israil) adalah orang-orang yang menghambakan diri kepada kita?"

(Surah al-Mu'minūn ayat 46- 47)

Perkataan menghambakan diri pada ayat yang ke 47 bermaksud menjadi hamba kepada mereka.

ii. Ibadah bermaksud ketaatan.¹²⁵

Firman Allah S.W.T:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا
إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا ۗ لَّا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۚ سُبْحٰنَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿١٦٦﴾

¹²⁴ Ibid h.78

¹²⁵ Ibid h.79

Mereka menjadikan orang-orang alimnya dan rahib-rahib mereka sebagai Tuhan selain Allah. dan (juga mereka mempertuhankan) Al Masih putera Maryam, padahal mereka Hanya disuruh menyembah Tuhan yang Esa, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia. Maha Suci Allah daripada apa yang mereka persekutukan.

(Surah *al-Taubah* ayat 31)

Sesungguhnya masyarakat Nasrani itu lebih mentaati paderi-paderi mereka daripada Allah S.W.T.. Apabila berita ini disampaikan kepada *Rasulullah* s.a.w, mereka berkata sesungguhnya kami tidak menyembah (mentaati) para paderi kami. *Rasul* s.a.w. berkata; “bukankah kamu menghalalkan apa yang mereka (para paderi) halalkan dan mengharamkan apa yang mereka (para paderi) haramkan ?”. Maka setiap ketaatan yang lain daripada Allah adalah *taghut* . Lalu dibacakan kepada mereka firman Allah S.W.T.

وَالَّذِينَ اجْتَنَبُوا الطَّاغُوتَ أَنْ يَعْبُدُوهَا وَأَنَابُوا إِلَى اللَّهِ لَهُمُ الْبُشْرَىٰ فَبَشِّرْ عِبَادِ

Dan orang-orang yang menjauhi thaghut (yaitu) tidak menyembah-nya dan kembali kepada Allah, bagi mereka berita gembira; sebab itu sampaikanlah berita itu kepada hamba-hamba-Ku,

(Surah *al-Zumar* ayat 17)

iii. Ibadah bermaksud kepimpinan.¹²⁶

Firman Allah S.W.T.:

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَقُولُ أَأَنْتُمْ أَضَلَلْتُمْ عِبَادِي هَؤُلَاءِ أَمْ
هُمْ ضَلُّوا السَّبِيلَ ﴿١٧﴾ قَالُوا سُبْحَانَكَ مَا كَانَ يَنْبَغِي لَنَا أَنْ نَتَّخِذَ مِنْ دُونِكَ مِنْ
أَوْلِيَاءَ وَلَكِنْ مَتَّعْتَهُمْ وَعَاءِ آبَاءَهُمْ حَتَّى نَسُوا الذِّكْرَ وَكَانُوا قَوْمًا بُورًا ﴿١٨﴾

Dan (Ingatlah) suatu hari (ketika) Allah menghimpunkan mereka beserta apa yang mereka sembah selain Allah, lalu Allah Berkata (kepada yang disembah); "Apakah kamu yang menyesatkan hamba-hamba-Ku itu, atau mereka sendirilah yang sesat daripada jalan (yang benar)?". Mereka (yang disembah itu) menjawab: "Maha Suci Engkau, tidaklah patut bagi kami mengambil selain Engkau (untuk jadi) pelindung, akan tetapi Engkau Telah memberi mereka dan bapak-bapak mereka kenikmatan hidup, sampai mereka lupa mengingati (Engkau); dan mereka adalah kaum yang binasa".

(Surah *al-Furqān* ayat 17-18)

Dari segi istilahnya pula ibadah bermaksud, nama terhadap semua perkara yang disukai dan diredhai oleh Allah S.W.T. dari sudut perbuatan, perkataan dan amalan yang zahir atau batin.¹²⁷ Maka tafsiran daripada jumlah لا اله الا الله adalah penafian setiap tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan pengakuan bahawa Allah itu tuhan yang satu, tiada sekutu bagiNya.

¹²⁶ *Ibid* h.79

¹²⁷ *Ibid* h.79

Perbuatan dan tingkahlaku manusia juga menurut mereka terbahagi kepada dua jenis iaitu:¹²⁸

i. Tingkahlaku *idtirāriyyah*. (di luar kawalan).

Iaitu sejenis perlakuan yang berlaku terhadap manusia tanpa kehendak mereka. Manusia juga tidak mampu mengawal perlakuan ini. Tingkah laku ini berlaku hanya dengan kehendak Allah S.W.T. semata mata. Seperti degupan jantung, proses pernafasan dan proses penghadaman. Semua ini adalah merupakan tingkahlaku pengabdian seorang manusia samada Mu'min atau kafir terhadap Allah.

ii. Tingkahlaku *ikhtiyariyyah* (dalam kawalan).

Iaitu sejenis perlakuan yang berlaku atas kehendak dan keinginan manusia itu sendiri berdasarkan dorongan-dorongan tertentu. Maka manusia itu dituntut melakukan ibadah dan dibalas setiap perbuatan dan amalannya berdasarkan tingkahlaku ini.

Secara umumnya konsep *al-Jumlah* menurut pemikiran *al-Ibādiyyah*, adalah merupakan asas kepada semua perkara, malah konsep *al-Jumlah* juga boleh dianggap sebagai persoalan tauhid. Ini adalah disebabkan isi kandungan *al-Jumlah* itu sendiri menepati kalimah tauhid bahkan boleh juga disamakan *al-Jumlah* dengan gelaran kalimah *al-Ikhlāṣ* disisi *ahl al-Sunnah*, kerana ianya juga merupakan peranan hati. Begitu juga sekiranya disamakan *al-Jumlah* dengan kalimah *al-taqwa* sebagaimana firman Allah S.W.T.;

¹²⁸ *Ibid* h.80

إِذْ جَعَلَ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْحَمِيَّةَ الْحَمِيَّةَ الْجَاهِلِيَّةَ فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَلْزَمَهُمْ كَلِمَةَ التَّقْوَى وَكَانُوا أَحَقَّ بِهَا وَأَهْلَهَا^ع
وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٢٦﴾

Ketika orang-orang kafir menanamkan dalam hati mereka kesombongan Jahiliyah lalu Allah menurunkan ketenangan kepada Rasul-Nya, dan kepada orang-orang Mu'min dan Allah mewajibkan kepada mereka kalimat-takwa dan adalah mereka berhak dengan kalimat takwa itu dan patut memilikinya. dan adalah Allah Maha mengetahui segala sesuatu.

(Surah *al-Fath* ayat 26)

3.3 Al-Imān.

Kalimah *al-Imān* difahami daripada segi bahasa adalah *al-Taṣḍiq*¹²⁹ yang bermaksud percaya, sebagaimana firman Allah S.W.T.;

قَالُوا يَا بَنِي آدَمَ إِنَّا ذَهَبْنَا نَسْتَبِقُ وَتَرَكْنَا يُوسُفَ عِنْدَ مَتْعِنَا فَاكَلَهُ الذِّئْبُ وَمَا أَنْتَ بِمُؤْمِنٍ لَّنَا وَلَوْ كُنَّا صَادِقِينَ ﴿١٢٤﴾

¹²⁹ Ismail bin Ḥamd al-Jauhāri, (1996) *Mukhtār al-Ṣaḥḥah*.j.1, Beirut: Dār al-‘Ilm li al-malayīn. h. 11

Mereka berkata: "Wahai ayah kami, Sesungguhnya kami pergi berlomba-lomba dan kami tinggalkan Yusuf di dekat barang-barang kami, lalu dia dimakan serigala; dan kamu sekali-kali tidak akan percaya kepada kami, sekalipun kami adalah orang-orang yang benar

(Surah *Yūsuf* ayat 17)

Al-Ibādīyyah berpendapat, *al-Imān* ialah keyakinan yang ada di hati disertai dengan pengakuan dan dibuktikan dengan perbuatan¹³⁰ Maka dengan pentakrifan ini kita akan dapati kadang-kadang maksud *al-Imān* menjurus kepada makna keyakinan sebagaimana yang dapat kita fahami dalam hadith Jibril a.s.¹³¹ . Namun begitu terdapat juga maksud *al-Imān* menjurus kepada makna perbuatan, sebagaimana yang firman Allah S.W.T. ;

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ
اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾

1. *Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman, 2. (yaitu) orang-orang yang khusyu' dalam sembahyangnya, 3. Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna, 4. Dan orang-orang yang menunaikan zakat,*

(Surah *al-Mu'minūn* ayat 1-4)

¹³⁰ Muslim bin Sālim bin 'Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-'Aqdī 'ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī* . (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).. h 167

¹³¹ Hadith Jibril a.s. adalah sebuah hadith yang Masyhur dikalangan ulama'. Hadith ini menceritakan satu peristiwa dimana *Nabis.a.w.* telah didatangi oleh malaikat Jibril a.s. lalu bertanya kepada Baginda s.a.w tentang Iman, maka jawab *Nabis.a.w* "iman ialah keyakinan kepada Allah, malaikat dan lainnya daripada rukun iman

Maka dengan dua maksud yang diperuntukkan di sini jelaslah kepada kita bahawa maksud iman daripada sudut istilah syara' mengandungi dua penggunaan¹³²;

- i. *Al-Imān* membawa maksud *al-taşdiq* iaitu mempercayai dan meyakini setiap rukun-rukunnya seperti mana yang terdapat dalam hadith Jibril a.s. iaitu beriman dengan Allah s.w.t, para malaikatNya, semua kitabNya, para *rasul*nya, hari akhirat dan qada' dan qadarNya.
- ii. *Al-Imān* membawa maksud *al-istiqāmah* pada akidah dan amalan, maksudnya iman adalah akidah yang betul beserta amalan yang baik dan ucapan yang benar.

Dengan pembahagian ini hilanglah sebarang keraguan yang kadang-kadang terdapat pada manusia. Sesungguhnya terdapat banyak ayat-ayat al-Qurān yang menyentuh perihal seorang Mukmin dengan merangkumkan akidah yang betul dan amalan yang baik. Demikian juga terdapat dalam kalangan ulama' salaf yang mengatakan bahawa iman bukan semata-mata persoalan iktikad, bahkan ianya merangkumi perkataan yang benar dan amalan yang baik.¹³³

¹³² Ahmad bin Hamd al-Khalīlī(1992).*Jauhar al-Imān*, c.1. Ruwi: maktabah al-Istiqāmah. h.45.

¹³³ Ahmad bin Hamd al Khalīlī, (1986) *Jawāhir al-Tafsīr Anwār min bayān al-tanzīl*, c.1 j.2. Ruwi: Maktabah al-Istiqaamah h. 130

3.3.1 Hubungan Iman dan Amal

Berdasarkan kepada maksud *al-Imān* yang telah dibincangkan, jelaslah bahawa mazhab *al-Ibāḍhiyyah* berpegang kepada amal adalah sebahagian daripada iman. Pendirian ini disokong dengan beberapa ayat al-Qurān, antaranya firman Allah S.W.T;

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِآيَاتِنَا الَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا بِهَا خَرُّوا سُجَّدًا وَسَبَّحُوا بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٥٠﴾

Sesungguhnya orang yang benar benar percaya kepada ayat ayat kami adalah mereka yang apabila diperingatkan dengan ayat ayat itu mereka segera bersujud seraya bertasbih dan memuji Rabbnya, dan lagi pula mereka tidaklah sombong.

(surah *al-Sajadah* ayat 28)

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿٥٠﴾

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu hanyalah orang-orang yang percaya (beriman) kepada Allah dan Rasul-Nya, Kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjuang (berjihad) dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah. mereka Itulah orang-orang yang benar.

Berdasarkan kepada ayat-ayat al-Qurān yang menyentuh tentang persoalan ini, jelas sesungguhnya amal merupakan sebahagian daripada iman bahkan amal dikira sebagai syarat sahnya iman kepada Allah s.w.t¹³⁴

3.4 Al-Islam

Perkataan *al-Islam* dari segi bahasa berasal daripada perkataan Arab, iaitu *aslama* bermaksud patuh dan tunduk¹³⁵ Dari sudut istilah *al-Ibādīyyah*, *al-Islam* bermaksud menyerah diri berserta tunduk dan patuh sepenuhnya kepada perintah Allah S.W.T.¹³⁶

Jābir bin Zaid berkata “aku berpesan kepada mu agar bertaqwa kepada Allah dengan dengan menyerah diri kepadaNya pada semua perkara yang engkau suka dan benci, tiada bagimu melainkan takdir Allah dan kamu tiada pilihan terhadapnya, maka jadikan qada’ Allah sebagai ketentuan dan jangan sekali kali kamu menukarkannya”.¹³⁷

Imam ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Abd al-Rahmān al-Rustāmī berpendapat, *al-Islam* ialah penyaksian bahawa tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah s.w.t dan Muhammad s.a.w adalah *rasul* yang diutus oleh Allah serta mengakui segala apa yang diturunkan kepadanya adalah daripada Allah S.W.T., menyuruh kepada

¹³⁴ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).. h 171

¹³⁵ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* jil. 12 h. 293

¹³⁶ *Op. Cit.* h 180

¹³⁷ *Ibid* h. 180

kebaikan serta mencegah kemungkaran, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji bagi yang mampu dan selebihnya daripada rukun-rukun Islam.¹³⁸ Abū Ayyūb berpendapat *al-Islam* bukan sekadar nama yang dinamakan dengannya, tetapi *al-Islam* adalah sesiapa yang memelihara dan menyempurnakan suruhanNya, sentiasa berada di jalan yang lurus dan berakhlak mulia, menyampaikan kepada orang lain dengan menjauhi khianat, menunaikan amanah dan menolak segala kejahatan dalam hatinya.¹³⁹

Kesimpulan daripada maksud *al-Islam* yang dinyatakan oleh *al-Ibāḍiyyah*, dapat difahami bahawa *al-Islam* bermaksud nama bagi maksud keseluruhan agama yang diredhai oleh Allah S.W.T., diturunkan kepada *Nabi* Muhammad s.a.w dan pengikutnya, dengan tunduk dan patuh serta menyerah diri secara mutlak kepada semua perintahNya dan menjauhi laranganNya, sama ada perintah dan larangan tersebut berupa iktikad di hati atau amal perbuatan

3.4.1 Perbezaan antara *al-Iman* dan *al-Islam*

al-Ibāḍiyyah berpendapat sesungguhnya *al-Iman* dan *al-Islam* ialah dua perkara yang melazimi satu sama lain. Perbezaan antara keduanya hanyalah daripada sudut kefahaman bahasa sahaja, adapun tuntutan syari'atnya adalah sama. Imam al-Sālimī menjelaskan persoalan tersebut dengan menyatakan “ Ketahuilah sesungguhnya *al-Iman* dan *al-Islam* di sisi syara' digunakan bukan untuk tujuan

¹³⁸ *Ibid* h.180.

¹³⁹ *Ibid* h.180.

bahasa, oleh itu syara‘ menyebut keduanya dengan bunyi yang berbeza, namun tuntutan beramal dengan keduanya adalah adalah sama. Dengan itu maka wajib diyakini dengan hati dan menyatakanya denga lisan. Oleh itu sesiapa yang menunaikan semua perkara yang diwajibkan keatasnya, dia adalah seorang mu‘min dan muslim pada kami”¹⁴⁰

3.4.2 Al-Muslim

Al-Muslim pula bermaksud individu yang memiliki semua sifat-sifat berikut;¹⁴¹

- i. Mengakui dan meyakini semua perkara yang wajib diyakini, seperti beriman kepada Allah, para Malaikat, kitab kitab yang diturunkan, para *Rasul*, Hari Akhirat dan segala yang dinyatakan tentang hari tersebut dan sebagainya. Dengan kata lain membenarkan segala perkara yang dalam agama.
- ii. Melafazkan semua perkara yang mesti dilafazkan, iaitu melafazkan semua perkara yang benar dan tidak mengucapkan segala perkara yang batil.
- iii. Beramal dengan anggota terhadap semua perkara yang perlu dilakukan, sama ada menunaikan segala yang diperintahkan atau meninggalkan segala perkara yang dilarang.

¹⁴⁰ Al-Sālīmi, *Masyāriq anwār al-Uqūl* j.2, h.197

¹⁴¹ Muslim bin Sālīm bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h 183

Maka daripada sifat yang dikemukakan di sini, jelas menunjukkan maksud *al-Muslim* dan *al-Mu'min* bertepatan dengan maksud *al-Iman* dan *al-Islam* menurut *al-Ibādiyyah*

3.5 Al-Taqwa

Kalimah *al-taqwa* berasal daripada perkataan Arab, *waqa* dan *wiqāyah*, iaitu lafaz yang menunjukkan makna menjauhi.¹⁴² Daripada sudut istilah *al-Ibādiyyah*, *al-taqwa* bermaksud, seseorang individu yang memelihara dirinya terhadap semua perkara yang mendatangkan balasan, sama ada melakukan atau meninggalkan.¹⁴³ Ianya terbahagi kepada dua martabat,¹⁴⁴

- i. *al-Taqwa* daripada melakukan Syirik.
- ii. *al-Taqwa* daripada melakukan dosa-dosa besar dan berterusan melakukan dosa-dosa kecil.

Sesungguhnya manusia di tuntutan supaya sentiasa bertaqwa dalam kehidupan mereka seawal mula perjalanan hidup mereka sehinggalah keakhirnya. Kehidupan dunia yang dipenuhi onak dan duri serta ranjau cabaran dan godaan menuntut manusia berhati-hati dan sentiasa berwaspada pada setiap gerak geri mereka. Maka ketaqwaan merupakan satu-satunya jalan penyelamat dan pendorong manusia untuk terus melakukan kebajikan sebagai bekalan di hari akhirat.


¹⁴² Ibn Manzūr, *Lisān al-arab* j.15. h. 401.

¹⁴³ Aḥmad bin Ḥamd al-Khalīlī, (1986) *Jawāhir al-Tafsīr Anwār min bayaan al -tanzīl*, c.1 j.2 Ruwi: Maktabah al- Istiqāmah. h. 112

¹⁴⁴ *Ibid* 112.

3.6 Al-kufr.

Perkataan *al-Kufr*, berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud penutupan dan penyembunyian.¹⁴⁵ Berdasarkan firman Allah dalam surah Āli ‘Imrān *al-Kufr*, membawa maksud halangan;

 وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ

Dan apa saja kebajikan yang mereka kerjakan, Maka sekali-kali mereka tidak dihalangi (menenerima pahala) nya; dan Allah Maha mengetahui orang-orang yang bertakwa.

(Surah Ali ‘Imran ayat 115)

Menurut istilah *al-Ibadiyyah*, *al-Kufr* ialah semua perkara yang dipastikan mendapat balasan azab oleh Allah S.W.T.¹⁴⁶ *Al-Ibadiyyah* juga membahagikan persoalan *al-Kufr* kepada dua bahagian, iaitu;

i. *Al-Kufr al- Syirk* (Kufur berupa syirik.), di bahagikan kepada dua:

a. Penafian.

Iaitu menafikan kewujudan Allah sebagai pencipta atau menafikan keesaanNya. Begitu juga menafikan sifat-sifat Allah S.W.T. dan mengingkari *kamalat*Nya. Begitu juga dengan *Af‘al*Nya yang telah dijelaskan wujudnya dengan bukti yang nyata

¹⁴⁵ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, jil. 5 h. 417

¹⁴⁶ Farḥāt dan ‘Asyūr, (1998) *al-aqīdah*, j.2 c.1. Masqat: Kementerian Hal Ehwal Agama dan Wakaf h.117

Dr. Farḥāt al-Ja‘bīrī (1998) *al-bu‘d al-Ḥadāri li-Aqīdah al-Ibadiyyah*. c.2, Ruwi: Maktabah al-Istiḳāmah h.508

melalui al-Quran dan al-Sunnah. Kufur jenis ini juga boleh berlaku dengan mengingkari satu ayat daripada ayat-ayat al-Quran begitu juga perbuatan menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Mengingkari kerasulan para *rasul*, kitab-kitab yang diturunkan dan sebagainya daripada perkara perkara yang menyentuh perkara asas iman.

b. Penyamaan.

Iaitu dengan mendatangkan sekutu bagi Allah S.W.T. pada *al-Dhat*, *al-Sifat* dan *al-Af'al* serta menyamakan mahluk dengan sifat-sifat ketuhanan. Jelasnya orang yang dihukum sebagai mushrik ialah mereka yang ingkar erti ketuhanan atau menyamakan Allah dengan makhluk dalam peribadatan, dengan kata lain mereka menyembah selain daripada Allah s.w.t.

ii. *al-Kufr al-N'imah* (Kufur Nikmat)

Al-Kufr al-N'imah ialah mereka yang melanggar perkara-perkara wajib yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. seperti, solat,puasa, mengeluarkan zakat dan sebagainya, atau melakukan perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah S.W.T. seperti berzina, mencuri, minum arak dan sebagainya. Tetapi tidak mengingkari kewajipan dan keharamannya. Dengan kata lain, mereka meninggalkan perkara yang wajib dalam keadaan beriman dengan kewajibannya, melakukan perkara yang haram dalam keadaan beriman dengan pengharamannya. Maka orang-orang yang melakukan dosa-dosa besar termasuk dalam kalangan *al-Kufr al-Ni'mah*.¹⁴⁷

¹⁴⁷ Ahmad bin Hamd al-Khalīlī, (1986) *Jawāhir al-Tafsīr Anwār min bayān al-tanzīl*, c.1 j.2 Ruwi: Maktabah al- Istiqamah. h. 229

3.7 Al-Tawhīd

Al-Tawhīd ialah mengesakan tuhan yang disembah dalam ibadah, membenarkan keesaanNya pada *al-Dhat*, *al-Ṣifāt* dan *al-Af'āl*. Mengakui wajib kewujudannya yang menjadikan makhluk keseluruhannya. Dialah Allah S.W.T tiada tuhan melainkan Dia. Mengatasi sifat segala makhluk ciptaannya. Dialah tuhan yang tiada permulaan dan pengakhiran Dia sesuatu tetapi tidak seperti sesuatu, kerana dia mendahului segala kejadian. Dia kekal selepas binasanya semua makhluk. Bermula Allah S.W.T. tanpa sebarang permulaan dan kekalnya Allah S.W.T. tanpa pengakhiran. Keazalian hanya milik Allah, kerana selain daripada Allah adalah makhluk. Sesungguhnya makhluk itu diadakan daripada tiada.¹⁴⁸ Berdasarkan kepada mafhum ini, tidak dinamakan *al-Tawhīd* tanpa mengesakan pencipta daripada ciptaannya samada pada *dhatnya*, perkataannya, perbuatannya, hukumannya, ibadahnya dan kesemua kesempurnaannya.

Menurut Imam Maḥbūb bin Rāḥil, *al-tawhīd* adalah, Mengesakan tuhan yang satu, tuhan tempat bergantung, tuhan yang tidak beranak dan diperanakkan, tuhan yang tiada setara dengannya, tuhan yang tiada seumpama dengannya, tuhan yang tidak dapat diumpamakan dan tiada lawan baginya.¹⁴⁹

Kata Jābir bin Zaid “ Aku berpesan agar kamu bertaqwa kepada Allah tuhan yang maha agung, yang mengetahui apa yang engkau tidak ketahui tentang dirimu,

¹⁴⁸ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaheerah).h. 223

¹⁴⁹ *Ibid* h 223

tuhan yang boleh meluahkan segala isi hati kamu dan apa yang dilihat oleh matamu serta segala apa yang kamu telah lakukan secara terang atau diam. Dan dialah tuhan yang amat dekat denganmu berbanding urat lehermu¹⁵⁰

3.7.1 Bahagian *al-Tawhid*.

Sekiranya dikaji secara mendalam persoalan ketuhanan menurut perspektif *al-Ibāḍiyyah*, seolah-olah tiada sebarang pemisahan yang jelas tentang pembahagian *al-Tawḥīd* daripada sudut *al-Tawḥīd al-Ulūhiyyah* dan *al-Tawḥīd al-Rubūbiyyah*. Sehingga pada kurun ke3 hijrah, apabila berlakunya perkembangan aliran pemikiran dengan pesat, *ʿIlm al- al-Tawḥīd* telah memiliki disiplinnya tersendiri. Setiap mazhab cuba memperkenalkan pendapat mereka dengan lebih jelas dan sempurna. *Al-Ibāḍiyyah* juga tidak terkecuali dalam membahaskan persoalan ini. Maka selepas daripada itu muncullah pengajian tauhid mengikut gaya para ulama' yang terkemuka menurut mazhab mereka sendiri. *Al-Tawhid* terus dibahagikan kepada tiga bahagian;

- i. *al-Tawḥīd al-Rububiyyāh*.
 - ii. *al-Tawḥīd al-Uluhiyyāh*.
 - iii. *al-Tawḥīd al-Asmā, wa al-Ṣifāt*.
-
- i. *Al-Tawḥīd al-Rububiyyah*, bermaksud keyakinan dan akidah seseorang manusia bahawa Allah s.w.t adalah tuhan yang menciptakan alam ini serta

¹⁵⁰ *Ibid* h 224

keseluruhan alam ini terletak dibawah pentadbiran Allah S.W.T.¹⁵¹ Firman Allah;

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ
يُغْشَى اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيثًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ ۗ أَلَا لَهُ
الْحَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang Telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, lalu dia bersemayam di atas 'Arsy. dia menutupkan malam kepada siang yang mengikutinya dengan cepat, dan (diciptakan-Nya pula) matahari, bulan dan bintang-bintang (masing-masing) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, menciptakan dan memerintah hanyalah hak Allah. Maha Suci Allah, Tuhan semesta alam.

(Surah al-A'arāf ayat 54)

- ii. *Al-Tawhīd al-Uluhiyyah* pula bermaksud, keyakinan serta 'iktiqad bahawa hanya Allah s.w.t tuhan yang berhak disembah serta menafikan segala sekutu bagiNya, segala amalan dilakukan semata mata untukNya dan segala 'ibadah selain daripada Allah adalah batil.¹⁵² Firman Allah;

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

¹⁵¹ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, 'Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-Aqidah*. J.1, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h 13.

¹⁵² *Ibid* h. 19

لَا شَرِيكَ لَهُ^ط وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam. Tiada sekutu bagiNya; dan demikian Itulah yang diperintahkan kepadaku dan Aku adalah orang yang pertama-tama menyerahkan diri (kepada Allah)".

(Surah *al-An'ām* ayat 162 – 163)

- iii. *Al-Tawḥīd al-Asma' wa al-Sifāt* pula ialah menyucikan *Dhat* Allah daripada sebarang perkara yang mengurangi kesempurnaan *Dhat* Allah S.W.T. dan menyerupai makhluk. Perkara ini adalah jelas sebagaimana yang difirmankan oleh Allah S.W.T. ;

فَاٰطَرُ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ^ع جَعَلَ لَكُمْ مِّنْ اَنْفُسِكُمْ اَزْوَاجًا وَمِنَ الْاَنْعَامِ اَزْوَاجًا^ط
يَذَرُوكُمْ فِيْهِ لَيْسَ كَمِثْلِهٖ شَيْءٌ^ط وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيْرُ ﴿١١﴾

(dia) Pencipta langit dan bumi. dia menjadikan bagi kamu daripada jenis kamu sendiri pasangan-pasangan dan daripada jenis binatang ternak pasangan- pasangan (pula), dijadikan-Nya kamu berkembang biak dengan jalan itu. tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dia-lah yang Maha mendengar dan Melihat.

(Surah *al-Syūrah* ayat 11)

Maka kaedah atau cara beriman beriman dengan *al-Asma' wa al-Sifāt* adalah berdasarkan kepada apa yang didatangkan oleh Allah melalui *Nabi Muhammad s.a.w.*¹⁵³

3.8 Kewujudan Allah S.W.T.

Sesungguhnya Islam telah menetapkan bahawa manusia yang pertama, iaitu Adam a.s. telah mengakui kewujudan Allah, tuhan yang telah menurunkan beliau ke bumi untuk diuji kehidupannya setelah melafazkan taubat kepadanya. Firman Allah S.W.T.

فَتَلَقَىٰ آدَمُ مِن رَّبِّهِ كَلِمَاتٍ فَتَابَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٣٧﴾ قُلْنَا اهْبِطُوا مِنْهَا جَمِيعًا ۖ فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّي هُدًى فَمَن تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٣٨﴾

Kemudian Adam menerima beberapa kalimat dari Tuhannya, Maka Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang. Kami berfirman: "Turunlah kamu semuanya dari surga itu! Kemudian jika datang petunjuk-Ku kepadamu, Maka barang siapa yang mengikuti petunjuk-Ku, niscaya tidak ada kekhawatiran atas mereka, dan tidak (pula) mereka bersedih hati".

(Surah *al-Baqarah* ayat 37-38)

¹⁵³ *Ibid* h. 27

Namun begitu sekiranya diperhatikan secara mendalam tentang kewujudan Allah, didapati bahawa akal manusia tidak sefahaman dalam memperincikan persoalan tersebut. Semua manusia daripada sudut sejarahnya memiliki gambaran yang khusus bagi mereka tentang kewujudan Allah S.W.T., ini termasuklah penganut agama ciptaan manusia, seperti agama Hindu, Buddha, dan sebagainya. Bahkan penganut agama samawi dan ahli kitab sendiri pun berbeza-beza pendirian dalam persoalan ini. Begitu juga dengan penganut agama Islam, terdapat perbezaan yang ketara antara ahli falsafah dan ulama' *al-kalam* dalam persoalan membuktikan kewujudan Allah S.W.T. Bagi ahli falsafah, pembuktian kewujudan Allah bertitik tolak daripada persoalan *al-syak* sehingga ditemui jawapan yang membina keyakinan akidah. Ulama' *al-kalam* pula memulai pembuktian mereka melalui kejituan akidah yang ditanam dalam hati, lalu membina dalil yang membawa keyakinan terhadap akidah tersebut.

Al-Ibādiyyah berpendapat, pembuktian kewujudan Allah lebih mudah difahami dengan kaedah akal, melalui beberapa premis, iaitu;¹⁵⁴

1. Alam ini baharu / berubah-ubah.

Baharunya alam ini kerana ia mengandungi jisim dan '*āraḍ*, hubungan jisim dan '*āraḍ* yang sentiasa berubah sebagai bukti ada yang mengubahnya.

2. Setiap yang berubah, wajib pada akal ada yang mengubahnya.

Pengubah ini walau macam mana sekalipun tidak boleh sama dengan perkara yang diubah. Sekiranya sama, akan membawa kepada pusingan yang tiada pengakhiran.

¹⁵⁴ Dr. Farḥāt al-Ja'bīrī (1987)*al-Bu'd al-Ḥaqārī li-Aqīdah al-Ibādiyyah*.c.2, Ruwi: Maktabah al-Istiqāmah. h.193

3. Maka pengubah ini mestilah bersifat sedia ada, tunggal dan tiada yang sama dengannya.

Untuk menjelaskan lagi premis yang dinyatakan ini, seharusnya kita melihat kepada beberapa contoh;

- i. Sebuah bangunan yang tersergam menunjukkan ada yang membinanya.
- ii. Sebuah buku yang ditulis, mesti ada penulis yang menulisnya.

Al-Ibāḍiyyah juga menerima pembuktian kewujudan Allah S.W.T. melalui hujjah yang terdapat dalam al-Quran dan ajaran para *rasul* yang diutuskan oleh Allah S.W.T. Kerana sebahagian daripada ulama' mereka juga berpendapat, pembuktian tentang kewujudan dan mengenal Allah tidak akan tercapai melalui kekuatan akal. Ianya hanya boleh diperolehi dengan cara belajar dan berusaha selepas menerima ajaran tentangnya.¹⁵⁵ Imam al-Jinnāwī berpendapat, mengenal Allah dan membuktikan kewujudanNya merupakan asas kepada tauhid. Asas ini bermula dengan memahami kalimah tauhid, لا اله الا الله. Berdasarkan daripada kalimah ini, mengenal dan membuktikan kewujudan dibina melalui tiga keadaan, iaitu:¹⁵⁶

i. Wajib.

Iaitu perkara yang mesti ada. Perkara tersebut ialah *UluhiyyahNya*, *RububiyahNya* dan *WahdaniyyahNya*. Setiap insan wajib beriktikad bahawa Allah s.w.t adalah tuhan yang esa yang berhak disembah yang mentadbir seluruh alam.

¹⁵⁵ *Ibid.* hal.195

¹⁵⁶ *Ibid.*h.196

ii. Harus.

Iaitu perkara yang diterima akal ada dan tiadanya. Seperti mengadakan, mentiadakan dan mengadakan semula sesuatu kejadian. Setiap insan mesti meyakini berdasarkan kepada hukum akal dan pengetahuan yang diperolehi, bahawa ada dan tiada serta mengadakan semula merupakan satu petunjuk tentang kewujudan pencipta yang wajib wujud.

iii. Mustahil.

Iaitu perkara yang mustahil ada. Seperti sekutu, pembantu dan anak. Setiap insan mesti meyakini berdasarkan akalnya, Allah S.W.T. tiada sekutu bagiNya, tiada pembantu dalam urusanNya dan tiada anak bagiNya.

Daripada kaedah yang dinyatakan ini jelaslah kepada kita bagaimanapun *al-Ibāḍiyyah* membina dalil-dalil untuk membuktikan kewujudan Allah S.W.T. Walau bagaimanapun perbincangan ini tidak terhenti sampai di sini, kerana kita sedia mengetahui bahawa akal manusia itu sentiasa berfikir mencari bukti yang lebih jelas untuk membina keyakinan yang lebih kukuh terhadap akidah yang dianuti.

3.9 Dhat Allah S.W.T.

Al-Ibāḍiyyah amat berhati-hati dalam membicarakan *Dhat* Allah S.W.T. Bagi mereka tidak mungkin persoalan *Dhat* Allah dapat dibicarakan oleh akal manusia yang lemah.¹⁵⁷ Kata Ṣūlī bin ‘Amr;

¹⁵⁷ *Ibid* h.202

وكل ما صورته ببالك فإله بخلاف ذلك

Walaupun pun begitu, masih terdapat juga beberapa pendapat mazhab *al-Ibāḍiyyah* yang membicarakan persoalan *Dhat* Allah S.W.T. Kata Nāṣir bin Sālī al-Rawāhī, “ ketahuilah setiap sesuatu perkara yang terhasil, sekiranya lafaznya menunjukkan kepada *al-mudhakkar*, maka kita menerimanya, sekiranya lafaz menunjukkan kepada *al-mu’annas* kita juga menerima *dhat*Nya”.¹⁵⁸ Dengan kenyataan ini, manusia hanya menerima apa sahaja yang ditentukan oleh Allah s.w.t tentang *dhat*Nya dalam al-Quran dan al-Hadith

Mustahil bagi kita menentukan sifat-sifat yang dinyatakan oleh Allah S.W.T tentang *dhat*Nya. Sifat yang berbeza bukanlah gambaran kepada wujudnya yang pertama, kedua, ketiga dan seterusnya hingga tiada penghujung. Maka cukuplah kita meyakini bahawa *al-Dhat* itu adalah *al-Ṣifāt*. Dengan ini ketika menjadikan *al-Dhat* itu satu nama bagi hakikat tuhan itu sendiri. Dengan kata lain *al-Dhat* ialah apa yang diterima berdasarkan apa yang diajar dan dikhabarkan tentangNya.¹⁵⁹ Firman Allah:

وَإِذْ قَالَ اللَّهُ يٰعِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ ءَأَنْتَ قُلْتَ لِلنَّاسِ اتَّخِذُونِي وَأُمِّيَ إِلَهَيْنِ مِن دُونِ اللَّهِ ۗ
قَالَ سُبْحٰنَكَ مَا يَكُونُ لِيٓ أَنۢ أَقُولَ مَا لَيْسَ لِيۢ بِحَقِّقٍ ۚ إِن كُنتُ قُلْتُهُۥ فَقَدْ عَلِمْتَهُۥ ۗ

تَعَلَّمُ مَا فِي نَفْسِي وَلَا أَعْلَمُ مَا فِي نَفْسِكَ ۚ إِنَّكَ أَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ ﴿١١٦﴾

Dan ketika Allah berfirman: "Hai Isa putera Maryam, Adakah kamu mengatakan kepada manusia: "Jadikanlah Aku dan ibuku dua orang Tuhan selain Allah?". Isa menjawab: "Maha Suci Engkau, tidaklah patut

¹⁵⁸ *Ibid* h.203.

¹⁵⁹ *Ibid* hal.203

bagiku mengatakan apa yang bukan hakku (mengatakannya). jika Aku pernah mengatakan Maka tentulah Engkau mengetahui apa yang ada pada diriku dan Aku tidak mengetahui apa yang ada pada diri Engkau. Sesungguhnya Engkau Maha mengetahui perkara yang ghaib-ghaib".

(Surah *al-Māidah* ayat 116)

Hakikat *al-Dhat* yang sebenarnya wujud ialah, *al-Dhat* yang disifatkan dengan *al-Qudrah*, *al-Irādah*, *al-'Ilm*, *al-Hayah* dan semua sifat yang bersangkutan yang dibenarkan untuk dikaitkan denganNya.¹⁶⁰

3.9.1 Pendapat *al-Asyā'irah* tentang *Dhat*

Meneliti antara pemikiran *al-Ibadiyyah* dan *al-Asyā'irah* tentang persoalan *Dhat* Allah S.W.T, tiada perbezaan yang ketara antara keduanya, Kedua-duanya amat berhati-hati ketika menyentuh persoalan ini. Terdapat berbagai pandangan dan pendapat yang telah diutarakan oleh mereka dalam persoalan ini, dimana *al-Asyā'irah* berpandangan bahawa *al-Dhat* itu wujud secara '*ain al-maujud*. *Al-Wujud* itu adalah *Dhat*. Kerana tidak disebutkan wujud melainkan pada *al-Dhat*.¹⁶¹ Namun begitu mereka lebih cenderung untuk tidak membincangkan persoalan ini. Pada pendapat mereka akal manusia sangat lemah dan tidak mungkin berupaya untuk mengetahui hakikat *Dhat* Allah S.W.T.¹⁶²

¹⁶⁰ *Ibid* hal.204.

¹⁶¹ Abd al-Ghani dan Umar Yusuf,(1952) *risalah al-Tawhid*, Johor Baharu, al-Ahmadiyyah Press Sdn. Bhd h.15

¹⁶² Dr Mubarak Hasan Husin Ismail (1982) '*ilm al-Tawhid fi Daw' al-'Aqli wa al-Naqli*, Syubra: Maṭba'ah al-amānah.h.197

Al-Asyā'irah juga berpandangan bahawa *al-Dhat* dan *al-Sifat* adalah dua perkara yang berbeza. Pendapat mereka bahawa *al-Sifat* ialah perkara yang ditambah atau dihubungkan dengan *al-Dhat*. Ini bermaksud, Allah S.W.T. melihat dengan pengelihatan yang dihubungkan denganNya, mendengar dengan pendengaran yang dibangunkan padaNya begitulah seterusnya dengan baki sifat-sifat yang lain.¹⁶³ Semua sifat-sifat ini dibahagikan kepada lima bahagian iaitu ;¹⁶⁴

- i. *Al-Sifat al-Nafsiyyah.*
- ii. *Al-Sifat al-Salbiyyah.*
- iii. *Al-Sifat al- Ma'ānī.*
- iv. *Al-Sifat M'anawiyyah.*
- v. *Al-Sifat Ta'alluq.*

Secara analisisnya, pemikiran *al-Asyā'irah* tentang sifat Allah S.W.T adalah lebih tersusun, namun jika diamati secara mendalam. Konsep sifat Allah yang cuba diketengahkan oleh mereka adalah samar dan sangat kompleks untuk difahami. Lebih-lebih lagi apabila sifat-sifat ini juga ditakrifkan dengan *azali* dan *qadīm*.¹⁶⁵ Berbeza dengan *al-Ibāḍiyyah* yang menyatakan bahawa *al-Dhat* adalah *al-Ṣifat* dan *al-Ṣifat* adalah *al-Dhat*. Allah melihat dengan *Dhat*Nya, mendengar dengan *Dhat*Nya dan sebagainya dari semua sifat-sifat kesempurnaan.

¹⁶³ Dr Mubarak Ḥasan Ḥusin Ismail(1987) *a'dwa' a'lā al-fikri al-asy'ari*, c.1. Syubra: Maṭba'ah al-amānah. h.40

¹⁶⁴ Abd al-Ghani dan Umar Yusuf,(1952) *risalah al-Tawhid*, Johor Baharu, al-Ahmadiyyah Press Sdn. Bhd. h.43

¹⁶⁵ *Ibid.* h.43

3.10 Al-Asma' Allah

Ayat-ayat *al-Qurān* dan *al-Hadīth* yang banyak menyebut nama-nama Allah S.W.T. Hal ini mendorong para ulama' untuk mengkaji dan membincangkan perkara tersebut. Perbincangan ini membawa kepada satu persepakatan bahawa nama-nama Allah sebagaimana yang diungkapkan dalam *al-Qurān* dan *al-Hadīth* adalah merupakan perkara *al-ṭawqīfī*, iaitu satu perkara yang ditentukan sumbernya daripada Allah S.W.T.. Sebagaimana yang diungkapkan oleh seorang ulama' *al-Ibādīyyah* yang bernama 'Amru al-Ṭal'ātī, sesungguhnya bagi Allah S.W.T. itu *al-Asmā*, *al-Ḥusnā*. Sebagaimana firmanNya;¹⁶⁶

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۖ وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ ۚ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

Hanya milik Allah asma-ul husna, Maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyebut asma-ul husna itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang daripada kebenaran dalam (menyebut) nama-nama-Nya. nanti mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang Telah mereka kerjakan.

(Surah *al-A'araf* ayat 180)

Begitu juga dengan sabda *nabis*.aw...:¹⁶⁷

قال النبي صلى الله عليه وسلم:

"إن لله تسعة وتسعين اسما"

¹⁶⁶ Dr. Farḥāt al-Ja'bīrī (1987) *al-bu'd al-Ḥaḍārī li-Aqīdah al-Ibādīyyah*.c.2, Ruwi: Maktabah al-Istiḳāmah. h.222

¹⁶⁷ *Ibid* h.223

Nabis.aw. telah bersabda “ *sesungguhnya bagi Allah ada sembilan puluh sembilan nama*”

Abu ‘Ammār, salah seorang daripada ulama’ *al-Ibādiyyah* dalam memberi penjelasan tentang nama-nama Allah S.W.T.yang terdapat dalam al-Qurān, telah mengkatogerikan nama-nama tersebut kepada tiga kategori. Kata beliau “kami dapati nama-nama Allah yang ada dalam al-Quran ini digunakan untuk tiga maksud, semuanya telah dinamakan dan disifatkan sendiri olehNya.”¹⁶⁸

i. Maksud kebahagiaan dan pujian, firman Allah;

وَتَحْمِلُ أَثْقَالَكُمْ إِلَىٰ بَلَدٍ لَّمَّ تَكُونُوا بِلِغِيهِ إِلَّا بِشِقِّ الْأَنْفُسِ إِنَّ رَبَّكُمْ لَرءُوفٌ

رَحِيمٌ

Dan ia memikul beban-bebanmu ke suatu negeri yang kamu tidak sanggup sampai kepadanya, melainkan dengan kesukaran-kesukaran (yang memayahkan) diri. Sesungguhnya Tuhanmu benar-benar Maha Pengasih lagi Maha Penyayang,

(Surah *al-Nahl* ayat 7)

ii. Maksud perbuatan yang akan dilakukan, Firman Allah;

رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَّا رَيْبَ فِيهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِعَادَ

"Ya Tuhan kami, Sesungguhnya Engkau mengumpulkan manusia untuk (menerima pembalasan pada) hari yang tak ada keraguan padanya". Sesungguhnya Allah tidak menyalahi janji.

(Surah *Āli ‘Imran* ayat 9)

¹⁶⁸ *Ibid* hal.224

iii. Maksud perbuatan yang telah dilakukan . Firman Allah;

إِنَّ اللَّهَ فَالِقُ الْحَبِّ وَالنَّوَىٰ ۖ مَخْرُجُ الْحَيِّ مِنَ الْمَيِّتِ وَمَخْرُجُ الْمَيِّتِ مِنَ الْحَيِّ ۚ ذَٰلِكُمْ
اللَّهُ فَالِقُ فَأَنَّى تُؤَفَّكُونَ ﴿٩٥﴾

Sesungguhnya Allah menumbuhkan butir tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan. dia mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati daripada yang hidup. (yang memiliki sifat-sifat) demikian ialah Allah, Maka Mengapa kamu masih berpaling?

(Surah *al-An'ām* ayat 95)

Sebahagian daripada ulama' *al-Ibādīyah* juga berpendapat nama Allah itu bukanlah terhenti sehingga sembilan puluh sembilan sahaja. Ini adalah berdasarkan kajian mereka terhadap ayat-ayat al-Qurān yang diturunkan. Namun dalam persoalan ini mereka menetapkan nama tersebut dalam dua keadaan;¹⁶⁹

i. Nama yang harus disebut dengan syarat berganding dengan kerjabuatNya.
Firman Allah S.W.T.

فَالِقُ الْإِصْبَاحِ وَجَعَلَ اللَّيْلَ سَكَنًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ حُسْبَانًا
ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ ﴿٩٦﴾

Dia menyingsingkan pagi dan menjadikan malam untuk beristirahat, dan (menjadikan) matahari dan bulan untuk perhitungan. Itulah ketentuan Allah yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.

(Surah *al-An'ām* ayat 95)

¹⁶⁹ *Ibid* h.224

Berdasarkan ayat ini dan dengan menggunakan kaedah qias, harus bagi kita untuk menamakan Allah dengan nama lain seperti kita menyebut “wahai yang memberi petunjuk”, “wahai yang menghilangkan kemudharatan” dan sebagainya.

- ii. Nama yang harus disebut, tetapi dengan maksud yang lain daripada asalnya. Seperti kita berkata “wahai tempat aku bergantung”. Maksudnya ialah berharap pada rahmat, kemuliaan dan kebaikannya.

3.13 Sifat-Sifat Allah.

Mengenal Tuhan adalah fardhu ‘ain atas tiap-tiap orang yang mukallaf dengan mengetahui namanya dan sifatnya seperti yang diperintahkan oleh Allah melalui ajaran para *nabidan rasul*. Tuhan memiliki banyak nama yang baik (*al-Asma’ al-Husna*) dan sifat-sifatnya yang maha agong. Nama tuhan yang lebih masyhur antara nama-namanya ialah Allah, disebut lafaz *al-Jalālah*, adapun yang lain daripada ini diketahui daripada *al-Qurān* dan *al-Hadith*, semuanya ini masyhur di sisi orang islam, sebahagian daripadanya *al-Rahmān, al-Rahīm, al-Quddūs*¹⁷⁰

Perbincangan mengenai sifat Allah S.W.T oleh semua mazhab akidah adalah merupakan perbincangan yang terpenting dalam permasalahan Tauhid. Berkenaan perkara ini, *al-Ibādīyyah* telah membahagikan sifat-sifat Allah S.W.T dalam perbincangan mereka kepada tiga sifat, iaitu:¹⁷¹

¹⁷⁰ ‘Abd-al-Ghani dan ‘Umar bin Yusof,(1952) *Risalah Tauhid*. Johor Baharu: Ahmadiyah Press Sdn. Bhd. h.6

¹⁷¹ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah)h. 224

i. Sifat sifat yang wajib bagi Allah S.W.T.

Iaitu sifat-sifat yang menetapkan kesempurnaan Allah S.W.T., tanpa sifat- sifat ini akan terjadi kekurangan yang mana ianya mustahil bagi Allah.

ii. Sifat-sifat yang mustahil bagi Allah S.W.T.

Iaitu sifat-sifat yang menjadikan kekurangan pada *Dhat* Allah, kewajipan menafikannya akan menyatakan kesempurnaannya.

iii. Sifat-sifat yang harus bagi Allah S.W.T.

Iaitu sifat-sifat yang tidak memberi kesan kepada menetapkan dan menafikan bagi Allah, tidak juga menunjukkan kesempurnaan dan kekurangan bagi Allah S.W.T. Seperti memberi rezeki, kesempitan rezeki yang berlaku terhadap seseorang, tidaklah bermakna kekurangan bagi Allah S.W.T. Terkadang Allah mengurniakan rezekinya kepada seseorang dan tidak mengurniakannya kepada seorang yang lain. Begitu juga dengan perkara lain, umpamanya menurunkan hujan, terkadang Allah menurunkan hujan yang lebat, terkadang Allah tidak menurunkan hujan langsung. Firman Allah S.W.T;

لا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ ﴿٢٣﴾

Dia tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya dan merekalah yang akan ditanyai.

(Surah *al-Ambiya* ' ayat23)

Sebelum perbahasan tentang sifat-sifat Allah S.W.T. ini dibentangkan, penulis merasakan adalah lebih baik kita melihat definisi perkataan *al-Ṣifāt* menurut *al-Ibādīyyah*.

3.13.1 Definisi sifat-sifat Allah S.W.T.

Al-Ṣifāt adalah perkara yang menunjukkan keatas *Dhat* Allah, atau keadaan-keadaan yang dipunyai oleh *Dhat* Allah sebagaimana yang dinyatakan olehNya.¹⁷²

‘Amru al-Ṭal’ātī berpendapat bahawa sifat adalah satu maksud yang mulia, di mana Allah menyifatkan dirinya seperti sifat *al-Qudrah* dan *al-Irādah*.¹⁷³

Al-Ṣifāt ialah lafaz yang menunjukkan keatas maksud yang dikehendaki bagi menetapkan kesempurnaan Allah.¹⁷⁴

Difinasi *al-Ṣifāt* yang penulis nukilkan dalam kajian ini, bukanlah bermakna terdapat perbezaan yang menunjukkan sifat-sifat Allah ini terkeluar daripada persoalan *al-Dhat* dan *al-Asmā’* Allah. Ini adalah disebabkan *al-Ibādīyyah* tidak membezakan antara *al-Dhat* dan *al-Ṣifāt* Allah. Sebagaimana yang dinukilkan oleh Imam Nūr al-dīn al-Sālimī.

¹⁷² Dr. Farḥāt al-Ja’bīrī(1987) *al-bu’d al-Ḥaḍārī li-Aqīdah al-Ibādīyyah*.c. 2, Ruwi: Maktabah al-Istiqāmah.h.227.

¹⁷³ *Ibid* h. 228.

¹⁷⁴ ‘Asyūr bin Yusuf Kaskās, *Al ‘akidah*,c.1 Masqat: Maktabah al-Istiqamah. hal 59.

Sebelum kita meneroka dengan lebih jauh dan mendalam tentang persoalan ini, adalah lebih baik kiranya kita meneliti persoalan ini menurut pemikiran *al-Ibāḍiyyah*. Mereka telah membahagikan *al-Ṣifāt* kepada dua bahagian ;¹⁷⁵

i. *Al-Ṣifāt al- Dhātiyyah*.

Iaitu semua sifat yang mustahil untuk disifatkan Allah kepada lawannya, seperti sifat *al- 'Ilm* , maka adalah mustahil, Allah disifatkan dengan sifat yang berlawanan dengan sifat *al- 'Ilm* iaitu *al-Jahl*. Sifat-sifat tersebut ialah:

a. *Al-Qidam*

Sifat *al-Qidam* dalam persoalan ini membawa dua maksud;¹⁷⁶

i. Sifat *al-Qidam* yang mustahil bagi Allah.

Sifat *al-Qidam* yang mustahil bagi Allah ialah, *al-Qidam* yang bersangkutan dengan masa. Allah S.W.T. tiada hubungan dengan masa, bahkan Allah yang menjadikan masa. Sekiranya dikatakan Allah telah wujud lama dahulu daripada segala kejadian yang wujud, ini membawa maksud Allah S.W.T. telah lama wujud. Seperti kita mengatakan “bangunan itu yang dulu wujud, sebelum bangunan yang lain” , bermaksud bangunan tersebut bangunan lama daripada sudut masa. Maha suci Allah untuk disifatkan sedemikian rupa. Masa terjadi dengan sebab berlakunya pergerakan matahari, bulan dan bintang. Mustahil bagi akal, bahawa Allah tertakluk kepada pergerakan tersebut.

¹⁷⁵ Nūr al-Dīn al-Sālimi (2003), *Bahjah al-anwār, Syarh anwār al- 'uqūl fi al-Tawhid* c.3 Ruwi: maktabah al-Istiqamah, h. 79.

¹⁷⁶ Syeikh Aḥmad bin Ḥamd al-Khalīlī,(1999) *Ṣifāt Allah S.W.T.* j. 7, Ruwi: maktabah al-Istiqāmah, h.11.

ii. Sifat *al-Qidam* yang wajib bagi Allah s.w.t

Sifat *al-Qidam* yang wajib bagi Allah ialah *al-Qidam* yang bermaksud sedia ada tidak didahului oleh tiada, kerana semua makhluk bermula dengan tiada kepada ada, dan bersangkutan dengan masa. Allah S.W.T. telah sedia wujud sebelum wujudnya jirim dan segala kejadian yang wujud. Bahkan Allah S.W.T. yang menjadikan jirim. Begitulah Allah selamanya sejak azali. Sebagaimana dijelaskan dalam firmanNya;

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ ۗ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣﴾

Dialah yang Awal dan yang akhir yang Zahir dan yang Batin dan dia Maha mengetahui segala sesuatu.

(Surah *al-Ḥadīd* ayat 3)

Maksud *al-Awwal* ialah, yang telah ada sebelum segala sesuatu ada. *Al-Ākhir* ialah yang tetap ada setelah segala sesuatu musnah. *Al-Zāhir* ialah, yang nyata adanya berdasarkan bukti-bukti. *Al-Bāṭin* ialah yang tak dapat digambarkan hikmah *dhat*Nya oleh akal. Sekiranya kewujudan Allah S.W.T. dimulai dengan tiada kepada ada, nescaya Allah berhajat kepada yang mengadakanNya. Sebagaimana difahami akal, sesuatu ciptaan memerlukan kepada penciptanya. Maka Allah juga dikira sebagai makhluk.¹⁷⁷ Mustahil bagi akal sesuatu yang memerlukan pencipta layak menjadi Tuhan. Maka sifat *al-Qidam* adalah sifat *Dhat* yang wajib bagi Allah S.W.T.

¹⁷⁷ *Ibid* hal 11

b. *Al-Baqa'*

Al-Baqa' bermaksud kekal. Sifat *al-Baqa'* bagi Allah S.W.T. seiring dengan sifat *al-Qidam*. Adalah tidak mungkin sesuatu yang sedia ada, binasa. Maka Allah S.W.T. adalah *Dhat* yang mesti wujud kekal abadi sejak azali. Adapun selain daripada Allah hanya mungkin wujud. Maka setiap yang mungkin wujud memerlukan kepada pencipta yang mewujudkannya.

c. *Al-Wahdāniah*

Al-Wahdāniah merupakan sifat yang tetap bagi Allah s.w.t , merangkumi *Dhat*, *Şifat*, dan *af'āl*. *Al-Wahdāniah* bermaksud tunggal. Sifat ini ditafsir oleh Ibāḍiyyah dengan tiga pentafsiran;¹⁷⁸

- i. *Al-Wahdāniah* dengan maksud tiada sekutu bagiNya.
- ii. *Al-Wahdāniah* dengan maksud *dhat* Allah yang satu, tiada terbentuk dengan beberapa anasir.
- iii. *Al-Wahdāniah* dengan maksud *Dhat* Allah tidak ada persamaan dengan segala kejadian dan tiada yang seumpama denganNya.

Bermula daripada penafsiran inilah terbentuknya kefahaman tentang *tauhid al-Rububiyah* dan *tauhid al-Uluhiyyah*

d. *Al-Ḥayāh*

Al-Ḥayah bermaksud hidup. Iaitu Allah S.W.T sentiasa hidup tiada binasa dan terus kekal hidup dengan diriNya sendiri. Kerana tuhan yang *qidam* dan *baqa'*

¹⁷⁸ *Ibid* hal 14.

tidak akan terjadi tanpa hidup.¹⁷⁹ Melalui hujah akal *al-Hayah* dapat dibuktikan dengan cara memerhatikan alam dan segala isinya. Seseorang manusia apabila memerhatikan alam ini, secara logikny dia akan mengakui bahawa hanya ada satu Tuhan yang menciptanya serta mentadbirnya. Tuhan ini maha berkuasa, maha mengetahui. Sifat-sifat ini tidak mungkin ada pada sesuatu yang mati. Maka secara lansung dia memahami dan mengakui pencipta dan pentadbir alam ini semestinya hidup dan tidak akan mati.¹⁸⁰ Firman Allah S.W.T.

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِ ۚ وَكَفَىٰ بِهِ بُدُنُوبِ

عِبَادِهِ ۗ خَبِيرًا

Dan bertawakkallah kepada Allah yang hidup (kekal) yang tidak mati, dan bertasbihlah dengan memuji-Nya. dan cukuplah dia Maha mengetahui dosa-dosa hamba-hamba-Nya.

(Surah *al-Furqān* ayat 58)

Al-Hayah dalam maksud ketuhanan tidak boleh difahami sebagaimana kehidupan semula jadi manusia dan makhluk yang lain. Kerana hidup manusia secara tabi'inya bernafas, membesar, bergerak, bertindak balas dan sebagainya. Sesungguhnya maksud *Al-Hayah* bagi Allah hanyalah hidup yang layak bagi kebesaran dan kemuliaanNya, tidak boleh difahami dengan maksud yang difahami manusia. Oleh kerana itu sebahagian daripada ahli falsafah berpendapat, sesungguhnya sifat *Al-Hayah* bagi Allah S.W.T. adalah merupakan sifat yang maha agong, di mana tiada sesorang pun dalam kalangan manusia dan jin mampu

¹⁷⁹ *Ibid* hal 29

¹⁸⁰ *Ibid* hal 30.

memahaminya.¹⁸¹ Penggunaan lafaz *Al-Hayah* adalah bagi tujuan faham pada fikiran manusia sahaja. Sama seperti penggunaan lafaz berjalan di dasar laut. Hakikat perlakuannya tidak sama ketika berjalan dipermukaan bumi, namun digunakan juga lafaz berjalan supaya dapat difikirkan oleh manusia.

e. *Al-Sam'u wa al-Başar*

Sifat mendengar dan melihat adalah merupakan dua sifat yang sering digandingkan dalam ayat al-Quran. Firman Allah S.W.T;

قَالَ لَا تَخَافَا إِنِّي مَعَكُمَا أَسْمَعُ وَأَرَىٰ

Allah berfirman: "Janganlah kamu berdua khawatir, Sesungguhnya Aku beserta kamu berdua, Aku mendengar dan melihat".

(Surah *Tāha* ayat 46.)

Kedua dua sifat ini adalah sifat wajib bagi Allah S.W.T. Mendengar adalah wajib bagi Allah S.W.T. Sifat ini menafikan bahawa Allah S.W.T itu pekak. Begitu juga sifat melihat, ianya menafikan bahawa Allah S.W.T itu buta. Namun begitu adalah tidak wajar untuk memahami mendengar dan melihat Allah S.W.T., sebagaimana mendengar dan melihat makhluk. Sesungguhnya Allah S.W.T mendengar segala yang bersuara dan tidak bersuara, bernyawa dan tidak bernyawa, tiada terbatas oleh jauh dan campuran. Begitu juga dengan melihat, Allah melihat segala yang kecil dan besar, jauh dan dekat, tidak terbatas oleh halangan yang menghalang.

¹⁸¹ *Ibid* h. 32.

Sesungguhnya akal secara langsung telah memahami bahawa pencipta dan pentadbir alam ini tidak mungkin pekak dan buta. Bagaimana mungkin seorang pencipta tidak dapat melihat barang ciptaannya. Allah, tuhan yang menganugerahkan pengelihatn kepada makhlukNya. Bagaimana mungkin Allah memberi pengelihatn, sekiranya Dia sendiri tidak boleh melihat. Begitu juga dengan mendengar. Allah mencipta bunyian dan suara. Bagaimana mungkin Allah menganugerahkan pendengaran kepada makhluk ciptaanNya, sekiranya Dia sendiri tidak boleh mendengar. Seperti kata ahli falsafah “ orang yang tidak memiliki tidak mampu memberi”

f. *Al-Kalām*

Al-Kalām bermaksud berkata-kata. *al-Kalām* merupakan sifat yang wajib bagi Allah S.W.T., kerana sifat ini menafikan bisu bagi Allah S.W.T.¹⁸² Allah S.W.T. berfirman;

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

Sesungguhnya keadaan-Nya apabila dia menghendaki sesuatu hanyalah Berkata kepadanya: "Jadilah!" Maka terjadilah ia.

(Surah *Yāsīn* ayat 82)

Maksud . *al-Kalām* di sini ialah . *al-Kalām al-nafs*, iaitu kata-kata tanpa suara dan huruf.¹⁸³ Walaupun persoalan ini agak sukar untuk diterima akal, kerana telah menjadi kebiasaan pada akal setiap kata mestilah bersuara. Namun begitu kalimah. *al-Kalām* tetap digunakan bagi menyatakan sifat Allah S.W.T. Kerana penggunaan perkataan ini lebih memungkinkan untuk manusia memahami konsep sifat Allah

¹⁸² *Ibid* hal 42.

¹⁸³ *Ibid* h. 43

S.W.T. Sekiranya Allah menyatakan sifat ini dengan kalimah yang lain daripada apa yang dimiliki oleh akal manusia, sifat . *al-Kalām* tidak mungkin dapat dijelaskan oleh manusia dengan betul.

Perkara ini dijelaskan oleh Imam Ibn Nubhān dengan mendatangkan contoh arahan otak kepada seluruh anggota badan. Manusia yang memahami dirinya sebagai makhluk ciptaan Allah S.W.T telah mengerti bahawa dalam dirinya terdapat otak yang telah dijadikan oleh Allah sebagai raja kepada seluruh anggota. Otak yang sering digunakan untuk berfikir inilah yang menghantar mesej kepada anggota untuk melakukan sesuatu perkara, seperti memegang, berlari, duduk dan sebagainya. Arahan yang datang daripada otak ini adalah tanpa suara, namun arahan ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.¹⁸⁴ Begitulah caranya bagaimana kita ingin memahami sifat . *al-Kalām* bagi Allah S.W.T.

Penetapan sifat *al-Kalām* bagi Allah S.W.T. sebagai mana yang telah dijelaskan, adalah untuk menafikan sifat bisu bagi Allah. Sekiranya Allah S.W.T tidak berkata-kata, nescaya Allah bisu, sedangkan bisu merupakan sifat kekurangan yang tidak layak bagi Allah S.W.T.¹⁸⁵ Walaupun Allah berkata-kata, namun tidaklah bermakna kita boleh berintraksi denganNya, sebagaimana intraksi makhluk sesama makhluk. Sebagaimana firmanNya;

وَمَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُكَلِّمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِنْ وَرَائِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ

بِإِذْنِهِ ۗ مَا يَشَاءُ إِنَّهُ عَلَىٰ حَكِيمٍ

¹⁸⁴ *Ibid*.h. 44.

¹⁸⁵ *Ibid* h. 45.

Dan tidak mungkin bagi seorang manusiapun bahwa Allah berkata-kata dengan dia kecuali dengan perantaraan wahyu atau dibelakang tabir atau dengan mengutus seorang utusan (malaikat) lalu diwahyukan kepadanya dengan seizin-Nya apa yang dia kehendaki. Sesungguhnya dia Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana.

(Surah *al-Syūra* ayat 51)

Sungguhpun terdapat banyak pendapat dalam kalangan ulama' *al-Ibādiyyah* berkenaan konsep *al-Kalām*. Penulis tidaklah berhajat untuk meneruskan perbahasan mengenainya. Kerana perbahasan terhadap sifat *al-Kalām* ini memerlukan kajian yang lebih khusus dan mendalam. Cukuplah dipaparkan di sini sekadar pengenalan dan pengetahuan para pembaca secara umum sahaja.

Berdasarkan keterangan tentang sifat-sifat *Dhat* bagi Allah S.W.T., jelaslah kepada kita bahawa Allah S.W.T. bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan sifat-sifat ini nyata sekali tidak sama dengan sifat makhluk ciptaanNya, walaupun lafaz yang digunakan untuk menyatakan sifat-sifat ini sama dengan lafaz yang digunakan oleh manusia. Allah disifatkan dengan wujud. Wujud Allah tidak sama sebagaimana wujud manusia. Begitu juga Allah disifatkan dengan melihat. Melihat Allah tidak sama dengan melihat manusia. Begitulah seterusnya dengan sifat sifat kesempurnaan Allah yang lain. Firman Allah;

فَاطْرُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَامِ أَزْوَاجًا
يَذَرُوكُمْ فِيهِ لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

(dia) Pencipta langit dan bumi. dia menjadikan bagi kamu daripada jenis kamu sendiri pasangan-pasangan dan daripada jenis binatang ternak pasangan- pasangan (pula), dijadikan-Nya kamu berkembang biak dengan jalan itu. tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dia-lah yang Maha mendengar dan Melihat.

(Surah *al-Syūra* ayat 11)

ii. *Sifat Fi'liyyah*.

Ia merujuk kepada semua sifat yang diharuskan untuk Allah disifatkan dengan lawannya. Seperti sifat menghidupkan dan mematikan, kedua-dua sifat ini harus dikatakan pada Allah S.W.T.

Adapun persoalan *al-Ṣifāt* dan *al-Dhat*, yang menjadi intisari perbincangan aqidah dan mazhab akidah. Mazhab *al-Ibāḍiyyah* berpendapat tiada perbezaan antara *al-Ṣifāt* dan *al-Dhat*. Kata syeikh Nur al-din al- Salimi.

صفاته لذاته هي ذاته لا غيرها دلت بذا آياته

“sifat Allah adalah ain DhatNya, bukanlah ia lain daripadanya, telah ditunjukkan tandanya”¹⁸⁶

¹⁸⁶ Nūr al-Dīn al-Sālimi(2003), *Bahjah al-anwār, Syarh anwār al- 'uqūl fi al-Tawhid* c.3, Ruwi: maktabah al Istiqamah, h.80.

3.13.2 Pendapat *al-Asyā'irah* tentang *al-Şifāt*

Al-Asyā'irah berpandangan bahawa *al-Şifāt* ialah perkara yang ditambah atau dihubungkan dengan *al-Dhat*. Ini bermaksud, Allah S.W.T. melihat dengan pengelihatan yang dihubungkan denganNya, mendengar dengan pendengaran yang dibangunkan padaNya begitulah seterusnya dengan baki sifat-sifat yang lain.¹⁸⁷

Semua sifat-sifat ini dibahagikan kepada lima bahagian iaitu ;¹⁸⁸

- vi. *Sifat Nafsiyyah.*
- vii. *Sifat Salbiyyah.*
- viii. *Sifat Ma'āniyyah.*
- ix. *Sifat M'anawiyah.*
- x. *Sifat Ta'alluq.*

Secara analisisnya, pemikiran *al-Asyā'irah* tentang sifat Allah S.W.T adalah lebih tersusun, namun jika diamati secara mendalam. Konsep sifat Allah yang cuba diketengahkan adalah samar-samar dan sangat kompleks untuk difahami. Lebih-lebih lagi apabila sifat-sifat ini juga ditakrifkan dengan *azali* dan *qadīm*.¹⁸⁹ Perkara ini tidak boleh diterima sama sekali kerana sekiranya sifat *Dhat* bagi Allah s.w.t bukan *DhatNya*, maka lazim kepadaNya dua perkara;

- i. Sama ada *Dhat* itu menjadi tempat bagi sifat untuk berdiri atau,
- ii. Sifat akan menjadi sebahagian daripada *Dhat*.

¹⁸⁷ Dr Mubarak Hasan Husin Ismail(1987) *a'dwa' a'lā al-fikri al-asy'ari*, c.1. Syubra: Maṭba'ah al-amānah. h.40

¹⁸⁸ Abd al-Ghani dan Umar Yusuf,(1952) *risalah al-Tawhid*, Johor Baharu, al-Ahmadiyyah Press Sdn. Bhd. h.43

¹⁸⁹ *Ibid* h.43

Kedua perkara ini tidak boleh diterima akal kerana *Dhat* Allah yang Maha Suci tidak layak dianggap sebagai tempat berdirinya sesuatu. Begitu juga, sekiranya sifat sebagai bahagian daripada *Dhat* adalah sesuatu yang mustahil, kerana *Dhat* Allah S.W.T. suci daripada bahagian-bahagian untuk sampai kepada kesempurnaan.¹⁹⁰

Berbeza dengan *al-Ibādiyyah* yang menyatakan bahawa *al-Dhat* adalah *al-Şifat* dan *al-Şifat* adalah *al-Dhat*. Allah melihat dengan *Dhat*Nya, mendengar dengan *Dhat*Nya begitulah seterusnya dengan segala sifat yang layak bagi Allah S.W.T. Maka *al-Ibadiyyah* berpendapat bahawa sifat Allah s.w.t adalah *Dhat*Nya begitu juga sebaliknya .Allah mengetahui dengan *Dhat*Nya bukan dengan ilmuNya yang lain. Allah s.w.t mendengar dengan *Dhat*Nya bukan dengan pendengaran yang dimuatkan kepadaNya. *Dhat* Allah sendiri mampu mendengar dengan sempurna, tanpa perlu sebarang bentuk perantaraan antaraNya dan perkara yang didengarNya.

Perkara ini jelas terdapat dalam bait-bait syair yang bersangkutan dengan perihal akidah sebagaimana yang diungkapkan oleh ulama' mereka Nur al-Din al-Salimi"¹⁹¹

فهو عليم لا بعلم جالبا وهو سميع لا بسمع ركبا
وهو بصير لا بعين نظرت وهو قدير لا بقدره عرت
وهكذا فى سائر الصفات لأنها فبالأصل عين الذات

“Dia maha mengetahui bukan dengan pengetahuan yang didatangkan”

“Dia maha mendengar bukan dengan pendengaran yang dipasang”

“Dia maha melihat bukan dengan mata pengelihatan”

¹⁹⁰ *Ibid* h. 80

¹⁹¹ *Ibid* h. 82

“Dia maha berkuasa bukan dengan kuasa yang dipinjamkan”

“Begitulah pada semua sifat”. “ Kerana pada asalnya adalah Dhat”

3.14 Melihat Allah s.w.t

Persoalan melihat Allah S.W.T. juga merupakan satu topik penting untuk dibicarakan. Ini adalah disebabkan terdapat berbagai fahaman dan pendapat tentang persoalan tersebut. *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* percaya bahawa orang-orang beriman yang masuk syurga akan dapat melihat Allah S.W.T., Cuma bagaimana melihat Allah itu tidak diperjelaskan dengan terperinci. *Al-Mu'tazilah* berpendapat melihat Allah samada di dunia atau di akhirat adalah suatu perkara yang mustahil.

Al-Ibādīyyah juga mempunyai pendapat yang sama dengan *al-Mu'tazilah*. Mereka juga menafikan bahawasanya Allah S.W.T. boleh dilihat sama ada di dunia atau di akhirat. Perkara ini jelas oleh Imam Nur al-Din al-Salimi;

ورؤية الباري من المحال * دنيا وأخرى احكم بكل الحال.¹⁹²

Penafian ini adalah berdasarkan dalil bahawa perbuatan melihat sebagaimana yang difahami oleh mereka memerlukan sembilan syarat kesemuanya;¹⁹³

¹⁹² Nūr al-Dīn al-Sālīmī, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c.2 Ruwī: maktabah al-Istiqāmah, h.262

¹⁹³ *Ibid* h. 262-263.

Aḥmad bin Ḥamd al-Khalīlī (2001) *al-Haq al-Dāmigh* c.5, Sīb: Maktabah al-Dāmīrī, h.67-68

Dr. Farḥāt al-Ja'bīrī (1987) *al-bu'd al-Ḥadārīpādā li-Aqīdah al-Ibadiyyah*.c. 2, Ruwī: Maktabah al-Istiqāmah. h.302

- i. Sejahtera pancaindera.
- ii. Perkara tersebut jenis yang boleh dilihat.
- iii. Perkara tersebut boleh dilihat daripada mana mana sudut dan ruang.
- iv. Perkara tersebut tidak terlalu kecil dan halus seperti kuman dan hama.
- v. Perkara tersebut tidak terlalu bercampur, seperti warna yang bercampur walaupun sedikit.
- vi. Perkara tersebut tidak terlalu jauh.
- vii. Perkara tersebut tidak terlalu dekat hingga sukar dikenal pasti.
- viii. Tiada perkara yang menghalang pengelihatan.
- ix. Hendaklah perkara itu dalam keadaannya.

Berdasarkan kepada syarat-syarat melihat yang dikemukakan oleh *al-Ibādiyyah* ini jelaslah bahawa perkara ini hanya belaku kepada apa yang dinamakan jisim dan ‘araḍ. Allah S.W.T *Dhat* yang tidak berjisim. Ini merupakan hujah yang kuat untuk menyatakan, mustahil manusia boleh melihat Allah sama ada di dunia atau di akhirat. Disamping itu juga terdapat beberapa ayat daripada al-Quran yang menegaskan perkara tersebut, antaranya firman Allah S.W.T.

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang dia dapat melihat segala yang kelihatan; dan dialah yang Maha halus lagi Maha Mengetahui.

(Surah *al-An‘ām* ayat 103)

Al-Asyā'irah berpendapat, Allah boleh dilihat oleh orang yang beriman di Hari Akhirat nanti.¹⁹⁴ Namun begitu cara dan bagaimana melihat Allah nanti hanya diketahui oleh Allah S.W.T. Mereka berhujah bahawa Allah boleh dilihat berdasarkan firmanNya:

وَإِذْ قُلْتُمْ يَا مُوسَىٰ لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ نَرَى اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْكُمُ الصَّعِقَةُ وَأَنْتُمْ

تَنْظُرُونَ ﴿٥٥﴾

Dan (ingatlah), ketika kamu berkata: "Hai Musa, kami tidak akan beriman kepadamu sebelum kami melihat Allah dengan terang, kerana itu kamu disambar halilintar, sedang kamu menyaksikannya.

(Surah *al-Baqarah* ayat 55)

Berdasarkan ayat ini *al-Asyā'irah* berpendapat, sekiranya melihat Allah adalah mustahil, mengapa *Nabi Musa* (a.s) meminta kepada Allah S.W.T agar kaumnya dapat melihatNya. Permintaan *Nabi Musa* ini menunjukkan bahawa Allah S.W.T. boleh dilihat dengan mata kasar.

Al-Mu'tazilah sependapat dengan *al-Jahmiyyah*, *al-Khawarij* dan *Syiah al-Imamiyyah* bahawa melihat Allah S.W.T. adalah mustahil sama ada di dunia atau pun di akhirat. Mereka berkeyakinan sekiranya Allah S.W.T boleh dilihat sama ada di

¹⁹⁴ Dr Mubarak Hasan Husin Ismail(1987) *aḍwa' a'lā al-fikri al-asy'ari*, c.1. Syubra: Maṭba'ah al-amānah. h.111

dunia atau di akhirat, bermakna Allah S.W.T bertempat dan berpihak. Hal ini sama seperti makhluk-makhluk ciptaan Allah¹⁹⁵, ianya mustahil. Firman Allah;

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, sedang dia dapat melihat segala yang kelihatan; dan dialah yang Maha halus lagi Maha Mengetahui.

(Surah *al-An'ām* ayat 103)

3.15 Kesimpulan

Konsep ketuhanan adalah konsep yang terpenting dalam pandangan Islam, dalam bab ini penulis cuba mengetengahkan konsep ketuhanan menurut mazhab *al-Ibāḍiyyah* secara menyeluruh. Namun begitu terdapat juga beberapa pandangan mazhab *al-Asyā'irah* dalam beberapa aspek tertentu sebagai perbandingan.

Al-Ibāḍiyyah dalam kontek membuktikan kewujudan Allah S.W.T, telah menggunakan metod akal secara mutlak. Mereka telah menggunakan premis kebarangkalian dalam menduga kemungkinan sesebuah jawapan. Sekali pandang metod ini tiada bezanya dengan metod yang digunakan oleh kumpulan falsafah dan *mu'tazilah*.

¹⁹⁵ Dr Mubarak Ḥasan Ḥusin Ismail(1987) *a'dwa' a'lā al-fikri al-asy'ari*, c.1. Syubra: Maṭba'ah al-amānah. h.113

Mengenai nama-nama Allah mereka berpendapat bahawa Allah S.W.T mempunyai nama yang banyak, bukan hanya sembilan puluh sembilan sahaja sebagaimana pendapat *al-Asyā'irah*. Hal ini kerana terdapat ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith *nabi* s.a.w yang menunjukkan perkara tersebut.

Al-Ibādiyyah berpendapat tiada perbezaan antara *Al-Dhat* dan *al-Şifāt*, kerana sekiranya *Al-Dhat* dan *al-Şifāt* adalah dua perkara yang berbeza nescaya akan memberikan satu konotasi yang berbeza dan sukar diterima oleh akal iaitu;

- i. Sama ada *Dhat* itu menjadi tempat bagi sifat untuk berdiri atau,
- ii. Sifat akan menjadi sebahagian daripada *Dhat*.

Kedua perkara ini tidak boleh diterima akal kerana *Dhat* yang Maha Suci tidak layak dianggap sebagai tempat berdirinya sesuatu. Begitu juga, sekiranya sifat sebagai bahagian daripada *Dhat* adalah sesuatu yang mustahil, kerana *Dhat* Allah S.W.T. suci daripada bahagian-bahagian untuk sampai kepada kesempurnaan.¹⁹⁶

Berbeza dengan *al-Ibadiyyah* yang menyatakan bahawa *al-Dhat* adalah *al-Şifat* dan *al-Şifat* adalah *al-Dhat*. Allah melihat dengan *Dhat*Nya, mendengar dengan *Dhat*Nya begitulah seterusnya dengan segala sifat yang layak bagi Allah S.W.T. Maka *al-Ibadiyyah* berpendapat bahawa sifat Allah s.w.t adalah *Dhat*Nya begitu juga sebaliknya. Sehubungan dengan persoalan melihat Allah S.W.T., mazhab *al-Ibadiyyah* menafikan bahawa Allah S.W.T boleh dilihat oleh orang-orang yang beriman sama ada di dunia atau di akhirat. Kerana sekiranya Allah boleh dilihat bererti Allah S.W.T bertempat dan berpihak, maha suci Allah dari tempat dan pihak.

¹⁹⁶ *Ibid* h. 80

BAB KEEMPAT

4.0 Kenabian dan Kerasulan

Perbincangan tentang *kenabian* adalah merupakan sebahagian daripada teras akidah Islam. Ia berkait rapat dengan keadilan Tuhan, kerana Tuhan yang adil yang menciptakan segala makhluk khususnya manusia, sewajarnya maha mengetahui keperluan manusia. Semua mazhab akidah dalam Islam tidak terlepas daripada membicarakan persoalan ini. Ada antara mereka yang membahaskannya secara ringkas, sekadar menyatakan wajib beriman dengan para *rasul* yang diutuskan, ada pula yang membahaskannya dengan panjang lebar. Kehadiran *nabidan rasul* penting khususnya kepada masyarakat manusia dan makhluk Tuhan yang lain. Oleh itu Tuhan mengutus *nabidan rasul* supaya dapat memberikan petunjuk kepada manusia dan jin, serta membawa kedua-dua golongan ini kepada kebaikan, kejayaan dan kesempurnaan.¹⁹⁷

Al-Ibādīyyah, seperti juga kumpulan mazhab yang lain, meletakkan persoalan *Kenabian* sebagai sebahagian daripada asas akidahnya. Sungguhpun begitu, jarang terdapat satu tulisan khusus yang membicarakan persoalan *Kenabian* secara terperinci dalam kalangan mereka. Apa yang boleh kita perolehi, ianya hanyalah sebahagian daripada perbincangan Ilmu Kalam.

¹⁹⁷ Wan Zailan Kamarudin(2004), *Siapa itu Nabi-Nabi*, Bentong; PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd. h.1

Persoalan *Kenabian* bagi *al-Ibādiyyah* amat berkait rapat dengan persoalan ketuhanan, sebagaimana yang dijelaskan dalam perbincangan yang lalu bahawa ukuran keimanan seseorang individu itu adalah sejauh mana dia menepati tuntutan keimanan kepada Allah dan *rasulnya* serta beriman dengan kesemua apa yang didatangkan oleh *rasul* daripada Allah S.W.T. Bagi menyempurnakan perbincangan tentang *kenabian* ini, adalah lebih baik diselidiki beberapa perkara penting yang bersangkutan dengannya.

4.1 Maksud Nabi Dan Rasul

Dari sudut bahasa perkataan *nabi* menurut kebiasaan orang-orang Arab terdapat dalam dua bentuk;¹⁹⁸

- i. Perkataan *nabi* yang berakhir dengan huruf *hamzah*.

Perkataan ini dikatakan berasal dari perkataan *al-Naba'* yang bermaksud khabar atau berita. Berdasarkan kepada makna ini, *nabi* bermaksud seseorang yang membawa dan menyampaikan berita. Firman Allah S.W.T

عَمَّ يَتَسَاءَلُونَ ﴿١﴾ عَنِ النَّبِإِ الْعَظِيمِ ﴿٢﴾

Tentang apakah mereka saling bertanya-tanya? Tentang berita yang besar.

(Surah *al-Naba'* ayat 1-2)

¹⁹⁸ *Ibid* h.1

- ii. perkataan *nabi* yang berakhir tanpa huruf *hamzah*.

Perkataan ini berasal dari perkataan *al-nabwah* atau *al-nabawah* yang bermaksud kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah S.W.T daripada sekalian alam. Oleh itu, *nabi* bermaksud seorang manusia yang mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah S.W.T daripada sekalian alam.

Al-Asyā'irah mempunyai pendapat yang sama dalam persoalan ini dan menambah pendapat mereka dengan mengatakan perkataan *al-nabwah* bermaksud jalan, kerana para *nabi* merupakan jalan untuk memperoleh petunjuk dari Allah S.W.T.¹⁹⁹

Al-Ibādīyah berpendapat perkataan *Nabi* pula daripada sudut bahasanya, diambil daripada perkataan *al-Naba'* yang bermaksud berita. Dinamakan dengan *nabi* adalah kerana mereka itu adalah orang yang membawa berita.²⁰⁰ Firman Allah S.W.T;

﴿ نَبِيَّ عِبَادِي أَنِّي أَنَا الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴾

Kabarkanlah kepada hamba-hamba-Ku, bahwa Sesungguhnya Akulah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang,

(Surah *al-Hijr* ayat 49)

¹⁹⁹ Mubarak Hasan Husin(1982), *'Ilm al-Tawhid fi Daw' al-'Aqli wa al-Naqli*.Syubra; Matba'ah al-Amānah. h.385

²⁰⁰ Muslim bin Sālim bin 'Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-'Aqdī 'ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah)h.132

Perkataan *Nabi* dari sudut istilah boleh dilihat berdasarkan pandangan berikut;²⁰¹

- i. *Nabi* ialah seorang yang telah diberitahu oleh Allah mengenai berita-berita dari langit untuk dirinya sahaja dan dia tidak diperintahkan supaya menyampaikannya kepada orang lain.
- ii. *Nabi* ialah seorang yang tidak diberikan kitab dan undang-undang, sebaliknya dia hanya diperintah supaya mengikut undang-undang yang terdahulu daripadanya dan tidak diizinkan membatalkan mana-mana bahagian undang-undang itu.
- iii. *Nabi* adalah seorang yang dikurniakan wahyu oleh Allah menerusi malaikat yang menyampaikan wahyu itu kepadanya. Mereka dapat melihat malaikat dalam mimpi dan mendengar suaranya, tetapi tidak dapat melihatnya dalam keadaan sedar.

Al-Asyā'irah berpendapat, *Nabi* adalah seorang yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kelebihan dan nikmat dalam kalangan hambanya dengan diwahyukan kepadanya undang-undang melalui malaikat tetapi tidak diperintahkan untuk disampaikan kepada orang lain.²⁰²

²⁰¹ Wan Zailan Kamarudin(2004), *Siapa itu Nabi-Nabi*, Bentong; PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd. h.5-6

²⁰² Mubarak Hasan Husin(1982), *'Ilm al-Tawhid fi Daw' al-'Aqli wa al-Naqli*.Syubra; Matba'ah al-Amānah. h 387

Al-Ibādīyah berpendapat, *Nabi* bermaksud seorang lelaki yang diutuskan oleh Allah S.W.T. bersama dengan satu risalah kepada manusia keseluruhannya, dan dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan risalah tersebut serta memperjelasannya kepada manusia bagi tujuan menunjukkan kepada mereka jalan yang benar dan membebaskan mereka daripada kesesatan²⁰³

Perkataan *Rasul* dari sudut bahasa pula bermaksud seseorang yang ditugaskan membawa berita atau melakukan tugas penting²⁰⁴. Firman Allah S.W.T

وَإِنِّي مُرْسَلَةٌ إِلَيْهِمْ بِهَدِيَّةٍ فَنَظِرَةٌ بِمَ يَرْجِعُ الْمُرْسَلُونَ ﴿٣٥﴾

Dan Sesungguhnya Aku akan mengirim utusan kepada mereka dengan (membawa) hadiah, dan (aku akan) menunggu apa yang akan dibawa kembali oleh utusan-utusan itu".

(surah *al-Naml* ayat 35)

Rasul juga merujuk kepada seseorang yang mengikuti berita yang disampaikan oleh orang yang mengutusny.²⁰⁵ Sekiranya diteliti perkataan *rasul* dalam konteks kalimah syahadah yang dilafazkan, bermaksud Muhammad itu adalah pembawa berita-berita dari Allah S.W.T. Oleh itu, perkataan *rasul* merujuk kepada seseorang yang bertanggungjawab membawa perutusan dari Allah, melaksana menyampai dan seterusnya mematuhi perutusan itu.

²⁰³ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah)h.131.

²⁰⁴ Wan Zailan Kamarudin(2004), *Siapa itu Nabi-Nabi*, Bentong; PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd. h.6

²⁰⁵ *Ibid* h. 7

Al-Asyā'irah berpendapat, *Rasul* bermaksud utusan yang diutuskan oleh Allah untuk menyampaikan perutusan²⁰⁶ Firman Allah S.W.T.

وَإِنِّي مُرْسَلَةٌ إِلَيْهِمْ بِهَدِيَّةٍ فَنَظِرَةٌ بِمَ يَرْجِعُ الْمُرْسَلُونَ ﴿٣٥﴾

Dan Sesungguhnya Aku akan mengirim utusan kepada mereka dengan (membawa) hadiah, dan (aku akan) menunggu apa yang akan dibawa kembali oleh utusan-utusan itu"

(Surah al-Naml ayat 35)

Al-Ibādiyyah berpendapat *Rasul* daripada sudut bahasa, adalah seorang lelaki yang diutuskan bagi sesuatu tujuan²⁰⁷. Firman Allah

وَإِنِّي مُرْسَلَةٌ إِلَيْهِمْ بِهَدِيَّةٍ فَنَظِرَةٌ بِمَ يَرْجِعُ الْمُرْسَلُونَ ﴿٣٥﴾

Dan Sesungguhnya Aku akan mengirim utusan kepada mereka dengan (membawa) hadiah, dan (aku akan) menunggu apa yang akan dibawa kembali oleh utusan-utusan itu"

(Surah al-Naml ayat 35)

Berdasarkan ayat ini perkataan *Rasul* bermakna seorang lelaki yang memberitahu berita perutusannya.

²⁰⁶ Mubarak Hasan Husin(1982), *'Ilm al-Tawhid fi Daw' al-'Aqli wa al-Naqli*.Syubra; Matba'ah al-Amānah. h 388

²⁰⁷ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, 'Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-'Aqīdah I*, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h.131. Lihat juga, Muslim bin Sālim bin 'Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-'Aqdī 'ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h,273

Dari sudut istilah maksud *Rasul* boleh dibahagikan kepada beberapa katogeri;²⁰⁸

- i. *Rasul* adalah seseorang yang menerima berita dari Allah dan dia diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain.
- ii. *Rasul* ialah seseorang yang diutus oleh Allah dan diberi kitab, undang-undang baru, serta diizinkan membatalkan sebahagian hokum dalam undang-undang terdahulu, bertanggungjawab menyampaikannya kepada manusia.
- iii. *Rasul* ialah seseorang yang diberi wahyu oleh Allah melalui malaikat Jibril yang memperlihatkan dirinya secara berhadapan. Malaikat menyampaikan wahyu kepadanya dan *rasul* dapat melihat dan berbicara dengannya.

Al-Asyā'irah berpendapat *Rasul* ialah seorang lelaki yang menerima wahyu dari Allah tentang peraturan dan undang-undang serta diperintahkan kepadanya untuk melaksana dan menyeru manusia kepada wahyu tersebut.²⁰⁹ Firman Allah;

وَيَقُولُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ آيَةٌ مِنْ رَبِّهِ ۗ إِنَّمَا أَنْتَ مُنذِرٌ وَلِكُلِّ قَوْمٍ هَادٍ ﴿٧﴾

Orang-orang yang kafir berkata: "Mengapa tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) suatu tanda (kebesaran) dari Tuhannya?" Sesungguhnya kamu hanyalah seorang pemberi peringatan; dan bagi tiap-tiap kaum ada orang yang memberi petunjuk.

(Surah *al-Ra'd* ayat 7)

²⁰⁸ Wan Zailan Kamarudin(2004), *Siapa itu Nabi-Nabi*, Bentong; PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd. h. 7

²⁰⁹ Mubarak Hasan Husin(1982), *'Ilm al-Tawhid fi Daw' al-'Aqli wa al-Naqli*.Syubra; Matba'ah al-Amānah. h 388

Al-Ibādīyah berpendapat, *rasul* bermaksud seorang lelaki yang diutuskan oleh Allah S.W.T. bersama dengan satu risalah kepada manusia keseluruhannya, dan dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan risalah tersebut serta memperjelasannya kepada manusia bagi tujuan menunjukkan kepada mereka jalan yang benar dan membebaskan mereka daripada kesesatan²¹⁰

4.2. Perbezaan antara nabi dan rasul.

Dalam al-Quran, perkataan *rasul* lebih banyak ditekankan berbanding perkataan *nabi*. Perkataan *rasul* disebut sebanyak tiga ratus tiga puluh dua kali. Manakala perkataan *nabi* disebut sebanyak tujuh puluh lima kali.²¹¹

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ وَلَا نَبِيٍّ إِلَّا إِذَا تَمَنَّى أَلْقَى الشَّيْطَانُ فِي أُمْنِيَّتِهِ فَيَنْسَخُ اللَّهُ مَا يُلْقِي الشَّيْطَانُ ثُمَّ يُحْكِمُ اللَّهُ آيَاتِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ

حَكِيمٌ

Dan kami tidak mengutus sebelum kamu seorang rasulpun dan tidak (pula) seorang nabi, melainkan apabila ia mempunyai sesuatu keinginan, syaitanpun memasukkan godaan-godaan terhadap keinginan itu, Allah menghilangkan apa yang dimasukkan oleh syaitan itu, dan Allah menguatkan ayat-ayatnya. dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana,

(Surah *al-Hāj* ayat 52)

²¹⁰ Ahmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-‘Aqīdah 1*, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h.131. Lihat sama, Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Hattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h,273

²¹¹ Wan Zailan Kamarudin(2004), *Siapa itu Nabi-Nabi*, Bentong; PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd. h 8.

Berdasarkan kepada kajian dan angka yang dikemukakan ini, sudah pasti terdapat perbezaan antara *nabi* dan *rasul*.

Al-Asyā'irah berpendapat, *rasul* adalah seorang lelaki yang diutuskan oleh Allah, diwahyukan kepadanya dengan syari'at serta diperintahkan untuk disampaikan kepada umat manusia. Manakala *nabi* adalah seorang lelaki yang menerima wahyu daripada Allah tetapi tidak diperintahkan untuk menyampaikan wahyu tersebut kepada umat manusia. Maka setiap *rasul* itu adalah *nabi* dan setiap *nabi* bukanlah semestinya *rasul*.²¹²

Al-Ibādīyah dalam konteks ini juga sependapat dengan *al-Asya'irah*. Namun sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa *nabi* juga diperintahkan untuk menyampaikan wahyu daripada Allah serta berperanan untuk meneruskan syari'at para *rasul* sebelum mereka.²¹³ Perkara ini berdasarkan satu Hadith *Nabi* s.a.w.;

عرضت علي الأمم فرأيت النبي ومعه الرهط، والنبي ومعه الرجل والرجلان،
والنبي وليس معه أحد²¹⁴

Berdasarkan kepada rasional, jika seorang Mukmin diperintahkan untuk menyampaikan risalah apatah lagi jika seseorang itu adalah *nabi* yang dilantik oleh Allah S.W.T.²¹⁵

²¹² Mubarak Hasan Husin(1982), '*Ilm al-Tawhid fi Daw' al-'Aqli wa al-Naqli*.Syubra; Matba'ah al-Amānah. h. 388

²¹³ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, 'Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-'Aqīdah 1*, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h.133.

²¹⁴ Muhayyiddin Abi Zakariyya Yahya bin Syarif al-Nawawi,(1996)*Syarh Saheh al-Muslim*.j.5 c. 3, Beirut; Dar al-Khayr h.201

4.4 Kelebihan antara para nabi dan para rasul

Al-Ibādīyah berpendapat sesungguhnya keimanan kepada keseluruhan *rasul* yang diutuskan oleh Allah S.W.T, yang membawa kebenaran dan pertunjuk adalah merupakan satu rukun daripada rukun-rukun iman, bahkan ianya adalah sebahagian daripada akidah Islam, yang mana tidak dikatakan seseorang itu muslim melain dia telah beriman dengan kesemua para *rasul* yang telah diutuskan oleh Allah S.W.T.²¹⁶Firman Allah S.W.T.

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ
وَمَلَائِكَتِهِ ۚ وَكُتُبِهِ ۚ وَرُسُلِهِ ۚ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ ۚ وَقَالُوا
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Rasul Telah beriman kepada Al-Quran yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (mereka mengatakan): "Kami tidak membeda-bedakan antara seseorangpun (dengan yang lain) daripada rasul-rasul-Nya", dan mereka mengatakan: "Kami dengar dan kami taat." (mereka berdoa): "Ampunilah kami Ya Tuhan kami dan kepada Engkaulah tempat kembali."

(Surah *al-Baqarah* ayat 285)

²¹⁵ *op.cit.* h 132

²¹⁶ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h,277

Bahkan adalah merupakan satu kekufuran terhadap Allah bagi mereka yang ingkar terhadap salah seorang dalam kalangan para *rasul* yang telah diutuskan oleh Allah S.W.T. Sebagaimana firmanNya;²¹⁷

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۖ وَيُرِيدُونَ أَنْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ اللَّهِ وَرُسُلِهِ ۖ وَيَقُولُونَ نُوْمِنُ بِبَعْضٍ وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ وَيُرِيدُونَ أَنْ يَتَّخِذُوا بَيْنَ

ذَلِكَ سَبِيلًا ﴿١٥٠﴾

Sesungguhnya orang-orang yang kafir kepada Allah dan rasul-rasul-Nya, dan bermaksud memperbedakan antara (keimanan kepada) Allah dan rasul-rasul-Nya, dengan mengatakan: "Kami beriman kepada yang sebahagian dan kami kafir terhadap sebahagian (yang lain)", serta bermaksud (dengan perkataan itu) mengambil jalan (tengah) antara yang demikian (iman atau kafir)

(Surah *al-Nisa* ' ayat 15)

Namun begitu, terdapat juga dalam kalangan muslim yang mengkhususkan Muhammad s.a.w. sebagai *nabi* yang terakhir untuk diimani. Pemikiran dan tingkahlaku seumpama ini tidak bermaksud meletakkan perbezaan dalam kalangan para *rasul* atau tidak memperakui *rasul* dan *nabi* yang lain. Mereka hanyalah beranggapan bahawa Muhammad s.a.w. adalah *rasul* yang telah menyampaikan wahyu daripada Allah S.W.T. Mereka juga mengiktiraf Muhammad s.a.w. sebagai penyampai risalah Islam kepada umat manusia. Melalui risalah ini seseorang muslim

²¹⁷ *Ibid* h 277

dapat memahami urusan dunia termasuklah beriman dengan para *rasul* yang terdahulu daripada Baginda s.a.w.²¹⁸

Al-Asyā'irah berpendapat bahawa antara para *rasul* itu ada dalam kalangan mereka yang bergelar *Ulu al-'Azm* yang bermaksud ketetapan dan kecekalan hati.²¹⁹ Gelaran ini diperolehi dengan sebab cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh mereka amat berat dan dahsyat daripada *rasul-rasul* yang lain. Namun begitu terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan mereka mengenai *rasul Ulu al-'Azm*. Kebanyakannya berpendapat mereka terdiri dari lima orang,²²⁰ seperti yang dimaksudkan dalam dua firman Allah S.W.T.;

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰ ابْنِ مَرْيَمَ ۗ وَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّيثَاقًا غَلِيظًا

Dan (Ingatlah) ketika kami mengambil perjanjian dari nabi-nabidan dari kamu (sendiri) dari Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa putra Maryam, dan kami Telah mengambil dari mereka perjanjian yang teguh

(Surah *al-ahzab* ayat 7)

Berdasarkan dua ayat ini *nabi-nabi Ulu al-'Azm* ialah Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan Muhammad yang dianggap *nabidan rasul* yang terbaik. Kenyataan ini

²¹⁸ *Ibid* h 277

²¹⁹ Mubarak Hasan Husin(1982), *'Ilm al-Tawhid fi Daw' al-'Aqli wa al-Naqli*.Syubra; Matba'ah al-Amānah. h 388

²²⁰ Wan Zailan Kamarudin(2004), *Siapa itu Nabi-Nabi*, Bentong; PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd. h.14

berdasarkan pendapat ‘Ali bin abi Talib yang mengatakan mereka terdiri dari ketua sekalian *nabidan rasul*.²²¹ Firman Allah S.W.T.;

﴿ شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ ﴾

Dia Telah mensyari'atkan bagi kamu tentang agama apa yang Telah diwasiatkan-Nya kepada Nuh dan apa yang Telah kami wahyukan kepadamu dan apa yang Telah kami wasiatkan kepada Ibrahim, Musa dan Isa yaitu: Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belah tentangnya. amat berat bagi orang-orang musyrik agama yang kamu seru mereka kepadanya. Allah menarik kepada agama itu orang yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk kepada (agama)-Nya orang yang kembali (kepada-Nya).

(Surah *al-Syura* ayat 13)

Al-Ibāḍiyyah dalam konteks ini menegaskan tiada perbezaan diantara para *nabi* dan para *rasul*. Kata imam Nur al-Din al-Salimi,

والأنبياء بهم الإيمان يلزمنا * وما على من كتبه نزل²²²

²²¹ *Ibid* h.15

²²² Nūr al-Dīn al-Sālimī(2003), *Ghayāt a- murād fi al-I'ktiqād*.Aḥmad bin Ḥamd al-Khalīlī.(ed) Masqat: maktabah Jīl al-Wa'īd.h.131

Konsep beriman dengan keseluruhan para *nabidan rasul* itu adalah merupakan sebahagian daripada rukun iman. Keimanan tersebut mestilah jelas, tanpa membezakan antara seorang *rasul* dengan seorang yang lain.²²³ Firman Allah;

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ
وَمَلَائِكَتِهِ ۚ وَكُتُبِهِ ۚ وَرُسُلِهِ ۚ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهِ ۚ وَقَالُوا
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۗ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾

Rasul Telah beriman kepada Al-Quran yang diturunkan kepadanya daripada Tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (mereka mengatakan): "Kami tidak membeda-bedakan antara seseorangpun (dengan yang lain) daripada rasul-rasul-Nya", dan mereka mengatakan: "Kami dengar dan kami taat." (mereka berdoa): "Ampunilah kami Ya Tuhan kami dan kepada Engkaulah tempat kembali."

Begitu juga firman Allah s.w.t;

إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۖ وَيُرِيدُونَ أَنْ يُفَرِّقُوا
بَيْنَ اللَّهِ وَرُسُلِهِ ۖ وَيَقُولُونَ نُؤْمِنُ بِبَعْضٍ وَنَكْفُرُ بِبَعْضٍ
وَيُرِيدُونَ أَنْ يَتَّخِذُوا بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا ﴿١٥﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

²²³ *Ibid* h.143

حَقًّا ۚ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ عَذَابًا مُّهِينًا ﴿١٥١﴾ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ

وَرُسُلِهِ ۖ وَلَمْ يُفَرِّقُوا بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ أُولَٰئِكَ سَوْفَ يُؤْتِيهِمْ أُجُورَهُمْ ۗ

وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٥٢﴾

Sesungguhnya orang-orang yang kafir kepada Allah dan rasul-rasul-Nya, dan bermaksud memperbedakan antara (keimanan kepada) Allah dan rasul-rasul-Nya, dengan mengatakan: "Kami beriman kepada yang sebahagian dan kami kafir terhadap sebahagian (yang lain)", serta bermaksud (dengan perkataan itu) mengambil jalan (tengah) antara yang demikian (iman atau kafir),Mereka adalah orang-orang yang kafir sebenar-benarnya. Kami telah menyediakan untuk orang-orang yang kafir itu siksaan yang menghinakan. Orang-orang yang beriman kepada Allah dan para rasul-Nya dan tidak membeda-bedakan seorangpun antara mereka, kelak Allah akan memberikan kepada mereka pahalanya. dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Berdasarkan ayat ini mereka berpendapat, sesungguhnya perbuatan membezakan antara seorang *nabi* dan *rasul* dengan yang lainnya, adalah satu perbuatan yang boleh menjejaskan keimanan seseorang. Bahkan orang-orang yang membezakan antara para *nabi* dan *rasul* itu boleh dianggap kafir .²²⁴

²²⁴ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h,263

4.5 Keperluan kepada *Nabi dan Rasul*.

Sesungguhnya Allah S.W.T. telah mencipta manusia dan mengajarnya perkara dan dianugerahkan kepada manusia itu alat untuk mengenal dan berfikir. Firman Allah;

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُم مِّن بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ
وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Dan Allah mengeluarkan kamu daripada perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatupun, dan dia memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur.

(Surah *al-Nahl* ayat 78)

Manusia diberi keistimewaan akal berbanding dengan makhluk yang lain. Manusia juga diberi petunjuk dalam hidupnya agar mereka memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat. Manusia juga diajar agar bersikap tolong menolong dalam perkara perkara yang baik dan bertaqwa, tidak dalam persoalan permusuhan dan dosa. Maka dengan kelebihan akal, manusia mengerti bahawa mereka itu bangsa yang madani, sifatnya dalam masyarakat adalah membina kebaikan dan menutup sebarang ruang kemusnahan.

Memahami akan hakikat bahawa manusia itu tidak mungkin hidup bersendirian, melainkan dengan menyertai masyarakat yang sebangsa dengannya. Hidup bermasyarakat memerlukan kepada keadipilan dan semangat tolong menolong

yang jitu dan kukuh. Tanpa kedua prinsip ini, akan berlakulah kezaliman, perbalahan, kekacauan dan keruntuhan. Bagi tujuan inilah maka satu peruntukan undang-undang amat diperlukan. Undang-undang ini pula perlu kepada penggubal yang memiliki kebijaksanaan yang tiada tandingan, sehinggakan tiada lagi yang mampu menolak undang-undang tersebut dalam kalangan masyarakat manusia. Begitu juga undang-undang ini tidak mungkin terlaksana dalam kalangan manusia melainkan terdapatnya satu bentuk contoh ketaatan yang tiada berbelah bagi terhadap penggubal undang-undang tersebut. Mereka itulah para *rasul* yang diutus oleh Allah s.w.t bagi memenuhi keperluan manusia untuk menjadi contoh, teladan serta menjelaskan syariat yang diperuntukkan oleh Allah S.W.T. Sekiranya direnungi dengan lebih mendalam terhadap persoalan ini, terdapat banyak faktor yang menunjukkan dengan jelas betapa umat manusia ini memerlukan kepada *rasul*, antaranya,²²⁵

- i. Sekiranya manusia itu dibiarkan bersendirian tanpa diberi peringatan dan pertunjuk, nescaya mereka akan terus berada dalam kesesatan. Ini adalah disebabkan manusia lebih terdorong untuk mengikut keinginan nafsu mereka semata-mata, mementingkan diri sendiri dan suka kepada keseronokan. Perkara ini akan membawa kepada keruntuhan akhlak, kefahaman yang menyimpang serta kehidupan yang melampau. Oleh itu manusia amat memerlukan seorang *rasul* untuk memberi peringatan kepada mereka serta menunjukan kepada mereka cahaya kebenaran.

²²⁵ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah)h,275

- ii. Sesungguhnya manusia dengan fitrah kejadian mereka, tertanam persoalan ketuhanan. Allah S.W.T. menjadikan mereka untuk melihat sejauh mana kebaikan yang mereka lakukan. Sekiranya tidak diutuskan *rasul* kepada mereka bagi menerangkan persoalan balasan baik dan buruk yang menanti mereka di hari akhirat, nescaya mereka seolah-olah memiliki alasan dan hujah terhadap tuhan mereka. Firman Allah;

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لِّهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ

عَمَلًا

Sesungguhnya kami Telah menjadikan apa yang di bumi sebagai perhiasan baginya, agar kami menguji mereka siapakah antara mereka yang terbaik perbuatannya.

(Surah *al-Kahfi* ayat 7)

- iii. Manusia sebenarnya tidak berkemampuan untuk mencapai semua kebaikan dan kesempurnaan, kerana faktor-faktor naluri, nafsu, syahwat dan sikap mementingkan diri. Perlakuan mereka dalam mencari kebenaran dan kebahagiaan kadang-kadang dihiasi dengan perkara perkara yang jahat dan batil. Oleh itu, mereka amat memerlukan seorang *rasul* daripada Allah untuk membimbing mereka serta memberi peringatan.

- iv. Sesungguhnya banyak persoalan hakikat ilmiah yang amat berguna kepada manusia untuk memperbaiki jiwa dan akhlak mereka semasa hidup di dunia. Persoalan ini tidak mungkin digapai oleh akal dengan cara biasa, melainkan dengan wahyu daripada Allah S.W.T. Antanya persoalan Hari Akhirat, Syurga dan Neraka. Sekiranya tidak diutuskan seorang *rasul* yang dipilih oleh Allah ta'ala, maka hakikat perkara tersebut akan kekal sebagai ilmu ghaib dan manusia terus menerus berada dalam kehidupan yang penuh dengan unsur unsur khurafat yang berbagai.
- v. Manusia perlu sentiasa memperbaiki diri dan masyarakat mereka kepada kedudukan yang lebih baik dan mulia, dalam perkara ini mereka memerlukan contoh terbaik bagi melaksanakan tujuan murni tersebut. Maka individu yang sempurna yang layak menjadi teladan kepada manusia, adalah individu yang sentiasa memelihara dirinya daripada melakukan sebarang kesalahan. Individu seperti ini tidak mungkin didapati kalangan manusia biasa, melainkan ianya seorang *rasul* yang diutuskan oleh Alla s.w.t. Oleh kerana itu manusia sentiasa berhajat kepada kepimpinan *rasul*, yang memiliki kesempurnaan sebagai manusia dan menjadi contoh yang terbaik buat mereka.

4.6 Hukum perutusan *Nabidan Rasul*

Terdapat beberapa matlamat Allah apabila mengutuskan *nabidan rasul* kepada manusia. Matlamat kenabian dan kerasulan yang terpenting adalah supaya meeka menjadi salah satu dari hujah-hujah Allah yang jelas kepada manusia dan jin.²²⁶ Dengan tujuan menghindarkan seksaan Allah kepada mereka sebelum perutusan *nabi* dan *rasul*. Oleh itu, bumi ini tidak pernah tandus dengan hujah-hujah Allah yang maha mengetahui selama terdapat tanggungjawab yang diserahkan kepada manusia dan jin

Al-Asyā'irah berpendapat, perutusan *nabidan rasul* untuk member petunjuk dan kebahagiaan adalah harus bagi Allah S.W.T. Supaya tiada lagi alasan manusia di akhirat nanti untuk balasan buruk yang akan dikenakan kepada mereka. Perutusan ini merupakan rahmat dan kasih Allah kepada manusia di muka bumi. Firman Allah S.W.T;

رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ

عَزِيزًا حَكِيمًا

(mereka kami utus) selaku rasul-rasul pembawa berita gembira dan pemberi peringatan agar supaya tidak ada alasan bagi manusia membantah Allah sesudah diutusnya rasul-rasul itu. dan adalah Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(surah *al-Nisa'* ayat 165)

²²⁶ Wan Zailan Kamarudin(2004), *Siapa itu Nabi-Nabi*, Bentong; PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd. h.33

Al-Mu'tazilah berpendapat, wajib bagi Allah mengutuskan *nabi* dan *rasul* kepada umat manusia.²²⁷ Mereka berhujah, bahawa akal yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia walaupun mampu membezakan antara baik dan buruk dengan sebenar-benarnya tanpa dibantu oleh wahyu. Manusia masih lagi berbeza pandangan tentang sesuatu perkara, bahkan penentuan sesuatu itu baik atau buruk masih lagi bersifat relatif dan berubah-ubah dari semasa-kesemasa hingga berlaku perbalahan sesama manusia. Oleh itu, demi untuk membina kebaikan dalam kalangan manusia Allah mesti mengutuskan seorang *rasul* di muka bumi untuk memimpin dan menunjuki manusia jalan yang benar.²²⁸

Al-Ibādiyyah berpendapat perutusan seorang *rasul* oleh Allah S.W.T. kepada sesebuah umat manusia hanyalah merupakan perkara yang harus pada akal, bukanlah sesuatu yang wajib atau mustahil. Allah tuhan yang maha berkuasa tidak terikat dengan mana-mana hukum. Para *rasul* adalah kumpulan manusia yang dipilih oleh Allah untuk menyampaikan amanah kepada manusia dan dimuliakan oleh Allah dengan penerimaan wahyu ke atas mereka. Mereka adalah merupakan pemegang panji-panji kebenaran dan keadilan di muka bumi.²²⁹ Firman Allah;

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ
النَّاسُ بِالْقِسْطِ

²²⁷ Mubarak Hasan Husin(1982), *'Ilm al-Tawhid fi Daw' al-'Aqli wa al-Naqli*.Syubra; Matba'ah al-Amānah. h 386

²²⁸ *Ibid* h.390

²²⁹ Nūr al-Dīn al-Sālimi, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2, Ruwī: maktabah al-Istiḳāmah, h.284. Lihat sama Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, 'Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-'Aqīdah* j1,Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. H.132-133.

Sesungguhnya kami Telah mengutus rasul-rasul kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan Telah kami turunkan bersama mereka Al Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan.

(Surah *al-Hadīd* ayat 25)

Keharusan ini adalah berdasarkan satu kefahaman bahawa akal ini tidak mampu memahami maksud dan tanggungjawab secara keseluruhannya. Akal tidak memahami tuntutan solat dan peranannya, tuntutan puasa dan peranannya dan yang seumpama dengan keduanya. Begitu juga para *rasul*, mereka ini seumpama para tabib yang cerdik, mengetahui jenis penyakit dan ubat. Merekalah yang membantu manusia kepada petunjuk dan jalan yang lurus serta merupakan penyampai daripada Allah S.W.T.²³⁰

4.7 Tugas para Nabi dan Rasul

Sesungguhnya para *rasul* itu mempunyai beberapa tugas penting, iaitu:²³¹

i. Menyampaikan Keterangan.

Para *rasul* adalah merupakan utusan Allah S.W.T kepada seluruh alam dan membawa wahyuNya. Misi mereka yang utama adalah menyampaikan amanah

²³⁰ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-‘Aqīdah*,j.1, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania.h.132-133.

²³¹ *Op.Cit.* h 277 Lihat juga, Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-‘Aqīdah*,j.1 Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h.137-139.

yang dipikul di bahu mereka kepada para hamba. Inilah misi yang paling besar dan mencabar. Firman Allah S.W.T.:

يَأْتِيهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٦٧﴾

Hai rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu dan jika tidak kamu kerjakan (apa yang diperintahkan itu, berarti) kamu tidak menyampaikan amanat-Nya. Allah memelihara kamu daripada (gangguan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang kafir.

(Surah *al-Mā'idah* ayat 67)

Amanah ini adalah menyeru manusia kepada Allah S.W.T. Misi mereka adalah mengajak manusia merima risalah Islam dengan merealisasikannya dalam jiwa, akidah, pengucapan dan pengamalan mereka.²³²

ii. Memberi Khabar Gembira dan Peringatan Seksa.

Para *rasul* yang diutuskan oleh Allah S.W.T. berkewajipan memberitahu perkhabaran yang baik dan menggembirakan kepada kepada manusia tentang kehidupan yang baik di dunia dan di akhirat akan mendapat ganjaran dan kebahagiaan yang tidak terhingga daripada Allah . Firman Allah;

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْتَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

²³² *Ibid* h. 278

Barangsiapa yang mengerjakan amal saleh, baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, Maka Sesungguhnya akan kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan Sesungguhnya akan kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik daripada apa yang Telah mereka kerjakan.

(Surah *al-Naḥl* ayat 97)

Begitu juga dengan firman Allah .:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ أَعْمَى ﴿١٢٤﴾

Dan barangsiapa berpaling daripada peringatan-Ku, Maka Sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit, dan kami akan menghimpunkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta".

(Surah *al-Tāḥa* ayat 124)

iii. Memperbaiki diri dan menyuci jiwa

Para *rasul* mestilah menghidupkan jiwa mereka dengan wahyu Ilahi serta membersihkannya. Bagi melaksanakan tugas mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya. Firman Allah;

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَاؤُهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥٧﴾

Allah pelindung orang-orang yang beriman; dia mengeluarkan mereka daripada kegelapan (kekafiran) kepada cahaya (iman). dan orang-orang yang kafir, pelindung-pelindungnya ialah syaitan, yang mengeluarkan mereka daripadapada cahaya kepada kegelapan (kekafiran). mereka itu adalah penghuni neraka; mereka kekal dalamnya.

(Surah *al-Baqarah* ayat 257)

Firman Allah ;

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢٠٦﴾

Dia-lah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan hikmah (As Sunnah). dan Sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata,

(Surah *al-Jumu'ah* ayat 2)

iv. Memperbetulkan Akidah dan Pemikiran yang telah menyeleweng.

Sesungguhnya misi utama para *rasul* adalah memperbetulkan bentuk penyelewengan yang berlaku di zaman mereka serta memberi penjelasan agar manusia itu melihat kebenaran lalu mengikut mereka. *NabiNūh* a.s. telah menyanggah perbuatan kaumnya menyembah berhala sebagai tuhan. Begitu

juga dengan *Nabi Ibrahim* a.s. *Nabi Lūṭ* a.s telah bertindak memerangi kemungkaran yang telah berleluasa dalam kalangan kaumnya. Begitu juga *Nabi Syu'aib* a.s., memperbetulkan perbuatan kaumnya yang sering menipu dalam timbangan mereka. Firman Allah S.W.T.

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَقَالَ يَنْقُومِرِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَهِ غَيْرُهُ إِنِّي أَخَافُ

عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥٦﴾

Sesungguhnya kami Telah mengutus Nuh kepada kaumnya lalu ia berkata: "Wahai kaumku sembahlah Allah, sekali-kali tak ada Tuhan bagimu selain-Nya." Sesungguhnya (kalau kamu tidak menyembah Allah), Aku takut kamu akan ditimpa azab hari yang besar (kiamat).

(surah *al-A'arāf* ayat 35)

v. Membangunkan Hujjah.

Para *rasul* ini membangunkan hujjah kepada manusia agar manusia tiada sebarang alasan terhadap perbuatan mereka di Hari Akhirat. Firman Allah ;

رُسُلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ ۚ وَكَانَ

اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿١٦٥﴾

(mereka kami utus) selaku rasul-rasul pembawa berita gembira dan pemberi peringatan agar supaya tidak ada alasan bagi manusia membantah Allah sesudah diutusnya rasul-rasul itu. dan adalah Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(Surah *al-Nisa* ' ayat 165)

vi. Memimpin Ummah.

Para *rasul* adalah sebaik-baik pemimpin yang menjalankan tanggungjawab mereka dalam memimpin dan menguruskan kehidupan umat manusia, serta memberikan sebaik-baik hukuman kepada manusia sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. Firman Allah;

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَابِ

وَمُهَيِّمًا عَلَيْهِ ط فَاحْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ ط وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ

مِنَ الْحَقِّ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَاءَ لَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً

وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ط فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ

جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾

Dan kami Telah turunkan kepadamu Al-Quran dengan membawa kebenaran, membenarkan apa yang sebelumnya, yaitu kitab-kitab (yang diturunkan sebelumnya) dan batu ujian terhadap kitab-kitab yang lain itu; Maka putuskanlah perkara mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang Telah datang kepadamu. untuk tiap-tiap umat antara kamu, kami berikan aturan dan jalan yang terang. sekiranya Allah menghendaki, niscaya kamu dijadikan-Nya satu umat (saja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepadamu, Maka berlomba-lombalah berbuat kebajikan. Hanya kepada Allah-lah kembali kamu semuanya, lalu diberitahukan-Nya kepadamu apa yang Telah kamu perselisihkan itu,

(Surah *al-Māidah* ayat 48)

Seseorang muslim apabila menerima perintah daripada Allah dan *Rasulnya*, hendaklah memberikan ketaatan yang sepenuhnya terhadap perintah tersebut. Firman Allah;

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَنْ يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

Sesungguhnya jawaban oran-orang Mu'min, bila mereka dipanggil kepada Allah dan rasul-Nya agar Rasul menghukum (mengadili) antara mereka[1045] ialah ucapan. "Kami mendengar, dan kami patuh". dan mereka Itulah orang-orang yang beruntung.

(Surah *al-Nūr* ayat 51)

4.8 Sifat- Sifat Nabi dan Rasul

Sesungguhnya tugas sebagai seorang utusan Allah, adalah tugas yang amat penting dan berat. Oleh itu, individu yang telah dilantik oleh Allah S.W.T sebagai *rasul* perlulah memiliki corak hakikat Islam dan tahap kesempurnaan yang tinggi sebagai teladan kepada masyarakat disegenap lapisan kehidupan. Sehubungan itu, Allah S.W.T. telah menentukan para *rasul* mestilah daripada kalangan manusia yang memiliki sifat kesempurnaan insani, untuk melayakkannya memegang amanah, menjadi asas kepercayaan manusia, lambang kesucian jiwa. Maka Allah s.w.t telah mewajibkan kepada para *rasul* itu beberapa sifat yang mesti dimiliki. Dengan sifat-sifat ini tidaklah bermakna diri mereka terpisah daripada sifat-sifat manusia biasa.

Bahkan dengan sifat-sifat ini, mereka akan menjadi sumber kesempurnaan kepada manusia tanpa syak dan ragu-ragu.

Al-Asyā'irah dalam konteks ini telah membahagikan sifat-sifat ini kepada tiga bahagian iaitu;²³³

- i. Sifat yang wajib bagi para *rasul*.
- ii. Sifat yang mustahil bagi para *rasul*.
- iii. Sifat yang harus bagi para *rasul*.

Berkenaan dengan sifat-sifat yang wajib bagi para *rasul*, *al-Asyā'irah* telah merangkumkan sifat ini kepada empat sifat yang sempurna iaitu;²³⁴

1. *Al-Ṣidq/Benar*

Maksud benar ialah bertepatan cerita dengan peristiwa yang berlaku. Firman Allah;

وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّهُ كَانَ صِدِّيقًا نَبِيًّا ﴿٤١﴾

Ceritakanlah (hai Muhammad) kisah Ibrahim di dalam Al Kitab (Al Quran) ini. Sesungguhnya ia adalah seorang yang sangat membenarkan lagi seorang nabi.

(Surah *Maryam* ayat 41)

Para *rasul* mestilah bersifat benar dalam risalah ugama yang disampaikan kepada umat manusia, bersifat benar dalam menyaipakan hukum-hukum dan persoalan akidah yang diwahyukan kepada mereka.²³⁵

²³³ Mubarak Hasan Husin(1982), *'Ilm al-Tawhid fi Daw' al-'Aqli wa al-Naqli*.Syubra; Matba'ah al-Amānah. h. 406

2. *Al-Amānah.*

Maksud amanah ialah para *nabi* dan *rasul* menjaga diri mereka dari melakukan perkara-perkara haram, makruh dan perkara yang tidak layak untuk mereka. Dengan kata lain Allah S.W.T. memelihara zahir dan bati para *nabidan rasul* dari terjerumus kedalam kancah kemaksiatan samada ianya haram, makruh, dosa besar atau dosa kecil.²³⁶ Firman Allah S.W.T;

أُبَلِّغُكُمْ رِسَالَاتِ رَبِّي وَأَنَا لَكُمْ أَمِينٌ نَّاصِحٌ ﴿٦٨﴾

*Aku menyampaikan amanat-amanat Tuhanku kepadamu dan
Aku hanyalah pemberi nasehat yang terpercaya bagimu".*

(surah *al-A'arāf* ayat 68)

3. *Al-Tablīgh.*

Maksud *al-Tablīgh* ialah menyampaikan, iaitu para *rasul* menyampaikan semua perintah Allah yang diwahyukan kepadanya untuk semua manusia. Firman Allah;

يَتَأْتِيهَا الرُّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٦٧﴾

Hai rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. dan jika tidak kamu kerjakan (apa yang diperintahkan itu, berarti) kamu tidak menyampaikan amanat-Nya. Allah memelihara kamu dari (gangguan) manusia, Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang kafir.

(Surah *al-Mā'idah* ayat 67)

²³⁵ *Ibid* h.408

²³⁶ *Ibid* h.408

4. *Al-Faṭānah*

Maksud *al-faṭānah* ialah cerdik dan cerdas, dengan kata lain ia bermaksud kecerdikan dan kecerdasan akal para *rasul* dalam menyampaikan risalah ketuhanan dan menyangkal kekeliruan yang cuba digunakan oleh musuh-musuh yang menentang dakwah mereka dengan hujah-hujah yang benar²³⁷.
Firman Allah S.W.T.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُمْ بِلَاَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

(Surah *al-Nahl* ayat 125)

Al-Ibādīyyah dalam kontek ini tidak melilih untuk membincangkan sifat-sifat yang mustahil bagi para *rasul* secara terperinci. Mereka berpendapat secara logiknya apabila kita menetapkan suatu perkara keatas seseorang, maka akan ternafilah perkara yang berlawanan dengan perkara yang telah ditetapkan, contohnya kalau kita mengatakan Ali berdiri, maka secara tidak langsung kita menfikan Ali duduk. Mereka berpendapat sifat- sifat yang wajib ke atas para *rasul* ialah;²³⁸

²³⁷ *Ibid* h. 413

²³⁸ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-‘Aqīdah*, j.1. Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h.139-143. Lihat sama, Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī,

1. *Al-Ṣidq* /Benar

Para *rasul* mesti bersifat benar dalam dakwaan *kenabian* mereka, ketika menyampaikan hukum-hukum Allah s.w.t dan dalam setiap apa yang ingin mereka perkatakan kepada umat manusia. Para *Rasul* bersifat benar pada Tuhan mereka, pada diri mereka, pada manusia selain mereka, maka keseluruhan kehidupan mereka mestilah dilihat telus samada daripada sudut agama dan dunianya. Sekiranya para *rasul* tidak bersifat benar, maka mereka akan disifatkan dengan dusta pada apa yang dikhabarkan. Sekiranya ini berlaku, maka mukjizat yang dikurniakan Allah kepada mereka sebagai tanda kebenaran dakwaan mereka adalah tanda pendustaan mereka. Perkara ini adalah sesuatu yang amat mustahil. Firman Allah;

وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ إِسْمَاعِيلَ إِنَّهُ كَانَ صَادِقَ الْوَعْدِ وَكَانَ رَسُولًا نَبِيًّا

Dan Ceritakanlah (hai Muhammad kepada mereka) kisah Ismail (yang tersebut) dalam Al-Quran. Sesungguhnya ia adalah seorang yang benar janjinya, dan dia adalah seorang Rasul dan nabi.

(Surah *Maryam* ayat 54)

Ayat ini jelas menunjukkan kebenaran seseorang *rasul* yang diutuskan oleh Allah S.W.T., maka tidak ada jalan bagi manusia meragui akan kebenaran seseorang *Rasul* yang diutuskan.

(2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h.279 -282. Lihat juga Nūr al-Dīn al-Sālīmi, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2, Ruwī: maktabah al-Istiqāmah, h.289-294

2. Al-Amānah.

Adalah satu perkara yang tidak mungkin berlaku bahawa seseorang yang bergelar *rasul* itu melakukan pengkhianatan. Kerana pengkhianat tidak layak untuk menjadi utusan bahkan manusia sendiri tidak mungkin melantik seorang pengkhianat sebagai wakil atau utusan mereka. Allah S.W.T. sendiri telah menafikan perlakuan khianat para *rasul* pilihannya. Firman Allah;

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَغُلَّ وَمَنْ يَغُلَّ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ نَفْسٌ مَّا
كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦١﴾

Tidak mungkin seorang nabiberkhianat dalam urusan harta rampasan perang. barangsiapa yang berkhianat dalam urusan rampasan perang itu, Maka pada hari kiamat ia akan datang membawa apa yang dikhianatkannya itu, Kemudian tiap-tiap diri akan diberi pembalasan tentang apa yang ia kerjakan dengan (pembalasan) setimpal, sedang mereka tidak dianiaya.

(Surah *Āli 'Imran* ayat 161)

3. Al-Tablīgh.

Sesungguhnya adalah menjadi kewajipan para *rasul* untuk menyampaikan segala apa yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. untuk disampaikan, walau mereka terdedah kepada ancaman kebinasaan. Para *rasul* tidak menyembunyikan sesuatu apa jua pun untuk kepentingan mereka sendiri, atau memohon ganjaran upah terhadap pekerjaan tersebut. Firman Allah;

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهُهُ وَاحِدٌ ۗ فَمَن كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ ۗ
 فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ ۗ أَحَدًا ﴿١١٠﴾

Katakanlah: Sesungguhnya Aku Ini manusia biasa seperti kamu, yang diwahyukan kepadaku: "Bahwa Sesungguhnya Tuhan kamu itu adalah Tuhan yang Esa". barangsiapa mengharap perjumpaan dengan Tuhannya, Maka hendaklah ia mengerjakan amal yang saleh dan janganlah ia mempersekutukan seorangpun dalam beribadat kepada Tuhannya".

(Surah *al-Kahfi* ayat 110)

Firman Allah S.W.T..

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنِ أَجْرِي إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٤٥﴾

Dan Aku sekali-kali tidak minta upah kepadamu atas ajakan itu, upahku tidak lain hanyalah daripada Tuhan semesta alam.

(Surah *al-Syu'arā* ayat 145)

Para *rasul* tidak menyembunyikan sesuatu pun daripada risalah Allah, tidak juga melambatkan urusan dakwah disebabkan oleh keadaan atau kekeliruan atau dengan sebab takut berlaku pertembungan dengan hawa nafsu manusia. Firman Allah;

فَأَصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٤٦﴾

Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terangan segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah daripada orang-orang yang musyrik.

(Surah *al-Hijr* ayat 94)

4. *Al-'Aql*

Kesempurnaan para *rasul* itu adalah disebabkan kedudukan kematangan akal yang tinggi melebihi manusia lain. Perkara inilah yang menjadikan kedudukan ketinggian mereka dalam kalangan manusia daripada sudut mengetahui dan memahami syaria't Allah S.W.T. dan memahami kebesaran penciptaan tuhan terhadap alam. Dengan sebab itu adalah tidak boleh diterima akal, para *rasul* terkena penyakit gila atau yang seumpamanya. Allah S.W.T. berfirman dalam surah *al-Saba'*, menafikan tuduhan musyrikin terhadap *Rasulullah* s.a.w..

أَفْتَرَىٰ عَلَىٰ اللَّهِ كَذِبًا أَمْ بِهِ جِنَّةٌ ۗ بَلِ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ فِي الْعَذَابِ وَالضَّلَالِ

الْبَعِيدِ ﴿٨﴾

Apakah dia mengada-adakan kebohongan terhadap Allah ataukah ada padanya penyakit gila?" (Tidak), tetapi orang-orang yang tidak beriman kepada negeri akhirat berada dalam siksaan dan kesesatan yang jauh.

(Surah *al-Saba'* ayat 8)

Sesungguhnya orang-orang musyrik itu amat mengetahui bahawa *rasul* amat cerdas dan sempurna akalnya. Firman Allah S.W.T.

أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا مَا بِصَاحِبِهِمْ مِّنْ جِنَّةٍ ۗ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١٤﴾

Apakah (mereka lalai) dan tidak memikirkan bahwa teman mereka (Muhammad) tidak berpenyakit gila. dia (Muhammad itu) tidak lain hanyalah seorang pemberi peringatan lagi pemberi penjelasan.

(Surah al-A'arāf ayat 184)

Sekiranya para *rasul* itu harus terkena penyakit gila, maka perkara-perkara yang disampaikan oleh mereka akan berhadapan dengan risiko kecacatan sama ada berita yang disampaikan tidak sempurna atau hukuman yang dijatuhkan tidak menepati kehendak Allah S.W.T. Perkara seperti ini adalah ternyata tidak dapat diterima berdasarkan nas nas daripada al Quran.

5. Al-Ḍabṭ /Kuat Ingatan.

Sesungguhnya para *rasul* itu mempu memelihara sesuatu perkara itu dengan baik di ingatan mereka tanpa menambah, mengurangi, lalai dan lupa. Sekiranya para *Rasul* bersifat pelupa atau lalai terhadap apa yang diperintahkan keatas mereka tentang syari'at Allah S.W.T., nescaya ada kemungkinan syari'at yang diamalkan pada masa ini ada kekurangan dan kepalsuan. Namun begitu perkara ini bertentangan dengan firman Allah S.W.T.

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخَنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ
وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ
وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ۚ ذَلِكُمْ فِسْقٌ ۗ الْيَوْمَ يَيسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا

تَخْشَوْهُمْ وَأَحْشَوْنَ الْعَالَمِ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ

الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمِهِ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging hewan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang terpukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelinya, dan (diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala. dan (diharamkan juga) mengundi nasib dengan anak panah, (mengundi nasib dengan anak panah itu) adalah kefasikan. pada hari ini orang-orang kafir Telah putus asa untuk (mengalahkan) agamamu, sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. pada hari Ini Telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan Telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan Telah Ku-ridhai Islam itu jadi agama bagimu. Maka barang siapa terpaksa Karena kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah *al-Māidah* ayat 3)

6. *Al-Faṭānah* /Cerdik

Para *rasul* semestinya memiliki sifat *al-faṭānah*, kerana mereka sering berhadapan dengan hujah-hujah yang dikemukakan kepada mereka. Mereka juga sentiasa bertemu dengan orang-orang yang berbeza tahap kecerdikan dan pemikiran.

Kecerdikan mesti ada pada diri seseorang *Rasul* untuk mematahkan hujah musuh. Seperti mana yang berlaku dalam kisah *Nabi Musa* ketika berhadapan dengan *Fir'aun*. Ketika mana *Fir'aun* bertanya tentang Allah, tuhan yang tidak dapat dilihat dihadapan rakyatnya. Maka *Musa* menjawab dengan kecerdikan yang dimilikinya, hingga menyebabkan *Fir'aun* tergumam lidah. Firman Allah S.W.T.;

قَالَ فِرْعَوْنُ وَمَا رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٢٣﴾ قَالَ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنَّ كُنْتُمْ مُوقِنِينَ ﴿٢٤﴾

Fir'aun bertanya: "Siapa Tuhan semesta alam itu?" Musa menjawab: "Tuhan Pencipta langit dan bumi dan apa-apa yang antara keduanya (Itulah Tuhanmu), jika kamu sekalian (orang-orang) mempercayaiNya".

(Surah *Syu'arā'* ayat 23-24)

Jawapan yang diberikan oleh *Nabi Musa* ini, sebenarnya adalah peluang baginya untuk menceritakan perkara perkara yang lain tentang Allah s.w.t. Sesungguhnya sifat cerdik ini mesti ada pada sekalian *rasul* adalah berdasarkan firman Allah S.W.T.;

وَتِلْكَ حُجَّتُنَا آتَيْنَاهَا إِبْرَاهِيمَ عَلَىٰ قَوْمِهِ ۖ نَرْفَعُ دَرَجَاتٍ مَّن نَّشَاءُ ۗ إِنَّ رَبَّكَ حَكِيمٌ عَلِيمٌ ﴿٨٣﴾


Dan Itulah hujah kami yang kami berikan kepada Ibrahim untuk menghadapi kaumnya. kami tinggikan siapa yang kami kehendaki beberapa derajat. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.

(Surah *al-An'am* ayat 83)

Sekiranya para *rasul* itu harus bersifat lemah fikiran, nescaya tidak mungkin mereka dapat membuat hujah hujah yang bernas dan mantap ketika berbahas, perkara ini adalah sesuatu yang tidak layak bagi seorang *rasul*.

7. *Al-‘Iṣmah.* / Maksimum

Sesungguhnya para *rasul* wajib memelihara diri mereka daripada melakukan dosa, samada dosa kecil atau besar, terutamanya selepas mereka dilantik menjadi *rasul*. *Al-Ibādiyyah* berpendapat maksimum bermaksud kekuatan dalaman para *nabi* dan *rasul* untuk melakukan ketaatan serta mengekang diri mereka dari melakukan maksiat pada Allah.²³⁹ Perkara ini adalah sangat penting dalam Islam kerana ia menentukan kedudukan seseorang individu dalam masyarakat. Menurut al-Quran manusia adalah makhluk yang lemah meliputi mental dan fizikal, Firman Allah S.W.T.

 يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُخَفِّفَ عَنْكُمْ ۖ وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا

*Allah hendak memberikan keringanan kepadamu, dan manusia
dijadikan bersifat lemah*

(Surah *al-Nisa* ‘ ayat 28)

Kelemahan pada diri manusia adalah disebabkan kecenderungan mereka menurut hawa nafsu dan sering dilanda kesusahan dan dukacita. Oleh itu mereka perlu bergantung kepada orang yang maksimum, iaitu orang yang terpelihara dari melakukan dosa bagi mengatur hidup mereka.

²³⁹ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah)h. 290

Nūr al-Dīn al-Sālimi, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2. Ruwī: maktabah al-Istiḳāmah, h.301

Al-Asyā'irah berpendapat maksum ialah kekuasaan para nabi dan rasul melakukan ketaatan dan tidak berkemampuan melakukan keingkaran.²⁴⁰ Mereka mengatakan para nabi dan rasul adalah maksum di sisi Allah S.W.T daripada melakukan sebarang kesalahan dan dosa dengan daya usaha mereka sendiri.

Berhubung dengan persoalan maksum juga terdapat banyak pendapat ulama' dari beberapa mazhab. Disini penulis membawakan pendapat mereka secara umum. Secara keseluruhannya *al-Khawarij* berpendapat para *nabi* dan *rasul* tidak maksum, dan diharuskan melakukan dosa kecil, besar dan kufur. *Syiah al-Imamiyyah* pula berpendapat para *nabi* dan *rasul* termasuk para imam adalah maksum daripada semua aspek. *Al-Mu'tazilah* juga berpendapat sedemikian. Bagaimanapun mereka terbahagi dua. Sebahagian ulama' di Samarkhand membersihkan para nabi secara menyeluruh, manakala yang lain mengharuskan dosa kecil secara tidak sengaja. *Al-Murjia'h* terbahgi kepada dua kerana ada kumpulan mngharuskan dosa besar manakala yang lain mengharuskan dosa kecil sahaja. Kebanyakan ulama' *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* mendiamkan diri kerana al-Quran dan al-Hadith mengandungi unsur-unsur saling bertentangan. Bagaimanapun ada juga yang mengharuskan dosa kecil, besar dan kafir, tetapi secara umumnya, kebanyakan ulama mempercayai kemaksuman para nabi dan rasul daripada semua dosa, maksiat dan kesalahan. Al-Quran sendiri membentangkan bukti-bukti kemaksuman para nabi dan rasul²⁴¹

²⁴⁰ Wan Zailan Kamarudin(2004), *Siapa itu Nabi-Nabi*, Bentong; PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd. h.51

²⁴¹ *Ibid*.h.223

Sifat Mustahil bagi para Rasul

Sifat mustahil bermaksud, sifat-sifat yang tidak layak ada pada para *rasul*. Sifat mustahil ialah sifat yang berlawanan daripadapada sifat wajib. Sifat sifatnya ialah;²⁴²

1. *Al-Kidhb* /Pendusta

Dusta bermaksud, tidak bertepatan antara satu satu perkhabaran dengan realiti yang berlaku. Mustahil bagi para *rasul* itu bersifat dusta setelah mereka itu bersifat benar. Bahkan pendustaan adalah merupakan salah satu sifat keji yang tidak diterima dan dikeji oleh Islam sendiri. Ianya juga merupakan sifat orang-orang musyrik. Maka bagaimanakah Allah s.w.t suka kepada para *nabidan rasul* yang bersifat dusta. Firman Allah S.W.T.;

بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي تَكْذِيبٍ


Sesungguhnya orang-orang kafir selalu mendustakan,

(Surah *al-Burūj* ayat19)

2. *Al-Junūn* /Gila.

Gila bermaksud hilangnya fungsi akal sehingga tidak dapat melakukan atau memperkatakan sesuatu dengan betul melainkan sekali sekala. Perkara ini adalah mustahil bagi para *rasul*. Firman Allah S.W.T.;

²⁴² Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-‘Aqīdah*, j.1. Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania.h.143-144. Lihat juga Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah)h,279 -282-283 Nūr al-Dīn al-Sālimi, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2. Ruwī: maktabah al-Istiqāmah, h.294-295



Dan temanmu (Muhammad) itu bukanlah sekali-kali orang yang gila.

(Surah *al-Takwīr* ayat 22)

3. *Irtikāb al-rayb* /Melakukan perkara meragukan

Keraguan adalah perkara perkara yang boleh menyebabkan timbulnya tohmahan dan penderhakaan. Para *rasul* tidak mungkin memiliki sifat ini, kerana mereka merupakan tempat ambilan hukum dan pedoman dalam kehidupan manusia.

Sifat harus bagi para Rasul

Dalam kontek sifat yang harus ini, *al-Ibadiyyah* dan *al-Asya'irah* sependapat bahwa para *rasul* adalah merupakan manusia yang sentiasa berhajat untuk memenuhi sifat kemanusiaan mereka yang baik. Oleh itu adalah harus bagi mereka melakukan atau meninggalkan sesuatu perkara. Walaubagaimanapun *al-Asyā'irah* mengecualikan beberapa perkara yang harus berlaku pada para *rasul*, antaranya ialah;²⁴³

- i. Para *rasul* tidak harus bermimpi melakukan persetujuan
- ii. Para *rasul* tidak harus mengalami penyakit-penyakit yang boleh menjejaskan kredibility dan merendahkan martabat mereka sebagai seorang *rasul* yang dipilih oleh Allah S.W.T.

²⁴³ Mubarak Hasan Husin(1982), '*Ilm al-Tawhid fi Daw' al-'Aqli wa al-Naqli*.Syubra; Matba'ah al-Amānah. h.415

Harus bagi *rasul* bermakna, para *rasul* boleh melakukan sesuatu atau meninggalkan daripada melakukan sesuatu perkara berdasarkan keinginan mereka sebagai seorang manusia. Makan, minum, tidur, melakukan hubungan seks, bergaul dengan semua manusia, berjalan-jalan di mana-mana tempat dan yang lain dari itu mengikut rasa mereka yang tidak menyalahi syariat dan tidak pula menimbulkan syak wasangka manusia lain.²⁴⁴ Firman Allah S.W.T.

وَقَالُوا مَالِ هَذَا الرَّسُولِ يَأْكُلُ الطَّعَامَ وَيَمْشِي فِي الْأَسْوَاقِ لَوْلَا أَنْزَلَ إِلَيْهِ
مَلَكٌ فَيَكُونُ مَعَهُ نَذِيرًا ﴿٧٠﴾

Dan mereka berkata: "Mengapa Rasul itu memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar? Mengapa tidak diturunkan kepadanya seorang malaikat agar malaikat itu memberikan peringatan bersama- sama dengan dia?,

(Surah *al-Furqān* ayat 70)

Firman Allah S.W.T.:

أَوْ يَكُونُ لَكَ بَيْتٌ مِّنْ زُخْرٍ أَوْ تَرْقَىٰ فِي السَّمَاءِ وَلَنْ نُؤْمِنَ لِرُقِيِّكَ حَتَّىٰ تُنَزَّلَ عَلَيْنَا
كِتَابًا نَّقْرُؤُهُ ﴿٧١﴾ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّيَ هَلْ كُنْتُ إِلَّا بَشَرًا رَسُولًا ﴿٧٢﴾

Atau kamu mempunyai sebuah rumah daripada emas, atau kamu naik ke langit. dan kami sekali-kali tidak akan mempercayai kenaikanmu itu hingga kamu turunkan atas kami sebuah Kitab yang

²⁴⁴ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-‘Aqīdah*,j.1. Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h.144. Lihat sama Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī* . (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah)h,283, Nūr al-Dīn al-Sālimi, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2 Ruwī: maktabah al-Istiqāmah, h.294-295

*kami baca". Katakanlah: "Maha Suci Tuhanku, bukankah Aku Ini
Hanya seorang manusia yang menjadi rasul?"*

(Surah *al-Isra'* ayat 93)

4.9 Kelebihan antara para Nabi dan Malaikat.

Al-Ibādiyyah telah bersepakat bahawa para *nabi* dan *rasul* itu lebih utama daripada malaikat. Kerana Allah S.W.T. telah memerintahkan para malaikat agar sujud sebagai tanda menghormati Adam a.s. Begitu juga terhentinya perjalan malaikat Jibril apabila sampai di satu tahap, ketika peristiwa *al-mi'rāj*. Terdapat juga pendapat yang mengatakan para malaikat lebih utama berbanding para *rasul* dengan hujjah bahawa para malaikat ini setiap masa asyik bezikir dan bertasbih kepada Allah S.W.T.²⁴⁵

4.10 Kesimpulan.

Daripada kajian tentang konsep *kenabian* dan *kerasulan* yang telah dilakukan, dapatlah dirumuskan bahawa al-Quran menunjukkan perkataan *nabi* dan *rasul* tidak mempunyai perbezaan yang besar melainkan beberapa aspek. Secara perbandingan, ia menunjukkan perkataan *rasul* lebih ditekankan cabaran dan tribulasi yang dihadapi oleh mereka, ketaatan, keingkaran serta fungsi mereka dalam

²⁴⁵ *Ibid.* h 145.
Ibid. h. 145

sesebuah masyarakat. Umumnya, al-Quran menggambarkan peranan kedua-duanya yang terpenting iaitu pemberi berita gembira dan siksa.

Berhubung dengan ciri-ciri *kenabian*, terutama dari sudut sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi *rasul* terdapat sedikit perbezaan antara ulama' *al-Ibādiyyah* dan *al-Asyā'irah*. Begitu juga tentang bilangan *rasul Ulu al-azmi*, ia merujuk kepada para *rasul* yang mempunyai kecekalan hati dan kesabaran ketika menghadapi tindakan kaum mereka, dan mereka terdiri daripada lima orang yang merupakan ketua para *nabi* dan *rasul*.

Dalam aspek keimanan al-Quran mewajibkan manusia beriman dengan kesemua *nabi* dan *rasul* tanpa wujud sebarang perbezaan antara mereka. Kepentingan mereka kepada umat manusia adalah berdasarkan kemampuan akal manusia yang terbatas dalam memahami perkara-perkara ghaib dan yang nyata, dan ia boleh dibahagikan kepada dua faktor, pertama *nabi* dan *rasul* sebagai hujah Allah S.W.T kerana azab Allah hanya akan dikenakan selepas mereka diutus kepada umat manusia. Kedua *nabi* dan *rasul* sebagai tanda kemuliaan dan rahmat bagi seluruh alam.

Berhubung dengan persoalan maksum, al-Quran menjelaskan maknanya iaitu pemeliharaan dan perlindungan, tetapi perbezaan pendapat dalam kalangan ulama' timbul dalam menanggapi makna istilahnya kerana sebahagian besar ulama' menekankan kebebasan dalam melakukan sesuatu perbuatan menurut kehendak mereka manakala yang lain berpendapat sebaliknya. Perkataan maksum dalam

bentuk kata nama itu sendiri tidak terdapat dalam al-Quran. Tujuan maksud bagi para nabi adalah untuk menunjukkan hikmah Allah S.W.T menjadikan mereka sebagai petunjuk kearah kebenaran kerana al-Quran menyatakan merekalah makhluk yang paling sempurna dalam segala aspek.

Al-Quran juga menegaskan para *nabi* dan *rasul* hanya berbicara menerusi wahyu yang merupakan arahan dan petunjuk dari Allah S.W.T. dan bukan dari diri mereka sendiri. Wahyu yang diterima oleh mereka adalah dalam bentuk yang sama kerana punca dan matlamatnya sama. Begitu juga dengan kelebihan dan kemuliaan para *na bi* dan *rasul* berbanding para malaikat.

BAB KELIMA

5.0 *Al-Ghaybiyyāt*

Al-Ghaybiyyāt adalah perkhabaran bersangkutan dengan ‘alam akhirat, ianya tergolong dalam perkara yang hanya diketahui oleh Allah S.W.T. sahaja. Persoalan ini terletak jauh di luar kemampuan akal dan pancaindera manusia. Keyakinan dan keimanan terhadap persoalan ini hanya bergantung kepada wahyu Allah S.W.T. yang disampaikan oleh para *rasul* melalui hadith-hadith yang menyentuh persoalan ini. Ianya juga merupakan salah satu daripada ciri-ciri keistimewaan orang-orang yang beriman. Sebagaimana firman Allah S.W.T.

الْم ﴿١﴾ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ ۗ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾

Alif lām mīn. Kitab (Al-Quran) Ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertaqwa,* (yaitu) mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan shalat, dan menafkahkan sebahagian rezki yang kami anugerahkan kepada mereka.*

(Surah *al-Baqarah* ayat 1-3)

Perkataan *al-ghayb* dalam ayat ini bermaksud semua perkara yang tiada cara untuk mengetahuinya melainkan melalui perkhabaran yang benar melalui para *rasul* yang diutuskan oleh Allah S.W.T.²⁴⁶ Terdapat berbagai perkara yang hanya diketahui melalui wahyu Allah S.W.T. Perkara ini masih lagi tertutup daripada pancaindera manusia, kewujudannya hanya diketahui oleh Allah seperti perkhabaran tentang tanda-tanda hari kiamat, perkara-perkara yang akan dilalui oleh manusia selepas kematian mereka, berlakunya hari kiamat, dikembalikan ruh ke jasad, *al-ḥisāb*, *al-mīzān*, *al-ṣirāt*, syurga dan neraka. Semua persoalan ini, sekiranya tanpa wahyu Allah S.W.T. tentang berlakunya, tidak mungkin akan terfikir oleh akal manusia untuk beriman dengannya.

Akal sendiri tidak mampu untuk menggambarkan kewujudannya bahkan memikirkannya walau sedikitpun, kerana ianya belum ada lagi. Tiada seorang manusia pun pernah melaluinya sehingga mampu menggambarkannya secara kiasan. Oleh kerana itulah perkara ini dinamakan *al-ghaibiyāt*. Kadang-kala dinamakan juga sebagai *al-Sam'iyāt*. Kerana tiada cara mengetahuinya melainkan dengan meneliti wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T.

5.1 Hikmah beriman dengan *al-Ghaybiyyāt*

Beriman dengan perkara-perkara ghaib merupakan titik pemisah antara orang yang mempunyai jiwa yang bersih, akal yang sihat yang mengakui adanya Allah

²⁴⁶ Muslim bin Sālim bin 'Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-'Aqdī 'ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h.294

S.W.T, tuhan yang mentadbir urusan tersebut, dengan orang yang gelap hatinya, lemah jiwanya, tertutup akalnya dan ragu hatinya yang tidak mahu memahami dan mengakui kewujudannya melainkan apa yang boleh dicapai oleh indera mereka yang terhad.

Orang-orang yang beriman dengan *al-ghayb* akan menggerakkan ruh, akal dan fikiran mereka untuk meneliti ciptaan Allah S.W.T. Mereka mengakui tujuan hidup mereka bukanlah semata-mata untuk memenuhi tuntutan syahwat dan bersaing untuk menikmatinya. Sementara orang yang mendustakan *al-ghayb* tidak memahami tujuan hidup mereka melainkan mengikut tuntutan perasaan dan memenuhi keinginan nafsu yang tidak pernah kenyang. Daripada sini kita dapati tingkah laku manusia yang berbagai-bagai dan penilaian mereka juga berbeza-beza.

Seorang manusia yang beriman sentiasa berwaspada terhadap dirinya dan setiap perkara yang dilakukannya. Mereka lebih mengutamakan keikhlasan amalan yang dilakukan semata-mata kerana Allah dan bertindak berdasarkan landasan yang digariskan oleh tuhan mereka, kerana meyakini akan pengakhiran mereka di hari akhirat.

Beriman dengan *al-ghayb* merupakan kaedah utama menggalakkan manusia mengamalkan ajaran Islam sejajar dengan kefahaman mereka terhadap tujuan hidup mereka menuju Allah S.W.T. Beriman dengan hari akhirat juga menjadikan manusia itu melakukan persediaan untuk hari tersebut, yang mana ianya merupakan tunjang kehidupan manusia setelah beriman kepada Allah S.W.T. Sesungguhnya seorang

manusia itu apabila dia beriman kepada Allah, tuhan yang memulakan kejadian mereka daripada tiada kepada ada, mereka menikmati segala curahan nikmat yang dikurniakan, dilantik menjadi khalifah di muka bumi, dijadikan sekalian makhluk di bawah urustadbirnya, melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala laranganNya sebagai mana yang diperintahkan. Apabila ditunaikan segalanya, inilah yang di namakan taat kepada Allah S.W.T.

5.2 *Al- Mawt* /Kematian

Al- Mawt adalah merupakan perpisahan antara ruh dan jasad mengikut tempoh waktu yang ditentukan oleh Allah sejak azali tanpa dipercepat atau dianjakkan walau sesaat.²⁴⁷ Firman Allah S.W.T.

قُلْ لَّا أَمْلِكُ لِنَفْسِي ضَرًّا وَلَا نَفْعًا إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ لِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ إِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ
فَلَا يَسْتَعْجِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٤٩﴾

Katakanlah: "Aku tidak berkuasa mendatangkan kemudharatan dan tidak (pula) kemanfaatan kepada diriku, melainkan apa yang dikehendaki Allah". tiap-tiap umat mempunyai ajal. Apabila Telah datang ajal mereka, Maka mereka tidak dapat mengundurkannya barang sesaatpun dan tidak (pula) mendahulukannya).

(Surah Yunus ayat 49)

²⁴⁷ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al- ‘Aqīdah*, j.1, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h 123.

Manusia tidak mungkin dapat memahami hakikat *al- Mawt*, ini adalah disebabkan persoalan ruh hanya diketahui hakikatnya oleh Allah S.W.T.. Walaubagaimanapun manusia wajib mempercayai dan beriman tentang kebenarannya. Sesungguhnya Allah s.w.t adalah tuhan yang menghidupkan dan mematikan. Manusia tidak mempunyai sebarang keistimewaan untuk lari daripada *al- Mawt* walau sehebat manapun kecanggihan teknologi kesihatan yang di miliki oleh mereka. Firman Allah S.W.T.

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكْكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشِيدَةٍ ۗ وَإِنْ تُصِيبَهُمْ حَسَنَةٌ ۗ
يَقُولُوا هَذِهِ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ ۗ وَإِنْ تُصِيبَهُمْ سَيِّئَةٌ يَّقُولُوا هَذِهِ مِّنْ عِنْدِكَ ۗ قُلْ كُلٌّ مِّنْ ۗ
عِنْدِ اللَّهِ ۗ فَمَالِ هَؤُلَاءِ الْقَوْمِ لَا يَكَادُونَ يَفْقَهُونَ حَدِيثًا ۝

Di mana saja kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu, kendatipun kamu dalam benteng yang Tinggi lagi kokoh, dan jika mereka memperoleh kebaikan, mereka mengatakan: "Ini adalah daripada sisi Allah", dan kalau mereka ditimpa sesuatu bencana mereka mengatakan: "Ini (datangnya) daripada sisi kamu (Muhammad)". Katakanlah: "Semuanya (datang) daripada sisi Allah". Maka Mengapa orang-orang itu (orang munafik) hampir-hampir tidak memahami pembicaraan sedikitpun?

(Surah *al-Nisa* ' ayat 78)

Allah S.W.T. tuhan yang mencipta kehidupan dan kematian telah menyerahkan tugas kepada para malaikat untuk melaksanakan berbagai

tanggungjawab di alam ciptaanNya. Maka tanggungjawab melaksanakan tugas mencabut nyawa diamanahkan kepada Malaikat Maut. Firman Allah;

قُلْ يَتَوَفَّكُم مَّلَكُ الْمَوْتِ الَّذِي وُكِّلَ بِكُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ ﴿١١﴾

Katakanlah: "Malaikat maut yang diserahi untuk (mencabut nyawa)mu akan mematikanmu, Kemudian Hanya kepada Tuhanmulah kamu akan dikembalikan."

(Surah *al-Sajadah* ayat 11)

Malaikat maut merupakan ketua, dibawahnya terdapat ribuan malaikat yang menjalankan tugas tersebut.²⁴⁸

5.2.1. Ruh Orang Beriman.

Berdasarkan pernyataan ayat-ayat al-Qurān, ruh orang yang beriman akan dicabut dengan penuh kelembutan. Firman Allah S.W.T.

الَّذِينَ تَتَوَفَّوهُمْ الْمَلَائِكَةُ طَيِّبِينَ يَقُولُونَ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ ادْخُلُوا الْجَنَّةَ بِمَا كُنْتُمْ

تَعْمَلُونَ ﴿٣٢﴾

orang-orang yang diwafatkan dalam keadaan baik oleh para malaikat dengan mengatakan (kepada mereka): "Salaamun'alaikum, masuklah kamu ke dalam syurga itu disebabkan apa yang Telah kamu kerjakan".

(Surah *al-Nahl* ayat 32)

²⁴⁸ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-‘Aqīdah*, j.1 Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h 124.

Ayat ini menjelaskan berita gembira bagi orang beriman bahawa malaikat maut akan menemani mereka pada hari nyawa mereka dicabut dengan memberi kemudahan dan ketenangan ketika berhadapan dengan *sakarāt al-maut*.²⁴⁹

5.2.2 Ruh orang kafir.

Ruh orang-orang kafir dan fasik akan disentak dengan sentapan yang keras dan mengerikan, malaikat maut akan memukul muka dan dubur mereka dengan sekerasnya. Mereka merasa seperti gegaran yang hebat dan hampir pingsan. Malaikat maut melihat mereka dengan penuh kemarahan dengan mempamerkan rupa yang menggerunkan sehingga kecut hati mereka, mereka merasa gelisah kerana apa yang datang lebih buruk daripada apa yang telah mereka lepaskan.²⁵⁰ Firman Allah S.W.T.

وَلَوْ تَرَىٰ إِذْ يَتَوَفَّى الَّذِينَ كَفَرُوا الْمَلَائِكَةُ يَضْرِبُونَ وُجُوهَهُمْ وَأَدْبَارَهُمْ وَذُوقُوا
عَذَابَ الْحَرِيقِ ﴿٥٠﴾

Kalau kamu melihat ketika para malaikat mencabut jiwa orang-orang yang kafir seraya memukul muka dan belakang mereka (dan berkata): "Rasakanlah olehmu siksa neraka yang membakar", (tentulah kamu akan merasa ngeri).

(Surah *al-Anfāl* ayat 50)

²⁴⁹ *Ibid* h. 124

²⁵⁰ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-‘Aqīdah*, j.1, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h 124.

²⁵⁰ *Ibid* h. 124

5.3 Al-Barzakh.

Perkataan *al-Barzakh* daripada sudut bahasa, berasal daripada kalimah Arab bermaksud dinding antara dua perkara.²⁵¹ Dari segi istilah bermaksud tempat antara kematian dan kebangkitan.²⁵² Maka barang siapa yang telah mati, dia masuk ke alam barzakh. Firman Allah S.W.T.

لَعَلِّيْ أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٠٠﴾

Agar Aku berbuat amal yang saleh terhadap yang Telah Aku tinggalkan sekali-kali tidak. Sesungguhnya itu adalah perkataan yang diucapkannya saja. dan di hadapan mereka ada dinding sampai hari mereka dibangkitkan.

(Surah *al-Mu'minūn* ayat 100)

Allah S.W.T. berfirman;

فَبَعَثَ اللَّهُ غُرَابًا يَبْحَثُ فِي الْأَرْضِ لِيُرِيَهُ كَيْفَ يُورِي سَوْءَةَ أَخِيهِ قَالَ يَا وَيْلَتَى أَعَجَزْتُ أَنْ أَكُونَ مِثْلَ هَذَا الْغُرَابِ فَأُوْرِي سَوْءَةَ أَخِي فَأَصْبَحَ مِنَ النَّادِمِينَ ﴿٣١﴾

“Kemudian Allah menyuruh seekor burung gagak menggali-gali di bumi untuk memperlihatkan kepadanya (Qabil) bagaimana seharusnya menguburkan mayat saudaranya. Berkata Qabil: "Aduhai celaka aku, Mengapa Aku tidak mampu berbuat seperti burung gagak ini, lalu Aku dapat menguburkan mayat saudaraku ini?" Karena itu jadilah dia seorang antara orang-orang yang menyesal.”

(Surah *al-Ma'idah* ayat 31)

²⁵¹ *Ibid.* h 124.

²⁵² *Ibid.* h.125

Ayat ini menerangkan bagaimana Allah S.W.T. mengajar manusia agar memuliakan orang yang telah mati dengan mengajar mereka supaya menguburkannya dalam tanah supaya jasad mereka tidak dibiarkan sebagaimana bangkai binatang. Memuliakan jasad orang yang telah mati ini juga disebut oleh Allah dalam ayat yang lain sebagaimana firman Allah S.W.T.

ثُمَّ أَمَاتَهُ فَأَقْبَرَهُ

Kemudian dia mematikannya dan memasukkannya ke dalam kubur,

(surah 'Abbasa ayat 21)

Al-Qabr adalah merupakan tempat persemadian anak-anak Adam sementara menunggu Hari Kiamat. *Al-Qabr* merupakan salah satu daripada perkara-perkara ghaib yang menjadi perbincangan dalam bidang usuluddin. *Al-Qabr* juga dikenali dengan nama *al-Barzakh*.

Namun di sini penulis bukanlah bertujuan untuk membincangkan persoalan *al-Barzakh* menurut pandangan sendiri, tetapi penulis ingin mengetengahkan pemikiran mazhab *al-Ibādīyah* dalam persoalan ini. Memandangkan terdapat banyak ayat al-Qurān dan al-Hadith menyentuh persoalan 'Ālam *al-Barzakh*, azab dan nikmatnya. Persoalan ini juga tidak lari daripada perbincangan ulama'-ulama' mazhab ini. Firman Allah S.W.T;

قَالُوا رَبَّنَا أَمَتْنَا اثْنَتَيْنِ وَأَحْيَيْتَنَا اثْنَتَيْنِ فَاعْتَرَفْنَا بِذُنُوبِنَا فَهَلْ إِلَى خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ

Mereka menjawab: "Ya Tuhan kami Engkau Telah mematikan kami

dua kali dan Telah menghidupkan kami dua kali (pula), lalu kami

mengakui dosa-dosa kami. Maka Adakah sesuatu jalan (bagi kami) untuk keluar (daripada neraka)?"

(Surah *al-Ghafir* ayat 11)

Kehidupan dua kali dalam ayat ini bermaksud kehidupan di ‘*Ālam al-Barzakh* untuk disoal.²⁵³ Dalam surah yang sama juga Allah S.W.T. berfirman;

النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا^ط وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا آلَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ ﴿٤٦﴾

Kepada mereka dinampakkan neraka pada pagi dan petang, dan pada hari terjadinya kiamat. (Dikatakan kepada malaikat): "Masukkanlah Fir'aun dan kaumnya ke dalam azab yang sangat keras".

(Surah *al-Ghāfir* ayat 46)

Maksudnya: dinampakkan kepada mereka neraka pagi dan petang sebelum hari berbangkit, iaitu *al-qabr*.²⁵⁴ Rabi' bin Ḥabīb sendiri dalam musnadnya terdapat satu bab bertajuk *al- qabr* .Jelas di sini bahawa *al-Ibadiyyah* juga beriman dengan ‘*adhāb al- qabr* berlaku ke atas orang-orang kafir, sementara *Na‘īm al- qabr* dikurniakan kepada orang Mu'min²⁵⁵ Sebagaimana firman Allah S.W.T;

النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا^ط

Kepada mereka dinampakkan neraka pada pagi dan petang "

(Surah *al-Ghāfir* ayat 46)

²⁵³ *Ibid* h. 126

²⁵⁴ *Ibid* h. 126

²⁵⁵ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wahībī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. h.296

Allah S.W.T. berfirman;

قَالُوا رَبَّنَا آمَنَّا أَتَيْنَاكَ وَأَحْيَيْتَنَا أَتَيْتَنَا فَأَعْرَفْنَا بِذُنُوبِنَا فَهَلْ إِلَىٰ خُرُوجٍ مِّن سَبِيلٍ

“ Mereka menjawab: "Ya Tuhan kami Engkau Telah mematikan kami dua kali dan Telah menghidupkan kami dua kali (pula), lalu kami mengakui dosa-dosa kami. Maka Adakah sesuatu jalan (bagi kami) untuk keluar (daripada neraka)?"

(Surah *al-Ghāfir* ayat 11)

Nabi s.‘a.w. bersabda;²⁵⁶

وروى أبو عبيدة عن جابر بن زيد قال: بلغنا عن رسول الله صلى الله عليه وسلم، انه مر برجلين يعذبان في القبر فقال: "يعذبان وما يعذبان في كبيرة، أما احدهما فقد كان لا يستبرئ من البول، وأم الآخر فقد كان يمشي بين الناس بالنميمة" ثم قال أبو عبيدة: كان جابر ممن يثبت عذاب القبر.

Telah meriwayatkan Abu ‘Ubaidah daripada Jabir bin Zaid telah berkata: “Telah sampai kepada kami daripada Rasulullah s.a.w. bahawasanya Beliau melintasi dua orang lelaki yang sedang di”azab dalam kubur, Baginda telah bersabda “keduanya sedang di’azab kerana dosa besar nereka, adapaun seorang daripada keduanya tidak memutuskan kencingnya dan yang satu lagi sering mengadu domba”. Kemudia Abu ‘Ubaidah telah berkata “Jabir adalah daripada kalangan orang yang menegaskan berlaku azab kubur.

²⁵⁶ *Ibid.* h. 296

Nabi s.‘a.w. bersabda²⁵⁷

ابو عبيدة عن جابر بن زيد عن ابي سعيد الخدري أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: " إن احدكم إذا مات عرض عليه مقعده بالغاة والعشي. إن كان من اهل الجنة فمن اهل الجنة. وإن كان من اهل النار فمن اهل النار. فيقال هذا مقعدك حتى يبعثك الله".

Abu 'Ubaidah daripada Jabir bin Zaid daripada Abi Sa'id al Khudri, bahawasanya Nabis.a.w. telah bersabda. " Sesungguhnya salah seorang daripada kamu apabila telah mati, ditunjukkan padanya tempat tinggalnya pada waktu pagi dan petang, Sekiranya dia daripada kalangan ahli syurga, maka tempat tinggalnya dalam kalangan ahli syurga. Sekiranya dia dalam kalangan ahli neraka, maka tempat tinggalnya dalam kalangan ahli neraka. Maka dikatakan kepadanya, inilah tempat tinggalmu hingga kamu dibangkitkan oleh Allah S.W.T."

Berdasarkan dalil-dalil ini jelaslah kepada kita sesungguhnya *al- qabr* itu menjadi salah satu daripada taman syurga bagi orang yang soleh ataupun salah satu daripada jurang neraka bagi orang yang ingkar terhadap perintah Allah S.W.T. Namun begitu masih terdapat kekeliruan dan perselisihan faham dalam kalangan ulama' usuludin tentang keadaan *ahl al- qabr*, adakah yang menerima azab atau nikmat itu ruh dan jasad, atau ruh sahaja, atau jasad sahaja?

²⁵⁷ Op. Cit 126

Al-Ibādīyyah berpendapat adalah merupakan satu perkara yang rumit untuk menentukan hakikat sebenar persoalan ini, lalu mereka berpendapat kehidupan di alam ini boleh berlaku dalam tiga keadaan;²⁵⁸

- i. Kehidupan sebenar dengan ruh dan jasad.
- ii. Kehidupan dengan ruh semata-mata.
- iii. Kehidupan ruh dengan sebahagian daripada bahagian-bahagian jasad.

Secara amnya penegasan tentang berlakunya *'adhāb al- qabr* terhadap orang orang kafir serta mereka yang melakukan maksiat, dan *na 'iīm al- qabr* kepada yang taat memang diakui oleh kebanyakan ulama' *al-Ibādīyyah*, walaupun ianya bukanlah dianggap sebagai perkara pokok pada mereka. Kata Abu Ya'akub " Persoalan *'adhāb al- qabr*, bukanlah sebahagian daripada persoalan penting ilmu kalam." "Sesiapa yang jahil tentangnya, dia selamat, siapa yang mengetahuinya, dia memiliki kelebihan, siapa yang terperangkap dalam persoalan ini, dia rugi dan menyesal".²⁵⁹ Al-Salimi juga berpendapat diharuskan bersalahan pendapat dalam persoalan ini.²⁶⁰ Pendapat ini adalah sama dengan pendapat *al-Asyā'irah* yang mengakui berlakunya *'adhāb al- qabr* terhadap orang orang kafir serta mereka yang melakukan maksiat, sementara *na 'iīm al- qabr* pula kepada orang mu'min yang taat.

²⁵⁸ Dr. Farḥāt al-Ja'bīrī, (1987) *al-Bu'd al-Ḥaḍārī li-Aqīdah al-Ibādīyyah*. c.2, Ruwi: Maṭba'ah Jāmi'ah Sulṭān Qabūs, h.649-650

²⁵⁹ *Ibid.* h.653

²⁶⁰ Nūr al-Dīn al-Sālimi, *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2 (2003) maktabah al-Istiqāmah, Ruwī h.357.

5.4 Al-Yaum al-Qiyāmah

Beriman dengan *Al-Yaum al-Qiyāmah* merupakan salah satu daripada rukun-rukun Iman, juga merupakan tunjang ilmu Usuluddin. Mendustakan *Al-Yaum al-Qiyāmah* bererti kufur kepada Allah dan terkeluar daripada Islam. Tiada manusia yang mengingkari *Al-Yaum al-Qiyāmah* melainkan mereka yang takabbur dan tidak mahu menerima kebenaran serta menentang kebenaran. Allah S.W.T. berfirman;

قُلِ اللَّهُ تَحْيِيكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يَجْمَعُكُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ لَا رَيْبَ فِيهِ
وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Katakanlah: "Allah-lah yang menghidupkan kamu Kemudian mematikan kamu, setelah itu mengumpulkan kamu pada hari kiamat yang tidak ada keraguan padanya; akan tetapi kebanyakan manusia tidak Mengetahui.

(Surah *al-Jāthiyah* ayat 26)

Al-Yaum al-Qiyāmah ialah hari permulaan kehancuran alam yang diciptakan oleh Allah S.W.T. Pada hari tersebut manusia keluar daripada ‘*alām al-Qabr*’ menuju ke tempat perhitungan untuk menerima pembalasan daripada Allah S.W.T. seterusnya menuju samada ke syurga atau neraka.²⁶¹ Allah berfirman;

لَا أُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ

“*Aku bersumpah demi al-Yaum al-Qiyāmah,*”

(Surah *al-Qiyamah* ayat 1)

²⁶¹ Muslim bin Sālim bin ‘Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-‘Aqdī ‘ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah)h.297

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyebut tentang *al-Yaum al-Qiyāmah* dengan nama yang lain, seperti *al-Sā'ah*, *Yaum al-Ākhirah*, *al-Hāqah*, *al-Qāri'ah* dan beberapa lagi nama lain. Setiap nama ini memberi kesan kepada pemikiran manusia serta mempengaruhi jiwa mereka. *Al-Yaum al-Qiyāmah* merupakan satu penantian kejiwaan kepada seluruh umat manusia. Akal manusia yang lemah untuk memikirkannya serta menggambarannya, bergantung penuh dengan perkhabaran yang datang dari al-Qurān, begitu juga dengan gambarannya.

Peringatan tentang *al-Yaum al-Qiyāmah* serta apa yang akan berlaku pada hari tersebut banyak terdapat dalam pengajian *al-Ibadiyyah*. Mereka menggunakannya sebagai peringatan dalam majlis-majlis ilmu dan sebagai penggerak kepada hati yang lalai. Berkata Jābir bin Zaid dalam salah satu daripada risalahnya, “Sesungguhnya kamu telah dijadikan dalam keadaan berseorangan dan bertelanjang, begitulah nanti kamu akan dibangkitkan, berbekallah kamu untuk pertemuan dan perbaikilah jiwamu untuk kebaikan *Al-Yaum al-Qiyāmah*”²⁶²

5.4.1 *al-Ba'āth*

Perkataan *al-Ba'ath* daripada segi bahasa ialah kalimah Arab yang bermaksud *bangun* dan *terjaga*. Dari segi istilah *'ilm al-kalām* pula bermaksud, Allah S.W.T. menghidupkan semula makhluk ciptaanNya daripada kematian

²⁶² Muslim bin Sālim bin 'Alī al-Wāhibī, (2001), *Al-Fikr al-'Aqdī 'ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. (Tesis Phd. Fakulti Usuluddin Akidah dan falsafah Uni. Al-Azhar Kaherah).h. 298.

mereka,²⁶³ dengan kata lain *al-Ba'āth* bermaksud kembalinya ruh kepada jasad setelah dipisahkan melalui kematian. Firman Allah S.W.T.;

قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنْشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ ﴿٧٩﴾

Katakanlah: "Ia akan dihidupkan oleh Tuhan yang menciptakannya kali yang pertama. dan dia Maha mengetahui tentang segala makhluk.

(Surah *Yāsin* ayat 79)

Firman Allah S.W.T.;

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَا يَبْعَثُ اللَّهُ مَنْ يَمُوتُ بَلَىٰ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا وَلَٰكِنَّ

أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾

Mereka bersumpah dengan nama Allah dengan sumpahnya yang sungguh-sungguh: "Allah tidak akan membangkitkan orang yang mati". (Tidak demikian), bahkan (pasti Allah akan membangkitnya), sebagai suatu janji yang benar daripada Allah, akan tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahui,

(Surah *al-Naḥl* ayat 38)

Daripada ayat-ayat ini jelaslah bahwa Allah S.W.T, tuhan yang menghidupkan dan mematikan seluruh ciptaanNya akan membangkitkan mereka kali

²⁶³ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-‘Aqīdah*, j.1, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h 129.

Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās (2001), *al-‘Aqīdah* j.2, Masqat: Wazārah al-awqāf wa al-Syu,ūn al-Dīniyyah. h. 125

²⁶³ *Ibid* h.125

yang kedua di akhirat adalah lebih mudah daripada menciptakan mereka daripada tiada kepada ada.

Al-Ibādīyyah berpendapat proses *al-Ba‘āth* berlaku selepas daripada *al-nufkhah* (tiupan sangka kala) yang kedua²⁶⁴. Kerana pada tiupan yang pertama semua yang hidup akan dibinasakan dan dimatikan sebagaimana fimanNya.

فَإِذَا نُفِخَ فِي الصُّورِ نَفْخَةٌ وَاحِدَةٌ ﴿١٣﴾ وَحُمِلَتِ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً وَاحِدَةً ﴿١٤﴾ فَيَوْمَئِذٍ وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ ﴿١٥﴾ وَانْشَقَّتِ السَّمَاءُ فَهِيَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿١٦﴾

*Maka apabila sangkakala ditiup sekali tiup * Dan diangkatlah bumi dan gunung-gunung, lalu dibenturkan keduanya sekali bentur.* Maka pada hari itu terjadilah hari kiamat,* Dan terbelahlah langit, Karena pada hari itu langit menjadi lemah.*

(Surah *al-Hāqah* ayat 13-16)

Firman Allah S.W.T;

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَصَعِقَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ ثُمَّ نُفِخَ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَنْظُرُونَ ﴿٦٨﴾

Dan ditiuplah sangkakala, Maka matilah siapa yang di langit dan di bumi kecuali siapa yang dikehendaki Allah. Kemudian ditiup sangkakala itu sekali lagi Maka tiba-tiba mereka berdiri menunggu (putusannya masing-masing).

(Surah *al-Zumar* ayat 68)

²⁶⁴, ‘Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-‘Aqīdah*.j.1Zanzibar;, Istiqama Muslim community of Tanzania. h 124. Lihat sama Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ,(2001), *al-‘Aqīdah* j.2. Masqat; Wazārah al-awqāf wa al-Syu,ūn al-Dīniyyahh. 130

²⁶⁴ *Ibid* h.130

Daripada dua ayat ini jelaslah kekuasaan Allah menghimpunkan seluruh manusia selepas jasad mereka hancur dimamah tanah dan sebagainya, untuk dihimpunkan serta dihitung segala amalan mereka ketika berada di dunia untuk dibalas dengan ganjaran yang setimpal, sama ada ke syurga atau ke neraka.

5.4.2 *Al-Ḥasyr*

Berasal daripada kalimah, *al-Ḥasyr* atau *hasyara* bermaksud perhimpunan²⁶⁵. Iaitu Allah membangkitkan manusia daripada kematian dan memperjalankan mereka menuju kepadanya. Dari segi istilah *al-Ḥasyr* bermaksud berhimpunnya makhluk pada hari kiamat. *Al-Maḥsyār* pula adalah tempat di mana semua manusia akan berhimpun.²⁶⁵ Firman Allah S.W.T.

وَيَوْمَ تَحْشُرُهُمْ كَأَن لَّمْ يَلْبَثُوا إِلَّا سَاعَةً مِّنَ النَّهَارِ يَتَعَارَفُونَ بَيْنَهُمْ قَدْ خَسِرَ الَّذِينَ
كَذَّبُوا بَلِقَاءِ اللَّهِ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿٤٥﴾

Dan (Ingatlah) akan hari (yang di waktu itu) Allah mengumpulkan mereka, (mereka merasa di hari itu) seakan-akan mereka tidak pernah berdiam (di dunia) Hanya sesaat di siang hari, (di waktu itu) mereka saling berkenalan. Sesungguhnya Rugilah orang-orang yang mendustakan pertemuan mereka dengan Allah dan mereka tidak mendapat petunjuk

(Surah Yunus ayat 45)

²⁶⁵ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, 'Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al- 'Aqīdah*, j.1, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h 130.

Al-Ibāḍiyyah berpendapat hari *al-Mahsyār* merupakan hari yang membimbangkan dan berpanjangan, pada hari itu manusia dihitung amalan mereka oleh Allahs.w.t. Lamanya hari tersebut sehingga lima puluh ribu tahun. Firman Allah S.W.T,

تَعْرُجُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ ۖ فَأَصْبَرَ

صَبْرًا جَمِيلًا ۗ إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُ بَعِيدًا ۖ وَنَرَاهُ قَرِيبًا ۗ

*Malaikat-malaikat dan Jibril naik (menghadap) kepada Tuhan dalam sehari yang kadarnya limapuluh ribu tahun. * Maka Bersabarlah kamu dengan sabar yang baik. * Sesungguhnya mereka memandang siksaan itu jauh (mustahil). * Sedangkan kami memandangnya dekat (mungkin terjadi).*

(Surah *al-Ma'ārij* ayat 4-7)

Manusia akan dihimpunkan di hari *al-Mahsyār* dalam tiga keadaan;²⁶⁶

i. Orang-orang Mu'min.

Mereka dihimpunkan dalam keadaan mulia dan disambut dengan segala kebaikan serta sentiasa dialu-alukan. Firman Allah S.W.T.,

يَوْمَ نَخْشُرُ الْمُتَّقِينَ إِلَى الرَّحْمَنِ وَفَدًا ۗ

(Ingatlah) hari (ketika) kami mengumpulkan orang-orang yang takwa kepada Tuhan yang Maha Pemurah sebagai perutusan yang terhormat,

(Surah *Maryam* ayat 85)

²⁶⁶ Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, 'Asyūr bin Yusuf Kakkās(1998), *al-'Aqīdah*, j.1, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h 132.

Keadaan ini sememangnya layak untuk mereka kerana mereka mengasihi Allah dan mentaati perintahNya.

ii. Orang-orang yang ingkar dan lalai mengikut perintah Allah.

Kumpulan mereka akan dihimpunkan dalam keadaan buta, kerana ketika di dunia mereka buta tentang agama Allah dan tidak mahu mengingati Allah. Mereka juga dihimpunkan dalam keadaan yang hina dengan muka yang hitam, terhoyong hayang, bimbang, serta merasai ketakutan yang amat sangat. Firman Allah S.W.T.,

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ أَعْمَى ﴿١٢٤﴾
قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِي أَعْمَى وَقَدْ كُنْتُ بَصِيرًا ﴿١٢٥﴾ قَالَ كَذَلِكَ أَتَتْكَ آيَاتُنَا فَنَسِيَهَا
وَكَذَلِكَ الْيَوْمَ تُنسى ﴿١٢٦﴾ وَكَذَلِكَ نُجْزِي مَنْ أَسْرَفَ وَلَمْ يُؤْمِنْ بِآيَاتِ رَبِّهِ ۗ وَلَعَذَابُ
الْآخِرَةِ أَشَدُّ وَأَبْقَى ﴿١٢٧﴾

*Dan barangsiapa berpaling daripada peringatan-Ku, Maka Sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit, dan kami akan menghimpunkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta". * Berkatalah ia: "Ya Tuhanku, Mengapa Engkau menghimpunkan Aku dalam keadaan buta, padahal Aku dahulunya adalah seorang yang melihat?" * Allah berfirman: "Demikianlah, Telah datang kepadamu ayat-ayat kami, Maka kamu melupakannya, dan begitu (pula) pada hari Ini kamupun dilupakan". * Dan Demikianlah kami membalas orang yang melampaui batas dan tidak percaya kepada ayat-ayat Tuhannya. dan Sesungguhnya azab di akhirat itu lebih berat dan lebih kekal.*

(Surah *Tāha* ayat 124-127)

iii. Orang-orang yang mengingkari hari kebangkitan

Mereka akan dihimpunkan dalam keadaan buta, bisu, tuli dan sentiasa merasai penderitaan yang amat menyakitkan. Firman Allah S.W.T,

وَمَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ ۖ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُمْ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِهِ ۗ وَنَحْشُرُهُمْ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ عُمِيًّا ۖ وَبُكْمًا وَصُمًّا ۖ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ ۖ كُلَّمَا خَبَتْ زِدْنَاهُمْ
سَعِيرًا ﴿٩٧﴾ ذَٰلِكَ جَزَاؤُهُمْ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِآيَاتِنَا وَقَالُوا أَإِذَا كُنَّا عِظْمًا وَرُفْنًا أَإِنَّا
لَمَبْعُوثُونَ خَلْقًا جَدِيدًا ﴿٩٨﴾

*Dan barangsiapa yang ditunjuki Allah, dialah yang mendapat petunjuk dan barangsiapa yang dia sesatkan Maka sekali-kali kamu tidak akan mendapat penolong-penolong bagi mereka selain daripada Dia. dan kami akan mengumpulkan mereka pada hari kiamat (diseret) atas muka mereka dalam keadaan buta, bisu dan pekak. tempat kediaman mereka adalah neraka jahannam. tiap-tiap kali nyala api Jahannam itu akan padam, kami tambah lagi bagi mereka nyalanya. * Itulah balasan bagi mereka, Karena Sesungguhnya mereka kafir kepada ayat-ayat kami dan (karena mereka) berkata: "Apakah bila kami Telah menjadi tulang belulang dan benda-benda yang hancur, apakah kami benar-benar akan dibangkitkan kembali sebagai makhluk baru?"*

(Surah *al-Isra'* ayat 97-98)

Begitulah keadaan manusia pada hari *al-Mahsyar*, mereka dihimpunkan oleh Allah S.W.T. dalam tiga kumpulan yang berbeza berdasarkan amalan mereka ketika hidup di dunia.

5.4 *Al-Ḥisāb*

Berasal daripada kalimah Arab. *al-Ḥisāb* bermaksud pengiraan dan hitungan.²⁶⁷ Dari segi istilah *al-Ḥisāb* bermaksud pembezaan antara amalan baik dan buruk.²⁶⁸ Iaitu menetapkan amal kebaikan kepada yang empunya serta menetapkan penerimaan amalan tersebut lalu diterangkan kedudukannya dalam syurga berdasarkan kadar pahalanya. Begitulah sebaliknya bagi mereka yang melakukan amalan yang jahat.

Al-Ibādīyyah berbeza pendapat tentang bagaimanakah kaedah *al-Ḥisāb* yang akan dilaksanakan nanti. Sebahagian daripada mereka berpendapat pembezaan amalan baik dan buruk bagi setiap makhluk yang berhak untuk di hitung, berlaku dengan cara, Allah S.W.T. akan menjadikan dalam hati mereka sejenis pengetahuan, di mana dengan pengetahuan tersebut mereka sendiri akan membezakan amalan baik dan buruk mereka, seterusnya mengetahui kadar balasan yang setimpal dengan amalan tersebut, lalu mereka menuju ke destinasi yang ditetapkan berdasarkan pengetahuan yang dijadikan dalam hati mereka.²⁶⁹ Perkara ini adalah disebabkan *al-Ibādīyyah* menafikan, bahawasanya Allah akan berkata-kata pada hari kiamat. *Al-Kalām* adalah *qadīm*. Sekiranya Allah S.W.T. berkata kata pada waktu *al-Ḥisāb*, sifat *al-qadīm* bagiNya akan ternafi. Lalu ia menyerupai sifat makhluk. Menyerupai sifat makhluk adalah mustahil bagi Allah S.W.T.²⁷⁰ Firman Allah;

²⁶⁷ *Ibid.* h 137.

²⁶⁸ *Ibid* h. 137. Lihat juga Nūr al-Dīn al-Sālimi, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2 , Ruwī: maktabah al-Istiqāmah h.359.

²⁶⁹ *Ibid* h.359.

²⁷⁰ *Ibid* h.359.

فَاطِرُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَمِنَ الْأَنْعَامِ أَزْوَاجًا ۗ
يَذَرُوكُمْ فِيهِ لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ۗ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

(dia) Pencipta langit dan bumi. dia menjadikan bagi kamu daripada jenis kamu sendiri pasangan-pasangan dan daripada jenis binatang ternak pasangan- pasangan (pula), dijadikan-Nya kamu berkembang biak dengan jalan itu. tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia, dan Dia-lah yang Maha mendengar dan Melihat.

(Surah *al-Syūrah* ayat 11)

Firman Allah S.W.T;

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Pada hari Ini kami tutup mulut mereka; dan berkatalah kepada kami tangan mereka dan memberi kesaksianlah kaki mereka terhadap apa yang dahulu mereka usahakan.

(Surah *Yāsīn* ayat 65)

Menurut Imam al-Salimi berdasarkan ayat ini, kaedah *al-Hisāb* kemungkinan berlaku dengan dua cara;²⁷¹

- i. Allah menjadikan jurukira untuk menghitung amalan seluruh makhluk yang layak dihitung. Allah menjadikan bagi jurukira itu kemampuan untuk menghitung semua makhluk dalam kalangan jin

²⁷¹ *Ibid* h.360.

dan manusia, melainkan mereka yang dikecualikan daripada hitungan sebagaimana yang akan dijelaskan nanti.

- ii. Allah S.W.T. akan menjadikan sejenis suara yang akan didengari oleh semua jin dan manusia, berinteraksi dengan mereka, lalu bertanya tentang segala amalan mereka seterusnya dihitung dan ditentukan nasib mereka.

Manusia, sejak *Nabi* Adam a.s. diutuskan oleh Allah S.W.T. sehinggalah kepada *nabiyang* terakhir Muhammad s.a.w telah dijanjikan kepada mereka bahawasanya di sana adanya *al-Hisāb* yang pasti akan berlaku selepas berakhirnya kehidupan di dunia. Malangnya kebanyakan manusia tidak memahami dan mengambil tahu tentang janji ini. Sebahagian daripada mereka ingkar tentang kebenarannya, sebahagian yang lain sentiasa dalam keadaan ragu-ragu akan adanya, hanya orang-orang yang benar-benar beriman sahaja yang meyakinkannya, lalu mereka mendekatkan diri mereka kepada Allah. Firman Allah S.W.T.

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ لَا يَبْعَثُ اللَّهُ مَن يَمُوتُ بَلَىٰ وَعَدًّا عَلَيْهِ حَقًّا وَلَٰكِنَّ

أَكْثَرُ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾

Mereka bersumpah dengan nama Allah dengan sumpahnya yang sungguh-sungguh: "Allah tidak akan membangkitkan orang yang mati". (Tidak demikian), bahkan (pasti Allah akan membangkitkannya), sebagai suatu janji yang benar daripada Allah, akan tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahui,

(Surah *al-Nahl* ayat 38)

Pada hari *al-Hisāb* ini, seluruh umat manusia akan dihitung dengan penuh keadilan. Allah S.W.T. akan membalas orang-orang yang melakukan kejahatan ketika di dunia dengan balasan yang setimpal dengan kejahatan tersebut Begitu juga dengan mereka yang beriman pasti akan mendapat ganjaran yang setimpal dengan kebaikan yang mereka telah lakukan. Firman Allah S.W.T.;

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ اجْتَرَحُوا السَّيِّئَاتِ أَنْ نَجْعَلَهُمْ كَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
سَوَاءً مَحْيَاهُمْ وَمَمَاتِهِمْ سَاءَ مَا تَحْكُمُونَ ﴿٢١﴾ وَخَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ
وَلِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

*Apakah orang-orang yang membuat kejahatan itu menyangka bahwa kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh, yaitu sama antara kehidupan dan kematian mereka? amat buruklah apa yang mereka sangka itu.
* Dan Allah menciptakan langit dan bumi dengan tujuan yang benar dan agar dibalasi tiap-tiap diri terhadap apa yang dikerjakannya, dan mereka tidak akan dirugikan.*

(Surah *al-Jāthiyah* ayat 21-22)

Kumpulan Manusia pada Hari *al-Hisāb*.²⁷²

- i. Para *Nabidan* mereka yang menunaikan perintah Allah sepenuhnya akan masuk syurga tanpa *al-Hisāb*.
- ii. Orang-orang yang musyrik akan masuk neraka tanpa *al-Hisāb*.

²⁷² Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī, ‘Asyūr bin Yusuf Kaskās(1998), *al-‘Aqīdah*, j.1, Zanzibar: Istiqama Muslim community of Tanzania. h 139.
Nūr al-Dīn al-Sālimi, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2, Ruwī: maktabah al-Istiqāmah, h.360.

- iii. Orang orang beriman yang mencampurkan amalan baik dan jahat, akan dipersoal tentang amalan mereka.
- iv. Orang orang yang mati dalam keadaan melakukan dosan besar, maka ulama' berselisih pendapat tentang cara *al-Hisāb* untuk mereka. Walau bagaimanapun kebanyakan ulama' berpendapat. Sesiapa yang mati dengan dosa besar bersama mereka, akan diteliti dan diperhalusi dengan hujjah sehingga mereka tidak mampu mempertahankan kejahatan mereka. Firman Allah S.W.T.;

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَى بِنَا حَاسِبِينَ ﴿٤٧﴾

﴿٤٧﴾

Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, Maka tiadalah dirugikan seseorang barang sedikitpun. dan jika (amalan itu) Hanya seberat biji sawipun pasti kami mendatangkan (pahala)nya. dan cukuplah kami sebagai pembuat perhitungan.

(Surah *al-Ambiya* ' ayat 47)

5.6 *Al-Mīzān*

Al-Mīzān berasal daripada kalimah Arab, daripada sudut bahasa bermaksud keadilan dan pertengahan.²⁷³ Perkataan *al-Mīzān* diguna pakai sebagai alat penimbang sesuatu benda.²⁷⁴ Firman Allah S.W.T;

²⁷³ *Op. cit.* h 141

²⁷⁴ Nūr al-Dīn al-Sālimi, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2, Ruwī: maktabah al-Istiqāmah, h.141.

وَالْوَزْنُ يَوْمَئِذٍ الْحَقُّ فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٨﴾

Timbangan pada hari itu ialah kebenaran (keadilan), Maka barangsiapa berat timbangan kebaikannya, Maka mereka Itulah orang-orang yang beruntung.

(surah *al-A'arāf* ayat 8)

Dari sudut istilah terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan ulama'. *Al-Asya'irah* berpendapat, *al-Mīzān* ialah dua tapak timbangan yang bersuara, dimana amalan anak adam akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu amalan baik dan amalan buruk. Kedua-dua amalan ini akan diletakkan ditelapak timbangan. Sekiranya kebaikan lebih berat dari kejahatan, maka akan diseur kepadanya oleh satu suara supaya menuju ke syurga, begitulah sebaliknya.²⁷⁵ *Al-Mu'tazilah* berpendapat *al-Mīzān* adalah keadilan Allah S.W.T yang berupa dua telapak tangan yang bercahaya. Tapak tangan itu akan bercahaya terang bagi mereka yang taat dan bertukar menjadi gelap dan hitam bagi mereka yang melakukakn kemaksiatan keingkaran terhadap Allah S.W.T.²⁷⁶

Al-Ibādīyah berpendapat *al-Mīzān* pada hari kiamat adalah ibarat daripada kebahagiaan yang dinikmati oleh segolongan manusia. Imam al-Jaiṭulī berkata “kami berpendapat *al-Mīzān* adalah timbangan amalan yang membezakan dan memperincikan. Maka apabila berat timbangan kebenaran amalnya di dunia. Pada

²⁷⁵ 'Abd al-Ḥayyi Muhammad Qābil (1995) *al-Ibādīyah wa arā'uhum al-Kalāmīyah*. Kaherah; Maktabah Nahdah al-Syirq. h.230

²⁷⁶ *Ibid* h.232

hari kiamat, selamat dan berjaya lah pemiliknya menikmati balasan Allah S.W.T. Namun kiranya ringan timbangan amalnya di dunia, maka kebinasaanlah yang akan menantinya di hari akhirat.²⁷⁷ Ada juga pendapat dalam kalangan mereka iaitu, *al-Mizān* adalah lidah dan dua tapak tangan dikira sebagai timbangan amalan, ini kerana Allah S.W.T. menukarkan pahala dan dosa dalam bentuk jisim.²⁷⁸ Bersandarkan hadith *Nabis.a.w.*;

كلمتان خفيفتان على اللسان حبيبتان الى الرحمن ثقيلتان في الميزان: سبحان الله
والحمد لله سبحان الله العظيم

Dua perkataan mudah disebut, keduanya amat disukai oleh Allah S.W.T., kedua-duanya amat berat dalam timbangan: Subhana Allah dan al-ḥamdulillah.

5.7 Al-Ṣirāṭ

Al-Ṣirāṭ berasal daripada perkataan Arab, daripada sudut bahasa bermaksud jalan.²⁷⁹ Dari sudut istilah, bermaksud ugama Allah yang benar, atau satu jambatan yang merentasi neraka *Jahannam*..²⁸⁰ *Al-Ṣirāṭ* akan berlaku selepas daripada peristiwa *al-Ḥasyr* dan *al-Mizān* . Manusia yang melintasi *Al-Ṣirāṭ* berbeza keadaan mereka. Perkara ini adalah disebabkan perbezaan darjat dan kedudukan amalan mereka ketika di dunia. Diantara manusia yang melintas *Al-Ṣirāṭ* akan membawa cahaya yang menerangi titian *Al-Ṣirāṭ*, ada dalam kalangan mereka yang melintas

²⁷⁷ Nūr al-Dīn al-Sālimi, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2, Ruwī: maktabah al-Istiḳāmah, h.141

²⁷⁸ *Ibid* h. 142

²⁷⁹ *Ibid* h. 143

²⁸⁰ *Ibid* h. 144

dengan pantas seperti kerdipan mata, ada yang melintas dengan berlari, ada yang berjalan kaki dan ada yang merangkak.²⁸¹

Al-Ibādīyyah berpendapat *al-Ṣirāt* bermaksud jalan yang benar, iaitu agama Islam sebagai mana diperintahkan kepada hambaNya untuk mengikuti jalan tersebut, yang benar, adil, terperinci dan jauh daripada segala keinginan syahwat.²⁸² Firman Allah S.W.T.;

قُلْ إِنِّي هَدَيْتُنِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ دِينًا قِيمًا مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنْ

الْمُشْرِكِينَ

Katakanlah: "Sesungguhnya Aku Telah ditunjuki oleh Tuhanku kepada jalan yang lurus, (yaitu) agama yang benar, agama Ibrahim yang lurus, dan Ibrahim itu bukanlah termasuk orang-orang musyrik".

(Surah *al-An'ām* ayat 161)

Walaupun begitu para ulama' *al-Ibādīyyah* tidak menyangkal pendapat yang mengatakan bahawa *al-Ṣirāt* adalah satu jambatan yang merentasi neraka *Jahannam*. Kata Imam al-Jaiṭulī “ adalah merupakan perkara yang mungkin untuk diterima akal bahawasanya *al-Ṣirāt* adalah sebuah jambatan yang merentasi neraka *Jahannam*, kerana tiada gambaran yang sebenarnya dan syari'at pun tidak menafikannya. Sesungguhnya Allah berkuasa menjadikan seekor burung terbang di udara, maka Allah juga berkuasa memperjalankan manusia di atas titian *al-Ṣirāt*. Hanya Allah

²⁸¹ Abu al-'Iz al-Ḥanafiy(1995)*Syarḥ 'Aqidah al-Tahawīyyah fī al-'Aqidah al-Salafīyyah*. Riyad; Maṭba'ah Jāmi'ah Imām Muhammad bin Sa'ūd. h.269

²⁸² Nūr al-Dīn al-Sālimi, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2, Ruwī: maktabah al-Istiqāmah, h.144
204

S.W.T. yang mengetahuinya.²⁸³Sebahagian dari mereka mentakwilkan *al-Ṣirāt*, sebagai jalan yang benar iaitu jalan Islam sebagaimana firman Allah S.W.T;

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

Tunjukilah kami jalan yang lurus,

(surah *al-Fatihah* ayat 6)

5.8 *Al-Syafā'ah*

Al-Syafā'ah, berasal daripada kalimah Arab bermaksud meminta kepada seseorang akan sesuatu.²⁸⁴Dari segi istilah *Al-Syafā'ah*, bermaksud permintaan seseorang kepada Allah S.W.T. untuk orang-orang yang beriman agar segera dimasukkan ke dalam syurga atau diangkat kepada darjat yang lebih tinggi dalamnya. Firman Allah S.W.T

لَا يَمْلِكُونَ الشَّفَعَةَ إِلَّا مَنْ أَخَذَ عِنْدَ الرَّحْمَنِ عَهْدًا ﴿٨٧﴾

Mereka tidak berhak mendapat syafa'at kecuali orang yang

Telah mengadakan perjanjian di sisi Tuhan yang Maha

Pemurah

(surah *Maryam* ayat 87)

²⁸³ *Ibid* h. 144

²⁸⁴ *Ibid* h. 147

Pendapat lain, *al-Syafā'ah*, ialah satu kedudukan yang terpuji sebagaimana firman Allah S.W.T.;

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰ أَنْ يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٧٩﴾

Dan pada sebahagian malam hari bersembahyang tahajudlah kamu sebagai suatu ibadah tambahan bagimu; Mudah-mudahan Tuhan-mu mengangkat kamu ke tempat yang Terpuji.

(Surah *al-Isra'* ayat 79)

Al-Syafā'ah hanya layak diperolehi oleh orang-orang yang beriman pada Allah S.W.T sahaja. Orang kafir dan musyrik yang telah ditentukan kedudukan mereka di dalam neraka tidak layak untuk meminta *Al-Syafā'ah*. Perbezaan yang ketara dalam kalangan ulama' mazhab ialah siapa yang layak untuk memberi dan memohon *Al-Syafā'ah* Allah S.W.T.

Al-Ibādīyyah berpendapat *al-Syafā'ah*, bermaksud kedudukan terpuji yang diperolehi daripada mereka yang terdahulu dan terkemudian sehingga tidak ditemui sebelum beliau pemohon yang layak.²⁸⁵ *Al-Syafā'ah*, adalah satu perkara yang disepakati oleh *al-Ibādīyyah*. *Al-Syafā'ah*, hanya untuk para *nabi* khususnya *nabi* Muhammad s.a.w. dengan cara mereka datang kepada Baginda meminta agar Baginda memohon kepada Allah S.W.T.²⁸⁶ Ianya berlaku ketika mana di hari *al-Mahshār* apabila penantian yang terlalu lama melanda orang-orang yang beriman, lalu orang-orang yang soleh akan pergi mencari *Nabi* Muhammad s.a.w. seorang

²⁸⁵ *Ibid* h. 147

²⁸⁶ *Ibid* h. 147

demi seorang , memohon kepada Baginda, lalu Baginda memohon kepada Allah s.W.T, maka Allah memberi keizinan kepada mereka untuk tinggal dalam syurga.²⁸⁷

Begitu juga sebahagian daripada orang-orang yang beriman ketika hidup di dunia, namun berlaku sedikit kepincangan dalam ketaatan mereka kepada Allah disebabkan oleh saudara mara, kaum kerabat, anak-anak, jiran tetangga dan yang seumpama dengannya. Mereka juga memohon *al-Syafā'ah* agar diangkat kedudukan mereka dalam syurga atau ditambah kebaikan kepada mereka dan diampunkan segala dosa agar sempurna cahaya mereka melalui *Nabi* s.a.w.²⁸⁸ Firman Allah S.W.T.;

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ
سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يَوْمَ لَا يُخْزِي اللَّهُ النَّبِيَّ وَالَّذِينَ
ءَامَنُوا مَعَهُ ۗ نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَتْمِمْ لَنَا نُورَنَا
وَأَغْفِرْ لَنَا ۗ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

Hai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kepada Allah dengan taubatan nasuhaa (taubat yang semurni-murninya). Mudah-mudahan Rabbmu akan menutupi kesalahan-kesalahanmu dan memasukkanmu ke dalam jannah yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, pada hari ketika Allah tidak menghinakan nabidan orang-orang Mu'min yang bersama Dia; sedang cahaya mereka memancar di hadapan dan di sebelah kanan mereka, sambil mereka

²⁸⁷ *Ibid* h. 148

²⁸⁸ *Ibid* h. 148

mengatakan: "Ya Rabb kami, sempurnakanlah bagi kami cahaya kami dan ampunilah Kami; Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu."

(Surah *al-Taḥrīm* ayat 8)

Al-Syafā'ah, hanya sekali sahaja, ianya berlaku sebelum segala amalan dihitung oleh Allah S.W.T. ketika peristiwa *al-Ḥisāb*.

Al-Ibāḍiyyah turut berpendapat bahawa *ahl al-Kabā'ir* tidak akan memperolehi *al-Syafā'ah* ini adalah disebabkan mereka melakukan dosa besar tanpa sebarang rasa takut kepada Allah, tidak memelihara diri daripada perkara yang diharamkan serta melanggar batas-batas syari'at. Bahkan mereka menghabiskan sisa umur mereka dengan segala kemungkaran, sehingga mereka kembali kepada Allah dalam keadaan tidak bertaubat. Maka orang-orang seperti ini tidak layak untuk mendapat *Al-Syafā'ah*.²⁸⁹ Firman Allah S.W.T.

وَأَتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا وَلَا يُقْبَلُ مِنْهَا شَفَعَةٌ وَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا
عَدْلٌ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٤٨﴾

Dan jagalah dirimu daripada (azab) hari (kiamat, yang pada hari itu) seseorang tidak dapat membela orang lain, walau sedikitpun; dan (begitu pula) tidak diterima syafa'at dan tebusan daripada padanya, dan tidaklah mereka akan ditolong.

(Surah *al-Baqarah* ayat 48)

²⁸⁹ *Ibid* h. 149

Sesungguhnya seseorang individu yang tidak diterima syafa'atnya berdasarkan ayat ini adalah individu yang kekal dalam melakukan kemaksiatan serta jenayah ketika hidup di muka bumi. Mereka mati bersama dengan kotoran dosa dan kejahatan, muflis amalan yang baik. Bagaimana mungkin *Al-Syafā'ah*, itu diperolehi, sedangkan Allah menjanjikan *Al-Syafā'ah*, kepada orang-orang yang diredhaiNya. Firman Allah S.W.T.

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يَشْفَعُونَ إِلَّا لِمَنْ أَرْتَضَىٰ وَهُمْ مِّنْ خَشْيَتِهِۦ

مُشْفِقُونَ

Allah mengetahui segala sesuatu yang dihadapan mereka (malaikat) dan yang di belakang mereka, dan mereka tiada memberi syafaat melainkan kepada orang yang diridhai Allah, dan mereka itu selalu berhati-hati Karena takut kepada-Nya.

(Surah *al-Anbiya'* ayat 28)

5.9 *Al-Jannah* /Syurga

Al-Jannah berasal daripada bahasa Arab, bermaksud taman yang dipenuhi tumbuhan.²⁹⁰ Menurut istilah, *al-Jannah* bermaksud tempat tinggal yang dipenuhi dengan kenikmatan, sebagai ganjaran bagi orang yang melakukan kebaikan.²⁹¹ Semua mazhab akidah mengakui *al-Jannah* sebagai sebahagian dari perkara *al-ghaibiyat*. Namun mereka bersalahan pendapat tentang kewujudannya, adakah *al-Jannah* telah

²⁹⁰ *Ibid* h. 155

²⁹¹ *Ibid* h. 155

dicipta oleh Allah S.W.T pada masa ini, atau al-jannah akan dicipta oleh Allah pada hari akhirat nanti?

Menurut *al-Mu'tazilah*, *al-Jannah* masih belum dijadikan lagi oleh Allah S.W.T, ianya akan dijadikan pada hari akhirat nanti. Mereka berpendapat penciptaan *al-Jannah* sebelum hari akhirat adalah perbuatan yang sia-sia. Tiada siapa yang menghuni *al-Jannah* pada masa ini. Kerana al-Jannah akan dihuni oleh orang-orang yang beriman selepas amalan mereka dihisab oleh Allah S.W.T.²⁹²

Al-Asyā'irah berpendapat *al-Jannah* telah diciptakan oleh Allah S.W.T pada masa ini. Mereka berhujjah dengan kisah *Nabi Adam* a.s ketika berada dalam *al-Jannah* dimana Allah S.W.T. melarang beliau dan isterinya daripada memakan buah dari pohon *al-Khuld*. Begitu juga dengan firman Allah S.W.T,²⁹³

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

Dan bersegeralah kamu kepada ampunan dari Tuhanmu dan kepada surga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa,

(surah 'Ali 'Imran ayat 133)

Al-Ibādīyyah dalam masalah ini berpendapat bahawa *al-Jannah* telah diwujudkan oleh Allah dan kekal hingga ke hari ini.²⁹⁴ Firman Allah S.W.T.;

²⁹² 'Abd al-Hayy Muhammad Qabil(1995), *al-Ibadiyyah wa ara'uh al-Kalamiyyah*. Kaherah; Maktabah Nahḍah al-Syirq.h 251

²⁹³ Mubarak Hasan Husin((1982) *'Ilm al-Tawhid fi Daw'I al-Naqliy wa al-'aqliy*.Syubra; Maṭba'ah al-Amānah. h.656

²⁹⁴ Nūr al-Dīn al-Sālimi, (2003) *masyāriq fi anwār al-uqūl*, c. 2, Ruwī: maktabah al-Istiqāmah, h. 155

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

Dan bersegeralah kamu kepada ampunan daripada Tuhanmu dan kepada surga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa,

(Surah *Āli 'Imran* ayat 133)

Al-Jannah dan kenikmatan hidup dalamnya adalah kekal abadi berdasarkan firman Allah S.W.T.

قُلْ أَذَلِكَ خَيْرٌ أَمْ جَنَّةُ الْخُلْدِ الَّتِي وُعِدَ الْمُتَّقُونَ ۚ كَانَتْ لَهُمْ جَزَاءً وَمَصِيرًا ﴿١٥﴾

Katakanlah: "Apa (azab) yang demikian itukah yang baik, atau surga yang kekal yang Telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa?" dia menjadi balasan dan tempat kembali bagi mereka?"

(Surah *al-Furqān* ayat 15)

5.9.2 Nama dan Sifat-sifat *al-Jannah*.

a) *Jannah al-‘Āliyyah*.

Disifatkan dengan ketinggian kerana kedudukannya yang teratas dan kemuliaan mereka yang tinggal dalamnya. Perpindahan daripada dunia yang mana nikmatnya hanya sementara dan terhad kepada syurga yang memberi kenikamatan yang tidak terhingga serta kekal abadi dalamnya adalah merupakan peningkatan dari rendah nikmat kepada tahap tertinggi. Begitu juga maksud

ketinggian *al-Jannah*, kerana ianya tidak diperolehi dengan harga yang murah bahkan ianya memerlukan ketabahan dan kesabaran yang amat berat untuk ditempuh sepanjang hidup di dunia. Firman Allah S.W.T.²⁹⁵

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاعِمَةٌ لِّسَعِيهَا رَاضِيَةٌ ۖ فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ۖ لَا تَسْمَعُ فِيهَا
 لَغِيَةً ۖ فِيهَا عَيْنٌ جَارِيَةٌ ۖ فِيهَا سُرُرٌ مَّرْفُوعَةٌ ۖ وَأَكْوَابٌ مَّوْضُوعَةٌ ۖ
 وَنَمَارِقُ مَصْفُوفَةٌ ۖ وَزُرَابِيٌّ مَبْثُوثَةٌ ۖ

8. Banyak muka pada hari itu berseri-seri, 9. Merasa senang
 Karena usahanya, 10. Dalam syurga yang tinggi, 11. Tidak kamu
 dengar dalamnya perkataan yang tidak berguna. 12. Dalamnya ada
 mata air yang mengalir. 13. Dalamnya ada takhta-takhta yang
 ditinggikan, 14. Dan gelas-gelas yang terletak (di dekatnya), 15.
 Dan bantal-bantal sandaran yang tersusun, 16. Dan permadani-
 permadani yang terhampar.

(Surah *al-Ghashiyah* ayat 8-16)

b) *Jannah al-‘Adnin*.

Jannah al-‘Adnin menunjukkan betapa nikmat terbesar berada di sana adalah kehidupan yang kekal abadi. Kalimah *al-‘Adnin* sendiri bermaksud kekal, di sinilah Allah S.W.T. menyempurnakan janjiNya, di mana orang-orang yang masuk kesyurga ini akan tinggal di sana akan menikmati kehidupan dan nikmat yang kekal²⁹⁶. Firman Allah S.W.T.;

²⁹⁵ *Ibid* h. 157

²⁹⁶ *Ibid* h. 157

إِلَّا مَنْ تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ شَيْئًا ﴿٦١﴾

جَنَّتٍ عَدْنٍ الَّتِي وَعَدَ الرَّحْمَنُ عِبَادَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّهُ كَانَ وَعْدُهُ مَأْتِيًا

Kecuali orang yang bertaubat, beriman dan beramal saleh, Maka mereka itu akan masuk syurga dan tidak dianiaya (dirugikan) sedikitpun, 61. Yaitu syurga 'Adn yang Telah dijanjikan oleh Tuhan yang Maha Pemurah kepada hamba-hamba-Nya, sekalipun (syurga itu) tidak nampak. Sesungguhnya janji Allah itu pasti akan ditepati.

(Surah Maryam ayat 60-61)

c) *Jannah al-Na' im*

Jannah al-Na' im adalah syurga yang mana nikmat dalamnya tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah terdengar di telinga dan tidak pernah terlintas langsung di sanubari manusia. Nikmat yang agong ini dikurniakan oleh Allah S.W.T. bagi orang-orang yang bertaqwa sebagai tanda kemuliaan dan keredhaan Allah terhadap hambanya.²⁹⁷ Al Quran banyak menyentuh tentang *Jannah al-Na' im*, antaranya firman Allah S.W.T.;

وَأَجْعَلْنِي مِنْ وَرَثَةِ جَنَّةِ النَّعِيمِ ﴿٨٥﴾

Dan jadikanlah Aku termasuk orang-orang yang mempusakai surga yang penuh kenikmatan,

(Surah al-Syu'arā' ayat 85)

²⁹⁷ *Ibid* h. 157

Firman Allah S.W.T.;

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ يَهْدِيهِمْ رَبُّهُمْ بِإِيمَانِهِمْ تَجْرَى مِنْ
تَحْتِهِمُ الْأَنْهَارُ فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ ﴿٩﴾

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal saleh, mereka diberi petunjuk oleh Tuhan mereka Karena keimanannya, di bawah mereka mengalir sungai- sungai dalam syurga yang penuh kenikmatan.

(Surah Yunus ayat 9)

Firman Allah S.W.T.;

إِنَّ لِلْمُتَّقِينَ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتِ النَّعِيمِ ﴿٣٤﴾

Sesungguhnya bagi orang-orang yang bertakwa (disediakan) syurga-syurga yang penuh kenikmatan di sisi Tuhannya.

(Surah al-Qalam ayat 34)

d) *Dār al-Salām*

Kehidupan dunia yang melelahkan, keredah manusia dan sebagainya menuntut kesabaran yang tinggi. Hari kiamat, satu keadaan yang memberi ketakutan yang amat di hati manusia. Maka *Dār al-Salām* adalah kurniaan Allah kepada para Mu'min yang berjaya menempuhi karenah dunia, di mana keamanan , ketenangan dan kebahagiaan dinikmati, tiada lagi kerisauan dan kepenatan²⁹⁸. Firman Allah S.W.T.,

²⁹⁸ *Ibid* h. 157

وَاللَّهُ يَدْعُوًا إِلَىٰ دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَن يَشَاءُ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٢٥﴾

Allah menyeru (manusia) ke darussalam (surga), dan menunjuki orang yang dikehendaki-Nya kepada jalan yang lurus (Islam).

(Surah Yunus ayat 25)

Inilah sebahagian daripada nama-nama dan sifat *al-Jannah*, terdapat banyak lagi nama-nama dinyatakan dalam al-Qurān, seperti *Dār al-Khuld*, *al-Firdaus*, *al-Makwā* dan sebagainya. Secara amnya syurga adalah tempat tinggal yang disediakan oleh Allah S.W.T. kepada orang-orang mukmin yang melakukan amal soleh ketika hidup di dunia, dalamnya dipenuhi dengan segala kenikmatan yang tidak pernah terlintas di hati manusia.

5.10 *Al-Nār*

Al-Nār daripada sudut bahasa adalah api, merupakan satu unsur tabi'i yang memberi tindak balas seperti bercahaya, panas dan membakar.²⁹⁹ Menurut istilah *al-Nār* adalah tempat azab seksaan di hari akhirat.³⁰⁰ *Al-Nār* adalah sebahagian daripada ciptaan Allah S.W.T.. Kewujudannya pada masa ini merupakan salah satu daripada perkara yang menjadi perbincangan dalam kalangan ulama' beberapa mazhab.

²⁹⁹ *Ibid* h. 155

³⁰⁰ *Ibid* h. 155

Menurut *al-Muktazilah*, *al-Nār* masih belum dijadikan lagi oleh Allah S.W.T, ianya akan dijadikan pada hari akhirat nanti. Mereka berpendapat penciptaan *al-Nār* sebelum hari akhirat adalah perbuatan yang sia-sia. Tiada siapa yang menghuni *al-Nār* pada masa ini. Kerana *al-Jannah* akan dihuni oleh orang-orang yang beriman selepas amalan mereka dihisab oleh Allah S.W.T.³⁰¹

Al-Asyā'irah berpendapat *al-Nār* telah diciptakan oleh Allah S.W.T pada masa ini. Mereka berhujjah dengan firman Allah S.W.T;

وَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿١٣١﴾

Dan peliharalah dirimu dari api neraka, yang disediakan untuk orang-orang yang kafir.

(Surah *Āli 'Imran* ayat 131)

Al-Ibādīyyah berpendapat , *al-Nār* telah diwujudkan oleh Allah dan kekal hingga ke hari ini.³⁰² Firman Allah S.W.T.;

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٤﴾

Maka jika kamu tidak dapat membuat(nya) - dan pasti kamu tidak akan dapat membuat(nya), peliharalah dirimu daripada neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu, yang disediakan bagi orang-orang kafir.

(Surah *al-Baqarah* ayat 24.)

³⁰¹ 'Abd al-Hayy Muhammad Qabil(1995), *al-Ibadiyyah wa ara'uh al-Kalamiyyah*. Kaherah; Maktabah Nahḍah al-Syirq.h.252

³⁰² Nūr al-Dīn al-Sālimi, (2003) *masyāriq fī anwār al-uqūl*, c. 2, Ruwī: maktabah al-Istiqāmah, h. 155

Al-Nār dan azab seksa dalamnya adalah kekal abadi. Firman Allah S.W.T.;

﴿٢٨﴾ فَلَنُذِيقَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا عَذَابًا شَدِيدًا وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَسْوَأَ الَّذِي كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maka Sesungguhnya kami akan merasakan azab yang keras kepada orang-orang kafir dan kami akan memberi balasan kepada mereka dengan seburuk-buruk pembalasan bagi apa yang Telah mereka kerjakan.

(Surah *al-fuṣilat* ayat 28)

5.10.1 Nama-nama dan Sifat-sifat *Al-Nār*.

a) *Al-Nār al-Jahannam*

Al-Nār al-Jahannam adalah satu nama yang mendatangkan rasa gerun dan takut di hati manusia dengan kengerian azab dalamnya. Ia mengandungi orang-orang musyrik dan pelaku pelaku dosa yang menjadi bahan bakarnya. Ia memiliki cairan emas dan perak. Satu keadaan yang menggetarkan sesiapa yang mendengarnya.³⁰³ Firman Allah S.W.T.;

﴿٢٣﴾ وَجَاءَ يَوْمَئِذٍ يَوْمِئِذٍ نَّجْمًا يَتَذَكَّرُ الْإِنْسَانُ وَأَنَّى لَهُ الذِّكْرَىٰ

Dan pada hari itu diperlihatkan neraka jahannam; dan pada hari itu ingatlah manusia, akan tetapi tidak berguna lagi mengingat itu baginya.

(Surah *al-Fajr* ayat 23)

³⁰³ *Ibid* h. 159

b) *Al-Nār al-Saqar*

Al-Nār al-Saqar adalah nama bagi bagi neraka yang tidak mampu di gambarkan oleh akal manusia, di mana mereka yang dicampakkan kedalam *Al-Nār Saqar* akan hancur segala tulang-tulanginya. Firman Allah s.w.t

يَوْمَ يُسْحَبُونَ فِي النَّارِ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ ذُوقُوا مَسَّ سَقَرَ ﴿٤٨﴾

(Ingatlah) pada hari mereka diseret ke neraka atas muka mereka.

(Dikatakan kepada mereka): "Rasakanlah sentuhan api neraka!"

(Surah *al-Qamar* ayat 48)

c) *Al-Nār al-Jahīm*

Al-Nār al-Jahīm adalah merupakan nyalaan api yang besar dan menjulang tinggi, menggoncang jiwa yang melihat, merentap jantung orang yang engkar. Penjaganya dinamakan malaikat *Dhabāniah*, akan mengheret penghuninya dengan keras dan bengis. Firman Allah S.W.T.;

وَإِنَّ الْفُجَّارَ لَفِي جَحِيمٍ ﴿١٤﴾

Dan Sesungguhnya orang-orang yang durhaka benar-benar berada dalam neraka.

(Surah *al-Infīṭār* ayat 14)

Firman Allah S.W.T.;

خُذُوهُ فَاعْتَلُوهُ إِلَىٰ سَوَاءِ الْجَحِيمِ ﴿٤٧﴾

Peganglah dia Kemudian seretlah dia ke tengah-tengah neraka.

(Surah *al-Dukhān* ayat 47)

d) *Al-Nār al-Hāwiyah*

Al-Nār al-Hāwiyah merupakan satu jurang yang amat dalam sehingga tiada seorang pun dapat keluar apabila dicampak ke dalamnya. Apinya yang amat menakutkan.³⁰⁴ Firman Allah s.w.t ;

وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ ﴿٨﴾ فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ ﴿٩﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا هِيَ
نَارٌ حَامِيَةٌ ﴿١١﴾

8. Dan adapun orang-orang yang ringan timbangan (kebaikan)nya, 9. Maka tempat kembalinya adalah neraka Hawiyah. 10. Tahukah kamu apakah neraka Hawiyah itu? 11. (yaitu) api yang sangat panas.

(Surah *al-Qāri'ah* ayat 8-11)

Inilah sebahagian daripada nama-nama dan sifat neraka, terbatat banyak lagi nama-nama dinyatakan dalam al-Qurān, seperti *al-Khuṭamah*, *al-Lazza*, *al-Sa'iir* dan sebagainya yang mana dalamnya terdapat cairan daripada besi serta cangkuk yang menyentap kembali orang yang ingin keluar daripadanya. Secara amnya neraka adalah tempat tinggal yang disediakan oleh Allah S.W.T. kepada orang-orang Mu'min yang melakukan kejahatan dan kekufuran ketika hidup di dunia, dalamnya dipenuhi dengan segala azab dan penyiksaan yang mengerikan sehingga tidak pernah terlintas di hati manusia.

³⁰⁴ *Ibid* h. 160

5.11 Kesimpulan

Persoalan *al-ghaybiyyāt* yang penulis ketengahkan dalam kajian ini adalah berdasarkan kerangka pemikiran *al-Ibāḍiyyah*. Kajian ini dimulakan menerusi kronologi perjalan seorang manusia selepas kehidupan mereka di dunia. Perjalanan ini dimulai dengan kematian, dimana kematian bukanlah pengakhiran sebuah kehidupan, bahkan ianya permulaan kepada kehidupan yang kekal abadi. Maka kematian haruslah difahami sebagai perpindahan manusia dari kehidupan dunia kepada kehidupan alam barzakh. Manusia akan kekal disini sehinggalah berlakunya hari kebangkitan. Penulis juga membincangkan dalam kontek ini, adakah kebangkitan akan berlaku secara ruh dan jasad atau ruh sahaja.

Persoalan azab dan nikmat kubur dibincangkan dalam topik ini kerana ianya juga merupakan sebahagian dari persoalan *al-ghaybiyyat*. Begitu juga pendapat dalam kalangan mazhab akidah selain dari *al-Ibāḍiyyah*. Dalam kontek ini *al-Ibāḍiyyah* menegaskan berlakunya azab dan nikmat kubur berdasar dari dalil-dalil- dari al-Quran dan al-Hadith.

Berhubung dengan persoalan hari akhirat, terdapat beberapa perbezaan pendapat antara *al-Asyā'irah* dan *al-Ibāḍiyyah*. Namun begitu kebanyakan perbezaan ini hanyalah dari sudut istilah bahasa dan kaedah atau cara bagaimana perjalanan hari akhirat itu berlaku. Seperti persoalan *al-mizān*, *al-hisāb*, *al-ṣirat* dan keadaan manusia pada hari akhirat termaksudlah persoalan *al-syafā'ah*. Walaubagaimanapun secara umumnya semua mazhab bersepakat bahawa persoalan *al-ghayb* merupakan

sebahagian dari akidah Islamiyyah dan persoalan utama dalam ilmu kalam. Namun begitu terdapat juga perbezaan pendapat dalam kalangan mereka tentang kewujudan syurga dan neraka pada masa sekarang.

BAB KEENAM

6.0 Penutup

Melalui kajian ini penulis telah membentangkan secara jelas tentang mazhab *al-Ibadiyyah* dan pemikiran mereka dalam Ilmu Kalam. Bermula dengan memperkenalkan sejarah kemunculan *al-Ibāḍiyyah* sehinggalah kepada prinsip-prinsip yang menjadi teras akidah mereka. Mazhab *al-Ibāḍiyyah* merupakan salah sebuah mazhab Islam yang pertama dalam sejarah umat Islam. Jābir bin Zaid yang lahir antara tahun 18-22H, merupakan pengasas sebenar mazhab ini. *Al-Ibadiyyah* tidak ada sebarang kaitan dengan al-Khawārij melainkan hubungan yang bersifat umum. Sebagaimana hubungannya dengan mazhab-mazhab yang lain, kadang-kadang terdapat kesamaan dalam sesuatu pendapat dan perbezaan dalam pendapat yang lain.

Dalam bab yang pertama penulis menerangkan secara jelas dan kristis tentang sejarah kemunculannya. Mazhab *al-Ibāḍiyyah* yang telah muncul pada akhir kurun pertama hijrah merupakan salah sebuah mazhab yang paling awal muncul dengan prinsip-prinsip akidah Islam. Mazhab ini juga memiliki susur galur yang amat kuat dalam sejarah Islam. Perkara ini dapat dimengertikan dengan mudah ketika membandingkan sejarah pengasas mazhab ini. Individu seperti ‘Abd-Allah bin Ibād, Jābir bin Zaid merupakan golongan *tabi‘īn*. Mazhab ini telah dinisbahkan kepada

‘Abd-Allah bin Ibād sebagaimana yang telah dijelaskan, merupakan seorang daripada kalangan *tabi‘īn* yang mempunyai keistimewaan dalam sejarah Islam. Namun begitu para penganut mazhab ini sendiri telah menisbahkan mazhab ini kepada Jābir bin Zaid, seorang ulama’ yang alim, amat dikenali dan masyhur. Bagi mereka nama *al-Ibadiyyah* diberikan oleh al-khawarij, musuh mereka.

Pada asalnya ‘Abd-Allah bin Ibād merupakan salah seorang daripada individu yang terlibat dalam pergolakan yang dahsyat antara ‘Alī dan Mu‘āwiyah hingga membawa peperangan. Beliau kemudiannya bertindak meninggalkan pergolakan tersebut dengan menyertai gerakan yang dipimpin oleh ‘Abd-Allah bin Wahb al-Rāsibī, gerakan yang menentang keputusan *al-Taḥkīm* yang dilihat oleh mereka sebagai menyeleweng daripada al-Qur’ān dan al-Sunnah. Gerakan ini dinamakan sebagai *al-Muḥakkimah*. Namun begitu musuh mereka telah menggelarkan mereka dengan nama *al-Khawārij*. Setelah gerakan ini dipatahkan oleh ‘Ali r.a. dalam perang *al-Naḥrawān* beliau bersama-sama beberapa orang yang terselamat telah melarikan diri ke Basrah bersama Abī Bilāl al-Mardās yang juga terselamat dalam peristiwa *al-Naḥrawān*, mereka telah mengatur gerakan secara sulit mengajak manusia kembali kepada al-Qur’ān dan al-Sunnah. Gerakan ini pada awalnya tertumpu kepada kumpulan al-Muḥakkimah yang terselamat dalam peperangan *al-Naḥrawān*. Usaha murni yang mereka lakukan telah berjaya menarik ramai pengikut al-Muḥakkimah kembali kepada kefahaman sebenar tentang Islam.

Basrah pada waktu itu merupakan kota ilmu telah memperlihatkan kelahiran ulama’ dalam berbagai-bagai bidang dan cabang ilmu, diantaranya ialah Jābir bin

Zaid al-Āzidī. Abī Bilāl bersama ‘Abd-Allah bin Ibād juga tidak melepaskan peluang menuntut ilmu dengan beliau. Kelaziman mereka mengunjungi Jābir bin Zaid mewujudkan hubungan yang baik, antara mereka saling bertukar pandangan dan perbincangan. Sehingga Jābir sanggup pergi bersama Abī Bilāl menemui ‘Ā’isyah r.a. untuk menyatakan pendirian mereka terhadap Umm al-Mu’minīn tentang keterlibatan beliau dalam perang *al-Jamāl*, lalu menyarankan ‘Ā’isyah r.a. agar segera bertaubat kepada Allah S.W.T.³⁰⁵

Jābir bin Zaid dilihat sebagai penasihat Abī Bilāl dan ‘Abd-Allah bin Ibād. Hampir segala tindakan yang bakal dilaksanakan, pendapat Jabir menjadi keutamaan kepada mereka. Namun begitu gerakan sulit ini dapat dihidu oleh pemerintah Bani Umayyah pada waktu itu. Abī Bilāl antara individu yang paling dikehendaki oleh pemimpin kerajaan Bani Umayyah. Abī Bilāl cuba menyembunyikan diri daripada ditemui oleh tentera Hajjāj, ketika beliau cuba melarikan diri bersama-sama beberapa orang sahabatnya, beliau telah ditangkap di perkampungan *Āsāk* dan dibunuh.

Peristiwa yang menimpa Abī Bilāl telah menimbulkan kemarahan dalam kalangan sahabatnya, lalu mereka menyeru kepada semua pengikut al-Muḥakkimah agar segera menzahirkan diri dan menentang kerajaan Bani Umyyah. Namun seruan ini tidak mendapat sokongan yang padu daripada pengikut al-Muḥakkimah, kerana sudah ada dalam kalangan mereka yang tidak lagi berpegang dengan prinsip-prinsip al-Muḥakkimah sebagaimana ketika perang al-Nahrawān. Di sinilah berlakunya perpecahan al-Muḥakkimah. Nafi’ bin Azrāq, Najdah bin ‘Āmir al-Hanafī, Ziyād

³⁰⁵ Ziyānah bint Khalfān al-Ḥārithiyah (2006)..*al- Imām Jābir bin Zaid* maktabah al-Jīl al-Wa’iīd Masqaṭ, c.1, h184

bin al-Aṣfār dan ‘Abd al-Karīm Ajrād yang mengetuai beberapa kumpulan al-Muhakkimah telah menyahut seruan ini, bersama-sama pengikut mereka telah keluar meninggalkan Basrah menuju ke wilayah lain. Ini kerana menurut mereka tidak harus tinggal dalam satu wilayah bersama orang-orang yang tidak sefahaman dengan mereka. Bahkan mereka harus diperangi. Namun begitu Jābir bin Zaid dan ‘Abd-Allah bin Ibād tetap tinggal di Basrah bersama pengikutnya dan sesiapa yang menyokongnya. Sehingga mereka digelar sebagai al-Qā‘idah oleh kumpulan Nafi’ dan lainnya. Pada waktu yang sama juga ‘Abd-Allah bin Ibād telah mengadakan hubungan yang baik dengan pemerintah Bani Umayyah dengan mengutus surat kepada Khalifah ‘Abd al-Mālik bin Marwān, menyatakan beliau dan pengikutnya bukanlah sebahagian daripada al-Muḥakkimah. Bahkan Jābir sendiri memiliki hubungan yang baik dengan panglima al-Hajjāj bin Yusoff. Bermula dari sinilah munculnya *al-Ibadiyyah*.

Melalui bab yang kedua penulis membentangkan persoalan yang utama dan merupakan perkara dasar bagi mazhab *al-Ibadiyyah*, iaitu persoalan *al-Jumlah*. Persoalan ini merupakan titik permulaan perkembangan *‘ilm al-Kalm*. Bagi mereka, seseorang individu itu tidak dikira sebagai muslim, melainkan setelah dia mengucapkan ungkapan *al-Jumlah*. *Al-Jumlah* adalah lafaz dua kalimah syahadah bagi *al-Asya‘irah*. prinsip-prinsip yang dipegang oleh mazhab *al-Ibadiyyah*. Dalam konteks ini, Konsep Ketuhanan, Kenabian dan al-Ghaybiyyat merupakan manifestasi dari ungkapan *al-Jumlah*. Dalam konsep Ketuhanan *al-Ibadiyyah* membuktikan kewujudan Allah S.W.T. melalui metode akal. Mereka mendatangi premis-premis yang membentuk kebarangkalian jawapan yang boleh diyakini oleh akal. Keadaan ini

menunjukkan seolah-olah ada kesamaan antara *al-Ibadiyyah* dan ahli falsafah atau golongan rasionalis. Bagi ahli falsafah, pembuktian kewujudan Allah bertitik tolak daripada persoalan syak, sehingga ditemui jawapan yang membina keyakinan akidah. *al-Asyā'irah* pula memulai pembuktian mereka melalui kejituan akidah yang ditanam dalam hati, lalu membina dalil yang membawa keyakinan terhadap akidah tersebut. Bagi *al-Ibadiyyah*, pembuktian kewujudan Allah s.w.t lebih mudah difahami dengan kaedah akal. Namun mereka tetap menerima pembuktian kewujudan Allah melalui hujah al-Quran dan ajaran para *rasul* yang diutus oleh Allah S.W.T. Mereka juga bersependapat dengan *al-Asyā'irah* tentang kebaharuan 'alam sebagai pembuktian kewujudan Allah.

Al-Ibāḍiyyah juga bersependapat dengan *al-Asyā'irah* dalam menetapkan semua sifat dan nama yang layak bagi Allah S.W.T.. Namun mereka tidak membezakan *Dhat* dan Sifat. Bagi mereka keadaan *Dhat* itu sendiri menjadikanNya berkuasa, mengetahui, mendengar, melihat dan begitulah seterusnya dengan sifat sifat yang lain. Begitu juga dengan nama-nama Allah *al-Asma' al-Ḥusna*, bukanlah semata mata 99 nama yang disebut dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. *Al-Ibāḍiyyah* bersependapat dengan Muktazilah, menafikan bahawasanya Allah boleh dilihat sama ada di dunia atau di akhirat. Penafian ini adalah berdasarkan dalil bahawa perbuatan melihat sebagaimana yang difahami oleh mereka memerlukan beberapa syarat. Berdasarkan syarat-syarat yang dikemukakan, jelas kepada kita bahawa melihat hanya berlaku kepada apa-apa yang dinamakan jisim dan 'arad, sedangkan Allah S.W.T. bukanlah *Dhat* yang berjisim.

Dalam bab yang ketiga Sebahagian ulama' Ibādiyyah berpendapat para *nabi* juga diperintahkan untuk meyampaikan wahyu Allah S.W.T. kepada manusia. Ini adalah berdasarkan rasional “jika seorang Mu'min diperintahkan untuk menyampaikan ajaran *rasul* kepada manusia lain, apatah lagi jika seseorang itu adalah *nabi* yang dipilih oleh Allah S.W.T. untuk menerima wahyunya”. Mereka juga berpendapat bahawa sifat wajib bagi *rasul* itu ada tujuh perkara begitu juga sifat mustahil bagi *rasul*.

Al-Ibādiyyah menetapkan kewajiban beriman dengan perkara-perkara *al-ghaybiyyat* yang telah didatangkan oleh al-Qur'an dan al-Hadith, seperti persoalan dua malaikat dalam *al-Qabr*, azab dan nikmat *al-Qabr*, *al-Hisāb*, *al-Ṣirāt* dan sebagainya. Mereka mentakwilkan beberapa perkara tentang *al-ghaybiyyat* seperti, *al-Mīzan* yang ditakwilkan sebagai keadilan dan *al-Ṣirāt* sebagai jalan Islam atau agama. *Al-Ibādiyyah* juga berpendapat bahawa *al-Syafā'ah* khusus untuk orang Mu'min sahaja. Ia berlaku dengan cara, mereka mendatangi *Nabis*.a.w dan memohon baginda agar Allah memudahkan keadaan mereka di Hari Akhirat. *Al-Syafā'ah* hanya boleh dilakukan oleh *Rasul* s.a.w. sekali sahaja, dan ia berlaku sebelum segala amalan dihitung oleh Allah S.W.T. Pendapat ini berbeza dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* yang berpendapat bahawa *al-Syafā'ah* pada hari Akhirat untuk pelaku maksiat dalam kalangan orang-orang Islam dan bukannya khusus kepada *nabi* sahaja.

Demikianlah beberapa rumusan penting yang dapat dibuat berkaitan dengan kajian ini. Sebagai penutup pengkaji berpendapat, mazhab *al-Ibādiyyah* adalah

merupakan sebuah mazhab dalam Islam yang memiliki prinsip-prinsip akidah yang berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah. Walaupun terdapat sedikit perbezaan dalam beberapa perkara dengan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, namun perbezaan tersebut tidak harus dijadikan sebagai titik perbalahan umat Islam.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN UTAMA

Al-Qurān al-Karīm.

Muḥayyidin Abi Zakariyya Yaḥyā bin Syarif al-Nawawi,(1996) *Syarh Ṣaḥīḥ Muslim*.

C.5.Beirut.Dār al-Khayr.

RUJUKAN BAHASA MELAYU.

Abd al-Ghani dan Umar Yusuf,(1952) *Risalah al-Tawhid*, Johor Baharu, al-Ahmadiyyah Press Sdn. Bhd

Hasan Hamzah (ed), *kamus Insiklopedia*, j.1, Selangor: Anzagain Sdn Bhd

Harun Nasution Dr,(1998) *Teologi Islam aliran-aliran sejarah dan perkembangan c.*
5.penerbit Universitas Indonesia Jakarta.

Idris Awang(prof Madya) (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

Kamarul Bakri bin Abd Aziz,(1999) *Konsep Ilmu Tauhid Dalam Kitab Jawi* (Tesis Sarjana) Akademi Pengajian Islam U. Malaya

Wan Zailan Kamarudin Dr. (2001) *Ali bin Abi Talib dan pemikirannya dalam Ilmu Kalam* (Tesis PHD) . Akademi Pengajian Islam. U. Malaya.

Wan Zailan Kamarudin bin Wan Ali, Dr. Prof Madya, (2004) *Siapa itu Nabi-Nabi*.
Bentong : PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.

RUJUKAN BAHASA ARAB

‘Abd al-Hayy Muhammad Qābīl. Dr. (1995), *Al-Ibādiyyah wā Arā’uhum al-Kalamiyyah*. al-Qāhirah: Maktabah Nahḍah al-Syirq al-Ḥaram

‘Alī Yahyā Mu’ammār, (1989), *Al-Ibadiyyah fī Maukib al-Tārikh*. c.2. Rūwi:
Maktabah al-Istiḳāmah.

‘Alī Yahyā Mu’ammār, (1993), *Samrah Usrah Muslimah*. c.3. Sīb: Maktabah al-
Ḍāmīrī.

‘Alī Yahyā Mu’ammār. (2004), *al-Ibadiyyah Mazhab Islami Mu’tadil*, Sīb: Maktabah
al-Ḍāmīrī.

‘Amr bin al- Ḥāj Muhammad Ṣāliḥ Bā, (1992), *Dirāsah fī Fikr al-Ibādī*. c.2. Rūwi:
Maktabah al-Istiḳāmah.

‘Āsyūr bin Yūsuf Kaskās dan Aḥmad bin Sulaimān al-Kindī (1998), *Al-‘Aqīdah*. j.1
& 2.: Zanzibār: Jam’iyyah al-Istiḳāmah al-Islāmiyyah.

‘Āsyūr bin Yūsuf Kaskās,(1999), *‘Aqīdah, al-Qaḍiyyah al-Kubra fī ḥayāt al-Basyar*.Syria: Dār al-Ḥikmah li Ṭibā’ah wa-Nasyar.

‘Awwāḍ Muhammad Khalifāṭ (2000), *Uṣūl al-Tārīkhiyyah li-firqah al-Ibadiyyah*, c.4. Masqat: Wazarah al-Turāth al- qaum wa al-Thaqāfah.

Abī Hafṣ ‘Amrus bin Fath al-Nafūsi (896) *Uṣūl al-Dayyūh al-Ṣāfiyyah*. Taḥqīq, Ḥāj Aḥmad bin Ḥammū Krūm, (1999) Masqat: Wazarah al-Turāth al- qaum wa al-Thaqāfah.

Abū al Hassan Sufyyān bin Muḥammad ibn ‘Abd Allah al Rāsyidī,(2001) *al-I’ktiqād fī al-Islām*. Rūwi: Maktabah al-Istiḳāmah.

Al-‘Alāmah Abī Muhammad ‘Abd Allah bin Ḥamīd al-Sālīmī,(2003), *Bahjah al-Anwār, Syarh Anwār al-‘Uqūl fī al-Tawhid*, c.3. Rūwi: Maktabah al-Istiḳāmah.

Al-‘Alāmah al-Baṭāsyī (t.t.), *Jawwābāt wa- Rasāil*.Himpunan dan Susunan, Mājid bin Muhammad bin Sālim al-Kindī.(2003) c.1. Masqat: Wazarah al-Awqāf wa-Syu,ūn al-Dīniyyah.

Al-Imām Nūr al-Dīn al-Sālīmī (ṭ.ṭ.) ,*Masyāriq al-Anwār al-‘Uqūl*. Ulasan oleh, Syekh Aḥmad bin Ḥamd al-Khalīlī (2003) c.2. Rūwi: Maktabah al-Istiḳāmah.

Al-Kanjī al-Syāfi‘ī, Abī ‘Abd-Allāh Muḥammad bin Yūsuf bin Muḥammad al-Qarsyī (1404/1983) *Kifāyah al-Ṭālib fī Manāqib ‘Alī bin Abī Ṭālib ‘alayh al-salām*, Taḥqīḥ: Muḥammad Hādī al-Amīnī, Tehran: al-Maṭba‘ah al-Fārābī, ,

Al-Khwārizmī, al-Muwaffiq bin Aḥmad bin Muḥammad al-Makkī al-Ḥanafī.(t.t.), *al-Manāqib*, Taḥqīq: al-Syaikh Mālik al-Maḥmūdī, Qum: Mu’assasah al-Nasyr al-Islāmī

Al-Mas‘ūdī, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin al-Ḥasan bin ‘Alī al-Mas‘ūdī al-Hudhalī (1393/1973), *Murūj al-Dhahab wa Ma‘ādin al-Jawhar*, (4 vol.), Beirut: Dār al-Andalūs,.

Al-Muttaqī al-Hindī, ‘Alī bin Ḥusam al-Dīn (1374/1954), *Kanz al-‘Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af‘āl*, Hyderabad, Deccan: Maṭba‘ah Majlis Dā‘irah al-Ma‘ārif al-‘Uthmāniyyah,.

Al-Syahrastānī, Abū al-Faṭḥ Muḥammad ibn ‘Abd al-Karīm bin Abī Bakr Aḥmad (1380/1961). *al-Milal wa al-Niḥal*, Taḥqīq: ‘Abd al-‘Azīz Muḥammad al-Wakī’, Mu’assasah al-Ḥalabī, (3 vol.), al-Qāhirah.

Al-Ṭabari, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr (t.t.) *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, al-Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif, Miṣr.

Bakir bin Sa'id 'Awwasy,(2001) *Nafakhāt min al-Sīr*. Masqat: Wazārah al-Awqāf wa al-Syu,ūn al-Dīniyyah.

Bakir bin Sa'id 'Awwasy,(t.t.), *Aḍwa, Islamiyyah 'alā al-Ma'ālīm al-Ibadiyyah*, Masqat: Dār al-'Ummāniyyah li-Nasyr wa al-Tauzī'.

Dr Farḥāt 'Alī bin al-Ja'birī, 'Āsyūr bin Yūsuf Kaskās (1998), *Al-'Aqīdah*. Masqat: Wazarah al-Awqāf wa-Syu,ūn al-Dīniyyah.

Dr. Farḥāt al-Ja'birī (1996), *Ḍiya' min al-'Aqīdah al-Islāmiyyah*.c. 1, Rūwi: Maṭba'ah al-Zahabiyyah.

Ibn al-Āthīr, 'Izz al-Dīn Abī Ḥasan 'Alī ibn Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Juzarī. (1385/1965). *al-Kāmil Fī al-Tārīkh*, (12 vol.), Beirut: Dār al-Şādir, ,

Ibn al-Āthīr, 'Izz al-Dīn Abī Ḥasan 'Alī ibn Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Juzarī. (t.t.) *Usd al-Ghābah Fī Ma'rifat al-Şaḥābah*, Shibin El-Kom: Dār al-Sya'b,

Ibn al-Āthīr, 'Izz al-Dīn Abī Ḥasan 'Alī ibn Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Juzarī. (1392/1972) *Jāmi' al-Uşūl Fī Aḥādīth al-Rasul*, Muhafah al-Manufiyyah: Maṭba'ah al-Malāḥ,.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' (t.t.) *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm @ Tafsīr Ibn Kathīr*, al-Qāhirah: 'Īsā al-Bāb al-Ḥalabī.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā', (1968) *Nihāyah al-Bidāyah wa al-Nihāyah Fī al-Fitan Wa al-Malāhim*, Taḥqīq: Al-Syaikh Muḥammad Fahīm Abū 'Ubayh, (2 vol.), al-Riyāḍ: Maktabah al-Naṣr al-Ḥadīthah.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā', (1396/1971) *al-Sīrah al-Nabawīyah*, Beirut: Dār al-Ma'rifah,

Ibn Manẓūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram. (1375/1956), *Līṣān al-'Arab*, Beirut: Dār Ṣādir.

Mubarak bin Saif bin Sa'īd al-Hāsyimī (ṭ.ṭ.), *al-Imām Nūr al-Dīn al-Sālimī wa-Arā,uh fī al-Ilahiyyāt*. Sīb, Oman: Maktabah al-Ḍāmīrī.

Mubārak Hassan Hussin, (1982), *Ilm al-Tawhid fī Ḍaw, al-'Aql wa Naql*. Syubra al-Qāhirah, Maṭba'ah al-Amānah.

Mubārak Hassan Hussin, (1987), *'adwa' 'ala al-fikri al-Ays 'āri*. Syubra al-Qāhirah, Maṭba'ah al-Amānah.

Muḥibb al-Dīn al-Ṭabarī, Muḥibb al-Dīn al-'Abbās Aḥmad bin 'Abdullāh bin Muḥammad bin Abī Bakr bin Muḥammad al-Ṭabarī (1394/1974), *Dhakhā'ir al-'Uqbā fī Manāqib Dhawī al-Qurbā*, Beirut: Dār al-Ma'rifah.

Muslim bin Sālim bin 'Ali al-Wahībī, (2001), *Al-Fikr al-'Aqdī 'ind al-Ibadiyyah Ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī al-Hijrī*. Tesis Phd. Fakulti Usuluddīn, 'Akidah

dan Falsafah, Universiti al-Azhar, al-Qāhirah. Diseliakan oleh Dr. Muḥammad Ibrahīm al-Faiyyūmī.

Syaikh Ahmad bin Hamd al-Khalīlī (1996), *al-Imān bi- Allah ‘azza wa jalla*. Rūwi: Maktabah al-Istiqāmah.

Syaikh Ahmad bin Hamd al-Khalīlī (1996), *Ṣifāt Allah s. w. t*. Rūwi: Maktabah al-Istiqāmah.

Syaikh Ahmad bin Hamd al-Khalīlī (2003), *Syarh Manzūmah ghāyah al-murād fī nuḏūm al- ‘iktiqād li al-Imām Nūr al-Dīn al-Sālimī*. Masqat: Wazarah al-Awqāf wa-Syu,ūn al-Dīniyyah.

Syaikh Aḥmad bin Ḥamd al-Khalīlī (2009), *Tanzīh Allah Subḥānah wa Ta ‘ālā*. Rūwi: Maktabah al-Istiqāmah.

Ziyānah binti Khalfān al-Ḥārithiyyah,(2006), *Al-Imām Jābir bin Zaid wa Ta ‘sīsuḥu al-Fikr al-Ibāḏīy*. Cet.1. Nizwa: Maktabah al-Jīl al-wa’īd.

RUJUKAN BAHASA INGGERIS

‘Amr Khalifa In‘āmiy, Dr. *Studies in Ibadhism* (T.T.P)

Mahayuddin Haji Yahya, (1404/1984). *The Origins of The Khawarij*, Penerbitan Sarjana, Selangor,

